



كمتريڤ كبودايان بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

قراتورن انتي - دو قيع

PERATURAN ANTI DOPING RULES 2021

BDADC
Brunei Darussalam Anti Doping Committee

**PERATURAN ANTI-DOPING
BRUNEI DARUSSALAM**

1 JANUARI, 2021

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	4
PERKARA 1 DEFINISI DOPING	9
PERKARA 2 PELANGGARAN PERATURAN ANTI-DOPING	9
PERKARA 3 BUKTI DOPING	13
PERKARA 4 SENARAI YANG DILARANG	16
PERKARA 5 <i>UJIAN</i> DAN PENYIASATAN.....	23
PERKARA 6 ANALISIS SAMPEL	28
PERKARA 7 PENGURUSAN KEPUTUSAN: TANGGUNGJAWAB, SEMAKAN AWAL, NOTIS DAN PENGANTUNGAN SEMENTARA	31
PERKARA 8 <i>PENGURUSAN KEPUTUSAN</i> , HAK UNTUK PERBICARAAN YANG ADIL DAN NOTIS PEMUTUSAN PERBICARAAN	36
PERKARA 9 PEMBATALAN SECARA AUTOMATIK BAGI KEPUTUSAN INDIVIDU	39
PERKARA 10 SANKSI BAGI INDIVIDU	40
PERKARA 11 KONSEKUENSI TERHADAP PASUKAN	57
PERKARA 12 SANKSI OLEH BDADC TERHADAP BADAN SUKAN LAIN	57
PERKARA 13 PENGURUSAN KEPUTUSAN: RAYUAN ⁶⁴	59
PERKARA 14 PELAPORAN DAN KERAHASIAAN	67
PERKARA 15 PELAKSANAAN KEPUTUSAN	74
PERKARA 16 STATUT PENGEHADAN	76
PERKARA 17 PENDIDIKAN	76
PERKARA 18 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN PERSEKUTUAN KEBANGSAAN	76
PERKARA 19 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN BDADC.....	78
PERKARA 20 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN <i>ATLET</i>	79
PERKARA 21 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN <i>KAKITANGAN SOKONGAN ATLET</i>	79
PERKARA 22 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN <i>ORANG LAIN</i> TERTAKLUK PADA PERATURAN ANTI-DOPING INI	80
PERKARA 23 TAFSIRAN <i>KOD</i>	80
PERKARA 24 PERUNTUKAN AKHIR	81
LAMPIRAN 1 TAKRIF ⁷⁹	84

PENGENALAN

Prakata

Peraturan Anti-Doping ini diterima pakai dan dilaksanakan mengikut tanggungjawab Jawatankuasa Anti-Doping (BDADC) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM di bawah *Kod* dan sebagai usaha berterusan BDADC bagi mencegah doping dalam sukan di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Peraturan Anti-Doping ini adalah peraturan sukan yang mentadbir syarat sukan yang dimainkan. Tujuannya untuk menguatkuasakan peraturan anti-doping secara global dan harmoni, sifatnya berbeza daripada undang-undang jenayah dan sivil. Peraturan ini tidak tertakluk kepada atau terhad oleh sebarang keperluan dan standard sah di sisi undang-undang negara yang dikenakan kepada prosiding jenayah atau sivil, walaupun ia akan dikenakan dengan menghormati prinsip perkadaran dan hak manusia. Apabila disemak semula fakta dan undang-undang bagi kes tertentu, semua mahkamah, tribunal timbang tara dan badan pengadilan lain harus sedar dan menghormati sifat yang berbeza bagi Peraturan Anti-Doping ini, yang melaksanakan *Kod* tersebut, dan peraturan ini sememangnya merupakan konsensus spektrum yang luas bagi pihak berkepentingan di seluruh dunia tentang perkara yang perlu dilaksanakan untuk melindungi dan memastikan sukan yang adil.

Seperti yang diperuntukan dalam *Kod* tersebut, BDADC hendaklah bertanggungjawab untuk menjalankan semua aspek *Kawalan Doping*. Sebarang aspek *Kawalan Doping* atau *Pendidikan* anti-doping ini boleh ditugaskan oleh BDADC kepada Pihak *Ketiga yang Diwakilkan*, walau bagaimanapun, BDADC hendaklah mengarahkan Pihak *Ketiga yang Diwakilkan* tersebut untuk melaksanakan aspek-aspek tersebut dengan mematuhi *Kod*, *Piawaian Antarabangsa*, dan Peraturan Anti-Doping ini. BDADC hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan sebarang aspek yang diwakilkan dilaksanakan dengan mematuhi *Kod* tersebut.

Istilah digunakan dalam Peraturan Anti-Doping ini adalah istilah-istilah yang ditakrifkan daripada *Kod* itu dan diitalikkan.

Melainkan ditentukan sebaliknya, rujukan Perkara adalah rujukan kepada Perkara dalam Peraturan Anti-Doping ini.

Rasional Asas untuk *Kod* dan Peraturan Anti-Doping BDADC

Program Anti-Doping ini diasaskan pada nilai intrinsik sukan. Nilai intrinsik ini sering dimaksudkan sebagai “semangat sukan”: mengejar etika kecemerlangan insan melalui kesempurnaan bakat semula jadi setiap *atlet* yang berdedikasi.

Program Anti-doping berusaha untuk melindungi kesihatan *atlet* dan memberi peluang kepada *atlet* untuk mengejar kecemerlangan insan tanpa *Penggunaan Bahan Terlarang* dan *Kaedah yang Dilarang*.

Program Anti-doping berusaha untuk mengekalkan integriti sukan dalam istilah menghormati peraturan, pesaing lain, pertandingan yang adil, persaingan yang saksama, dan nilai sukan yang bersih di dunia.

Semangat kesukanan merupakan suatu perayaan bagi semangat, tubuh badan dan fikiran manusia. Ini adalah intipati Olimpik dan tercermin pada nilai-nilai yang boleh ditemui dalam dan melalui sukan, termasuk:

- Kesihatan
- Etika, permainan yang adil dan kejujuran
- Hak *atlet* seperti yang dinyatakan dalam *Kod*
- Kecemerlangan prestasi
- Watak dan *Pendidikan*
- Keseronokan dan kegembiraan
- Kerja berpasukan
- Dedikasi dan komitmen
- Menghormati peraturan dan undang-undang
- Menghormati diri dan *Peserta* lain
- Keberanian
- Kemasyarakatan dan perpaduan

Semangat kesukanan ditunjukkan dalam cara sebenar kita bermain.

Pada asasnya, doping adalah bertentangan dengan semangat kesukanan.

Program Anti-Doping Kebangsaan

Jawatankuasa Anti-Doping NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (BDADC) ditubuhkan dengan objektif untuk bertindak sebagai *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* bagi NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Berkenaan ini, dan mengikut Perkara 20.5.1 bagi Kod, terutamanya BDADC mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang diperlukan adalah bebas dalam keputusan operasinya dan aktiviti daripada sukan dan kerajaan. Tanpa had, ini termasuk larangan sebarang penglibatan dalam keputusan operasinya atau aktiviti oleh mana-mana *Orang* yang pada masa yang sama terlibat dalam pengurusan atau operasi mana-mana Persekutuan Antarabangsa, *Persekutuan Kebangsaan*, *Pertubuhan Acara Utama*, *Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan*, *Jawatankuasa Paralimpik Kebangsaan*, atau jabatan kerajaan yang bertanggungjawab terhadap sukan atau anti-doping.

Skop Peraturan Anti-Doping ini

Peraturan Anti-Doping hendaklah dikenakan kepada:

- (a) BDADC, termasuk ahli lembaga, pengarah, pegawai dan kakitangan tertentu, dan *Pihak Ketiga yang Diwakilkan* dan kakitangan mereka, yang terlibat dalam sebarang aspek *Kawalan Doping*:
- (b) *Persekutuan Kebangsaan* NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, termasuk ahli lembaga, pengarah, pegawai dan kakitangan tertentu, dan *Pihak Ketiga yang Diwakilkan* dan kakitangan mereka, yang terlibat dalam sebarang aspek *Kawalan Doping*:
- (c) Senarai para *Atlet*, *Kakitangan Sokongan Atlet* dan *Orang* lain (termasuk *Orang-Orang Yang Dilindungi*), dalam setiap kes, sama ada *Orang tersebut merupakan* warganegara atau penduduk NEGARA BRUNEI DARUSSALAM atau bukan:
 - (i) Semua *Atlet* dan *Kakitangan Sokongan Atlet* yang ahli atau pemegang lesen mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, atau mana-mana ahli atau anggota gabungan pertubuhan bagi mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (termasuk mana-mana kelab, pasukan, persatuan, atau liga);
 - (ii) Semua *Atlet* dan *Kakitangan Sokongan Atlet* yang mengambil bahagian dalam *acara*, *pertandingan*, dan aktiviti lain yang diaturkan, dianjurkan, dibenarkan atau diiktiraf oleh mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, atau oleh mana-mana ahli atau

anggota gabungan pertubuhan bagi mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (termasuk mana-mana kelab, pasukan, persatuan atau liga), di mana-mana sahaja ia diadakan;

(iii) Mana-mana *Atlet* lain atau *Kakitangan Sokongan Atlet* atau *Orang* lain yang, menurut kuasa pengiktirafan, lesen atau pengaturan kontrak lain, atau sebaliknya, adalah tertakluk kepada kuasa mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, atau mana-mana ahli atau anggota gabungan pertubuhan bagi mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (termasuk mana-mana kelab, pasukan, persatuan atau liga), untuk tujuan anti-doping: dan

(iv) Semua *Atlet* dan *Kakitangan Sokongan Atlet* yang mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti yang dianjurkan, diadakan, diaturkan atau dibenarkan oleh penganjur *Acara Kebangsaan* atau liga kebangsaan yang tidak digabung dengan *Persekutuan Kebangsaan*.¹

(v) *Atlet Rekreasi*, iaitu mana-mana *Orang* yang terlibat atau menyertai aktiviti sukan atau kesihatan untuk tujuan rekreasi tetapi bukan yang akan bertanding dalam *Pertandingan* atau *Acara* yang dianjurkan, diiktiraf, atau diumumkan oleh *Persekutuan Kebangsaan*, atau mana-mana gabungan atau bukan gabungan persatuan, Pertubuhan, kelab, pasukan, atau liga dan yang, dalam tempoh lima (5) tahun sebelumnya telah melakukan sebarang pelanggaran peraturan anti-doping, belum menjadi *Atlet Peringkat Antarabangsa* (seperti yang ditakrifkan oleh setiap Persekutuan Antarabangsa selaras dengan *Piawaian Antarabangsa untuk Ujian dan Penyiasatan*) atau *Atlet Peringkat Kebangsaan* (seperti yang ditakrifkan oleh BDADC atau *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* lain selaras dengan *Piawaian Antarabangsa untuk Ujian dan Penyiasatan*); belum mewakili NEGARA BRUNEI DARUSSALAM atau mana-mana negara lain dalam *Acara Antarabangsa* dalam kategori terbuka²; atau belum dimasukkan dalam sebarang *Pengumpulan Ujian Berdaftar* atau maklumat kumpulan keberadaan dikekalkan oleh mana-mana Persekutuan Antarabangsa BDADC atau *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* lain.

(d) Semua *Orang* lain yang *Kod* itu memberi kuasa kepada BDADC, termasuk semua *Atlet* yang warganegara atau penduduk NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, dan semua *Atlet* yang ada di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, sama ada untuk bertanding atau untuk melatih atau sebaliknya.

Setiap *Orang* yang tersebut di atas adalah dianggap, sebagai syarat penyertaan atau penglibatan mereka dalam sukan di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, telah bersetuju untuk dan terikat dengan Peraturan Anti-

Doping ini, dan telah dihadapkan kepada kuasa BDADC bagi penguatkuasaan Peraturan Anti-Doping ini, termasuk sebarang konsekuensi bagi pelanggaran daripadanya, dan bidang kuasa panel perbicaraan yang ditetapkan dalam Perkara 8 dan Perkara 13 untuk mendengar dan menentukan kes dan rayuan yang dihadapkan di bawah Peraturan Anti-Doping ini.³

Dalam keseluruhan kumpulan *Atlet* yang dinyatakan di atas yang terikat dengan dan dikehendaki mematuhi Peraturan Anti-doping ini, *Atlet* yang berikut hendaklah dianggap sebagai *Atlet Peringkat-Kebangsaan* bagi tujuan Peraturan Anti-Doping ini, dan peruntukan khusus dalam Peraturan Anti-Doping ini boleh dikenakan kepada *Atlet Peringkat Kebangsaan* (contoh, *Ujian*, *TUEs*, keberadaan, dan *Pengurusan Keputusan*) akan dikenakan kepada setiap *Atlet*:

- (a) *Atlet* yang ahli atau pemegang lesen mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM atau mana-mana pertubuhan lain yang digabungkan dengan *Persekutuan Kebangsaan* termasuk persatuan, kelab, pasukan atau liga.
- (b) *Atlet* yang menyertai atau bertanding di sebarang *pertandingan*, *acara*, atau aktiviti, yang dianjurkan, diiktiraf, atau diumumkan oleh *Persekutuan Kebangsaan*, oleh mana-mana persatuan pertubuhan, kelab, pasukan, atau liga yang digabungkan atau oleh Kerajaan di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
- (c) Mana-mana *Atlet* lain yang menurut kuasa pengiktirafan, lesen atau pengaturan kontrak lain, termasuk dalam kompetensi *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM atau mana-mana persatuan, pertubuhan, kelab, pasukan, atau liga yang digabungkan di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM atas tujuan menentang doping dalam sukan di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
- (d) *Atlet* yang menyertai sebarang aktiviti yang diatur, diiktiraf, atau dianjurkan oleh penganjur *acara kebangsaan* atau sebarang liga kebangsaan lain dan yang tidak digabungkan dengan *Persekutuan Kebangsaan*.

Walau bagaimanapun, jika mana-mana *Atlet* diklasifikasikan oleh Persekutuan Antarabangsa masing-masing sebagai *Atlet Peringkat Antarabangsa* maka mereka hendaklah dianggap sebagai *Atlet Peringkat Antarabangsa* (dan bukan *Atlet Peringkat Kebangsaan*) bagi tujuan Peraturan Anti-Doping ini.

PERKARA 1 DEFINISI DOPING

Definisi doping ialah berlakunya satu atau lebih pelanggaran peraturan anti-doping yang ditetapkan dalam Perkara 2.1 melalui Perkara 2.11 Peraturan Anti-Doping ini.

PERKARA 2 PELANGGARAN PERATURAN ANTI-DOPING

Tujuan Perkara 2 adalah untuk menentukan keadaan dan tingkah laku yang mengakibatkan pelanggaran peraturan anti-doping. Perbicaraan dalam kes doping akan diteruskan berdasarkan penegasan bahawa satu atau lebih peraturan khusus ini telah dilanggar.

Atlet atau *Orang* lain hendaklah bertanggungjawab untuk mengetahui punca pelanggaran peraturan anti-doping dan bahan-bahan dan kaedah-kaedah yang telah dimasukkan dalam *Senarai yang Dilarang*.

Punca pelanggaran peraturan anti-doping adalah seperti berikut:

2.1 Kehadiran *Bahan Terlarang* atau *Metabolitnya* atau *Penanda* dalam *Sampel Atlet*

2.1.1 Menjadi tanggungjawab *Atlet* untuk memastikan bahawa tidak ada *Bahan Terlarang* yang memasuki badan mereka. *Atlet* bertanggungjawab atas sebarang *Bahan Terlarang* atau *Metabolitnya* atau *Penanda* yang terdapat dalam sampel mereka. Dengan sewajarnya, niat, *Kesalahan*, *Kecuaian* atau pengetahuan tentang Penggunaan *Atlet* *tidak perlu* ditunjukkan untuk membuktikan pelanggaran peraturan anti-doping di bawah Perkara 2.1.⁴

2.1.2 Bukti yang mencukupi daripada pelanggaran peraturan anti-doping di bawah Perkara 2.1 dibuktikan oleh sebarang yang berikut: kehadiran *Bahan Terlarang* atau *Metabolitnya* atau *Penanda* dalam *Sampel A Atlet* berkenaan yang *Atlet* tersebut mengetepikan analisis bagi *Sampel B* dan *Sampel B* tidak dianalisis; atau, *Sampel B Atlet* dianalisis dan analisis bagi *Sampel B Atlet* tersebut mengesahkan kehadiran bagi *Bahan Terlarang* atau *Metabolitnya* atau *Penanda* yang terdapat di dalam *Sampel A Atlet* atau, *Sampel A* atau *B Atlet* adalah dibahagikan kepada dua (2) bahagian dan analisis bagi bahagian pengesahan bagi *Sampel* berpecah mengesahkan kehadiran *Bahan Terlarang* atau *Metabolitnya* atau *Penanda* terdapat di bahagian pertama *Sampel* berpecah atau *Atlet* mengetepikan analisis bagi bahagian pengesahan *Sampel* berpecah.⁵

2.1.3 Kecuali bahan-bahan berkenaan yang *Had Keputusan* dikenal pasti secara khusus di dalam *Senarai yang Dilarang* atau *Dokumen Teknikal*, kehadiran sebarang kuantiti yang dilaporkan dari *Bahan Terlarang* atau *Metabolitnya* atau *Penanda* dalam *Sampel Atlet* akan menyebabkan pelanggaran peraturan anti-doping.

2.1.4 Sebagai pengecualian kepada peraturan umum bagi Perkara 2.1, *Senarai yang Dilarang*, *Piawaian Antarabangsa*, atau *Dokumen Teknikal* boleh membuktikan kriteria khas untuk pelaporan atau penilaian *Bahan Terlarang* yang tertentu.

2.2 Penggunaan atau Percubaan Penggunaan Bahan Terlarang atau Kaedah yang Dilarang⁶

2.2.1 Menjadi tanggungjawab *Atlet* untuk memastikan bahawa tidak ada *Bahan Terlarang* memasuki badan mereka dan tidak ada *Kaedah yang Dilarang* yang *digunakan*. Dengan sewajarnya, tujuan, *Kesalahan*, *Kecuaian* atau mengetahui penggunaan *Atlet* tidak perlu ditunjukkan untuk membuktikan tentang pelanggaran peraturan anti-doping bagi *Penggunaan Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang*.

2.2.2 Kejayaan atau kegagalan *Penggunaan* atau *Percubaan Penggunaan Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* adalah bukan material. Ini mencukupi bahawa *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* telah *Digunakan* atau *Percubaan* untuk *Digunakan* bagi pelanggaran peraturan anti-doping berlaku.⁷

2.3 Mengelak, Menolak atau Gagal Menyerahkan Pengambilam Sampel oleh seseorang Atlet

Mengelak pengambilan sampel; atau menolak atau gagal menyerahkan pengambilan sampel tanpa justifikasi yang mendesak selepas pemberitahuan oleh *Orang* yang diberi kuasa dengan sewajarnya.⁸

2.4 Kegagalan keberadaan oleh seseorang Atlet

Sebarang gabungan daripada tiga (3) ujian yang terlepas dan/ atau kegagalan memfailkan, seperti yang ditentukan di dalam *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*, dalam tempoh dua belas (12) bulan oleh seorang *Atlet* dalam *Pengumpulan Ujian Berdaftar*.

2.5 Mengubah atau Percubaan Mengubah sebarang bahagian Kawalan Doping oleh Seseorang Atlet atau Orang lain

2.6 *Pemilikan Bahan Terlarang atau Kaedah yang Dilarang oleh Atlet atau Kakitangan Sokongan Atlet*

2.6.1 *Pemilikan oleh seseorang Atlet Di dalam Pertandingan bagi sebarang Bahan Terlarang atau Kaedah yang Dilarang, atau Pemilikan oleh Atlet Di luar Pertandingan bagi sebarang Bahan Terlarang atau Kaedah yang Dilarang yang ditegah Di luar Pertandingan melainkan Atlet membuktikan bahawa pemilikan itu adalah selaras dengan Pengecualian Penggunaan Terapeutik (“TUE”) yang diberikan mengikut Perkara 4.4 atau perwajaran lain yang boleh diterima.*

2.6.2 *Pemilikan oleh Kakitangan Sokongan Atlet Di dalam Pertandingan bagi sebarang Bahan Terlarang atau Kaedah yang Dilarang, atau Pemilikan oleh Kakitangan Sokongan Atlet Di luar Pertandingan bagi sebarang Bahan Terlarang atau Kaedah yang Dilarang yang ditegah Di luar Pertandingan yang berkaitan dengan Atlet, Pertandingan atau latihan, melainkan Kakitangan Sokongan Atlet membuktikan bahawa Pemilikan itu adalah konsisten dengan TUE diberikan kepada Atlet mengikut Perkara 4.4 atau perwajaran lain boleh diterima.⁹*

2.7 *Mengedar atau Percubaan Mengedar Sebarang Bahan atau Kaedah yang Dilarang oleh Atlet atau Orang Lain*

2.8 *Pemberian atau Percubaan Pemberian Atlet atau Orang lain kepada mana-mana Atlet Di dalam Pertandingan sebarang Bahan atau Kaedah yang Dilarang, atau Pemberian atau Percubaan Pemberian kepada mana-mana Atlet yang Di luar Pertandingan sebarang Bahan Terlarang atau Kaedah yang Dilarang Di luar Pertandingan*

2.9 *Keterlibatan atau Percubaan Keterlibatan Atlet atau Orang Lain*

Membantu, menggalakkan, menolong, bersubahat, berkomplot, menutup atau apa-apa jenis keterlibatan yang disengajakan atau *Percubaaan* keterlibatan yang melibatkan pelanggaran peraturan anti-doping, *Percubaan* pelanggaran peraturan anti-doping atau pelanggaran Perkara 10.14.1 oleh Orang lain.¹⁰

2.10 *Hubung Kait Atlet atau Orang Lain yang Dilarang*

2.10.1 Hubung kait *Atlet* atau *Orang* lain adalah tertakluk kepada *Pertubuhan Anti-Doping* dalam kapasiti profesional atau berkaitan dengan sukan dengan mana-mana *Kakitangan Sokongan Atlet* yang:

2.10.1.1 Jika tertakluk kepada *Pertubuhan Anti-Doping*, sedang menjalani tempoh *Ketidaklayakan*; atau

2.10.1.2 Jika tidak tertakluk kepada *Pertubuhan Anti-Doping*, dan jika *Ketidaklayakan* belum ditangani dalam proses *Pengurusan Keputusan* menurut *Kod*, telah disabitkan atau didapati melakukan jenayah, prosiding tatatertib atau profesional yang melibatkan tingkah laku yang akan menjadi pelanggaran peraturan anti-doping jika peraturan pematuhan *Kod* dikenakan pada *Orang* tersebut. Status penyingkiran *Orang* tersebut hendaklah berkuat kuasa selama enam (6) tahun dari keputusan jenayah, profesional atau tatatertib atau tempoh hukuman jenayah, tatatertib atau sanksi profesional yang dikenakan; atau

2.10.1.3 Berfungsi sebagai orang depan atau perantara bagi individu yang dijelaskan dalam Perkara 2.10.1.1 or 2.10.1.2.

2.10.2 Untuk membuktikan pelanggaran bagi Perkara 2.10, *Pertubuhan Anti-Doping* hendaklah memastikan bahawa *Atlet* atau *Orang* lain tersebut mengetahui status penyingkiran *Kakitangan Sokongan Atlet*.

Beban hendaklah ditanggung oleh *Atlet* atau *Orang* lain tersebut untuk membuktikan bahawa sebarang hubung kait dengan *Kakitangan Sokongan Atlet* yang dijelaskan dalam Perkara 2.10.1.1 atau 2.10.1.2 adalah bukan kapasiti profesional atau berkaitan dengan sukan dan/atau hubung kait tersebut tidak dapat dielakkan.

Pertubuhan Anti-Doping yang menyedari bahawa *Kakitangan Sokongan Atlet* yang memenuhi kriteria seperti yang dijelaskan dalam Perkara 2.10.1.1, 2.10.1.2, atau 2.10.1.3 hendaklah menghadapkan maklumat tersebut kepada *WADA*.¹¹

2.11 Tindakan *Atlet* atau *Orang Lain* untuk Menghalang atau Tindakan Balas terhadap Pelaporan kepada Pihak Berkuasa

Jika tingkah laku tersebut tidak akan menjadi pelanggaran dalam Perkara 2.5:

- 2.11.1** Sebarang tindakan yang mengancam atau mencuba untuk menakut-nakuti *Orang* lain dengan niat untuk menghalang *Orang* tersebut daripada melaporkan maklumat dengan niat baik berkaitan dengan tuduhan pelanggaran peraturan anti-doping atau tuduhan ketidakpatuhan *Kod WADA, Pertubuhan Anti-doping*, penguatkuasaan undang-undang, badan kawal selia atau tata tertib profesional, badan perbicaraan atau *Orang* yang menjalankan siasatan untuk *WADA* atau *Pertubuhan Anti-Doping*.
- 2.11.2** Tindakan balas terhadap *Orang* yang, dengan suci hati, memberikan bukti atau maklumat yang berkaitan dengan tuduhan pelanggaran peraturan anti-doping atau tuduhan ketidakpatuhan *Kod WADA, Pertubuhan Anti-Doping*, penguatkuasaan undang-undang, badan kawal selia atau tata tertib profesional, badan perbicaraan atau *Orang* yang menjalankan siasatan untuk *WADA* atau *Pertubuhan Anti-Doping*.

Bagi maksud Perkara 2.11, tindakan balas, mengancam dan menakut-nakuti termasuk tindakan yang diambil terhadap *Orang* tersebut sama ada tindakan itu kekurangan asas niat baik atau respons yang tidak seimbang.¹²

PERKARA 3 BUKTI DOPING

3.1 Bebanan dan Piawaian Pembuktian

BDADC hendaklah menanggung beban untuk membuktikan bahawa pelanggaran peraturan anti-doping telah terjadi. Piawaian pembuktian adalah sama ada **BDADC** telah membuktikan pelanggaran peraturan anti-doping untuk penyelesaian yang selesai panel perbicaraan, dengan mengambil kira keseriusan tuduhan yang dibuat. Piawaian pembuktian ini dalam semua kes adakah lebih besar daripada sekadar keseimbangan kebarangkalian tetapi kurang daripada bukti yang melebihi keraguan munasabah. Jika Peraturan Anti-Doping ini meletakkan beban pembuktian kepada *Atlet* atau *Orang* lain yang dituduh melakukan kesalahan pelanggaran anti-doping untuk membantah anggapan atau membuktikan fakta atau keadaan tertentu, kecuali sebagaimana yang disediakan dalam Perkara 3.2.2 dan 3.2.3, piawaian pembuktian hendaklah berdasarkan keseimbangan kebarangkalian.¹³

3.2 Kaedah Pembuktian Fakta dan Anggapan

Fakta yang berkaitan dengan pelanggaran peraturan anti-doping boleh dibuktikan dengan cara yang boleh dipercayai, termasuk pengakuan.¹⁴ Peraturan pembuktian berikut hendaklah boleh digunakan dalam kes-kes doping:

3.2.1 Kaedah analisis atau *Had Keputusan* yang diluluskan oleh WADA setelah berbincang dengan komuniti saintifik atau yang menjadi subjek kajian rakan sebaya adalah dianggap sah secara saintifik. Mana-mana *Atlet* atau *Orang* lain yang ingin mencabar sama ada syarat anggapan tersebut telah dipenuhi atau membantah anggapan kesahihan saintifik hendaklah, dengan syarat terdahulu pada sebarang cabaran tersebut, terlebih dahulu memaklumkan WADA mengenai cabaran dan asas cabaran itu. Badan perbicaraan asal, badan rayuan atau CAS, dengan inisiatifnya sendiri, juga boleh memaklumkan WADA mengenai cabaran tersebut. Dalam masa sepuluh (10) hari dari WADA menerima notis tersebut dan fail kes berkaitan cabaran tersebut, WADA juga berhak untuk campur tangan sebagai pihak, tampil sebagai *amicus curiae* atau memberikan bukti dalam prosiding tersebut. Dalam kes sebelum CAS, atas permintaan WADA, panel CAS hendaklah melantik pakar saintifik yang sesuai untuk membantu panel membuat penilaian dalam cabaran itu.¹⁵

3.2.2 Makmal yang diiktiraf WADA, dan makmal lain yang dibenarkan oleh WADA, dianggap telah melakukan analisis *Sampel* dan prosedur penjagaan mengikut *Piawaian Antarabangsa* untuk Makmal. *Atlet* atau *Orang* lain boleh membantah anggapan dengan menetapkan bahawa berlakunya pengabaian *Piawaian Antarabangsa* untuk Makmal boleh menjejaskan *Penemuan Analitik Buruk* tersebut.

Jika *Atlet* atau *Orang* lain membantah anggapan sebelumnya dengan menunjukkan bahawa berlakunya pengabaian *Piawaian Antarabangsa* untuk Makmal yang boleh menjejaskan *Penemuan Analitik Buruk*, maka **BDADC** hendaklah menanggung beban untuk membuktikan bahawa pengabaian tersebut tidak menjejaskan *Penemuan Analitik Buruk*.¹⁶

3.2.3 Pengabaian dari mana-mana *Piawaian Antarabangsa* lain atau peraturan atau polisi anti-doping lain yang dinyatakan dalam *Kod* atau Peraturan Anti-Doping ini tidak membatalkan hasil analisis atau bukti pelanggaran peraturan anti-doping lain, dan tidak

boleh dijadikan sebagai pembelaan pada pelanggaran peraturan anti-doping;¹⁷ dengan syarat, bagaimana pun, jika *Atlet* atau *Orang* lain membuktikan bahawa pengabaian daripada salah satu peruntukan *Piawaian Antarabangsa* tertentu yang disenaraikan di bawah ini boleh menyebabkan pelanggaran peraturan anti-doping berdasarkan *Penemuan Analitik Buruk* atau kegagalan keberadaan, maka **BDADC** hendaklah menanggung beban untuk membuktikan pengabaian tersebut tidak menjejaskan *Penemuan Analitik Buruk* atau kegagalan keberadaan:

- (i) pengabaian *Piawaian Antarabangsa* untuk *Ujian* dan *Siasatan* yang berkaitan pengumpulan *Sampel* atau pengendalian *Sampel* yang boleh menyebabkan pelanggaran peraturan anti-doping berdasarkan *Penemuan Analitik Buruk*, dalam kes ini **BDADC** hendaklah menanggung beban untuk membuktikan bahawa pengabaian tersebut tidak menjejaskan *Penemuan Analitik Buruk*;
- (ii) pengabaian *Piawaian Antarabangsa* untuk *Pengurusan Keputusan* atau *Piawaian Antarabangsa* untuk *Ujian* dan *Siasatan* yang berkaitan dengan *Penemuan Pasport Pembalikan* yang boleh menyebabkan pelanggaran peraturan anti-doping, dalam kes ini **BDADC** hendaklah menanggung beban bahawa pengabaian tersebut tidak mengakibatkan pelanggaran peraturan anti-doping;
- (iii) pengabaian *Piawaian Antarabangsa* untuk *Pengurusan Keputusan* yang berkaitan dengan keperluan untuk menyediakan notis kepada *Atlet* atau pembukaan *Sampel B* yang boleh menyebabkan pelanggaran peraturan anti-doping berdasarkan *Penemuan Analitik Buruk*, dalam kes ini **BDADC** hendaklah menanggung beban untuk membuktikan bahawa pengabaian tersebut tidak menjejaskan *Penemuan Analitik Buruk*;¹⁸
- (iv) pengabaian *Piawaian Antarabangsa* untuk *Pengurusan Keputusan* yang berkaitan dengan pemakluman *Atlet* yang boleh menyebabkan pelanggaran peraturan anti-doping berdasarkan kegagalan keberadaan, dalam kes ini **BDADC** hendaklah menanggung beban untuk membuktikan bahawa pengabaian tersebut tidak mengakibatkan kegagalan keberadaan.

3.2.4 Fakta yang ditetapkan dengan keputusan mahkamah atau tribunal tatatertib profesional bagi bidang kuasa kompeten yang tidak tertakluk pada rayuan yang masih berjalan

adalah bukti yang tidak dapat disangkal terhadap *Atlet* atau *Orang* lain yang keputusannya berkaitan dengan fakta tersebut melainkan *Atlet* atau *Orang* lain membuktikan bahawa keputusan itu melanggar prinsip keadilan asasi.

3.2.5 Panel perbicaraan dalam perbicaraan pelanggaran peraturan anti-doping boleh membuat inferens bertentangan kepada *Atlet* atau *Orang* lain yang ditegaskan telah melakukan pelanggaran peraturan anti-doping berdasarkan penolakan *Atlet* atau *Orang* lain, setelah permintaan dibuat dalam masa yang munasabah sebelum perbicaraan, untuk hadir sewaktu perbicaraan (sama ada secara langsung atau melalui panggilan telefon seperti yang diarahkan oleh panel perbicaraan) dan untuk menjawab soalan daripada panel perbicaraan atau **BDADC**.

PERKARA 4 SENARAI YANG DILARANG

4.1 Penggabungan Senarai Yang Dilarang

Peraturan Anti-Doping ini menggabungkan *Senarai yang Dilarang* yang diterbitkan dan disemak oleh WADA seperti yang dijelaskan dalam Perkara 4.1 *Kod* ini.

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam *Senarai yang Dilarang* atau semakan, *Senarai yang Dilarang* dan semakan hendaklah berkuat kuasa di bawah Peraturan Anti-Doping ini selama tiga (3) bulan setelah WADA menerbitkannya tanpa memerlukan **BDADC** tindakan selanjutnya. Semua *Atlet* dan *Orang* lain hendaklah terikat dengan *Senarai yang Dilarang*, dan sebarang semakan ke atasnya, dari tarikh ia berkuat kuasa, tanpa formaliti lebih lanjut. Menjadi tanggungjawab semua *Atlet* dan *Orang* lain untuk membiasakan diri dengan *Senarai yang Dilarang* yang terkini dan semua semakan ke atasnya.¹⁹

4.2 *Bahan-Bahan Terlarang dan Kaedah yang dilarang yang Dikenal pasti dalam Senarai yang Dilarang*

4.2.1 *Bahan-Bahan Terlarang dan Kaedah yang Dilarang*

Senarai yang Dilarang hendaklah mengenal pasti *Bahan-Bahan Terlarang* dan *Kaedah yang Dilarang* yang dilarang sebagai doping pada setiap masa (kedua-dua *Di dalam Pertandingan* dan *Di luar Pertandingan*) kerana berpotensi untuk meningkatkan prestasi mereka dalam *Pertandingan* yang akan datang atau potensi penopengan mereka dan

bahan-bahan dan kaedah tersebut dilarang *Di dalam Pertandingan* sahaja. *Senarai yang Dilarang* boleh ditambah oleh WADA untuk sukan tertentu. *Bahan-Bahan Terlarang* dan *Kaedah yang Dilarang* boleh dimasukkan dalam *Senarai yang Dilarang* mengikut kategori umum (contoh, agen anabolik) atau dengan rujukan khusus untuk bahan atau kaedah tertentu.²⁰

4.2.2 *Bahan-bahan Tertentu atau Kaedah Tertentu*

Untuk tujuan pengenaan Perkara 10, semua *Bahan-Bahan Terlarang* adalah *Bahan-Bahan Tertentu* kecuali yang dikenal pasti dalam *Senarai yang Dilarang*. Tidak ada *Kaedah yang Dilarang* menjadi *Kaedah Tertentu* melainkan jika ia dikenal pasti secara khusus sebagai *Kaedah Tertentu* dalam *Senarai yang Dilarang*.²¹

4.2.3 *Penyalahgunaan Bahan*

Untuk tujuan pengenaan Perkara 10, *Penyalahgunaan Bahan* termasuk *Bahan-Bahan Terlarang* yang dikenal pasti secara khusus sebagai *Penyalahgunaan Bahan* dalam *Senarai yang Dilarang* kerana sering disalahgunakan dalam masyarakat di luar konteks sukan.

4.3 *Penentuan Senarai yang Dilarang oleh WADA*

Penentuan *Bahan-Bahan Terlarang* dan *Kaedah yang Dilarang oleh WADA* yang akan dimasukkan pada *Senarai yang Dilarang*, pengklasifikasian bahan-bahan kepada kategori dalam *Senarai yang Dilarang*, pengklasifikasian bahan yang dilarang pada setiap masa atau *Di dalam Pertandingan* sahaja, pengklasifikasian bahan atau kaedah sebagai *Bahan Tertentu*, *Kaedah Tertentu* atau *Penyalahgunaan Bahan* adalah muktamad dan tidak boleh tertakluk pada sebarang cabaran oleh *Athlet* atau *Orang* lain termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang cabaran berdasarkan hujah bahawa bahan atau kaedah tersebut bukan agen penopeng atau tidak berpotensi untuk meningkatkan prestasi, menunjukkan risiko kesihatan atau melanggar semangat kesukanan.

4.4 *Pengecualian Penggunaan Terapeutik ("TUEs")*

4.4.1 *Kehadiran Bahan Terlarang atau Metabolit atau Penandanya, dan/atau Penggunaan atau Percubaan Penggunaan, Pemilikan atau Pemberian atau Percubaan Pemberian*

Bahan Terlarang atau *Kaedah yang Dilarang* tidaklah dianggap sebagai pelanggaran peraturan anti-doping jika selaras dengan peruntukan *TUE* yang diberikan mengikut *Piawaian Antarabangsa* untuk *Pengecualian Penggunaan Terapeutik*.

4.4.2 Proses Permohonan *TUE*

4.4.2.1 Mana-mana *Athlet* yang bukan *Athlet Peringkat Antarabangsa* hendaklah memohon *TUE* secepat mungkin daripada **BDADC**, kecuali jika Perkara 4.1 atau 4.3 *Piawaian Antarabangsa* untuk *Pengecualian Penggunaan Terapeutik* dikenakan. Permohonan hendaklah dibuat mengikut Perkara 6 *Piawaian Antarabangsa* untuk *Pengecualian Penggunaan Terapeutik* seperti yang dipaparkan di laman sesawang **BDADC**.

4.4.2.2 **BDADC** hendaklah melantik Jawatankuasa *Pengecualian Penggunaan Terapeutik* ("TUEC") untuk mempertimbangkan pemberian atau pengiktirafan *TUEs*.

(a) TUEC hendaklah terdiri daripada tiga (3) anggota yang berpengalaman dalam penjagaan dan rawatan *Athlet* dan yang mempunyai pengetahuan yang baik tentang perubatan klinikal, sukan dan latihan.

(b) Sebelum berkhidmat sebagai anggota TUEC, setiap anggota mesti menandatangani konflik kepentingan dan akuan kerahsiaan. Anggota yang dilantik hendaklah tidak terdiri daripada kakitangan **BDADC**.

(c) Sebelum mempertimbangkan permohonan, setiap anggota hendaklah mendedahkan kepada Pengerusi sebarang keadaan yang mungkin mempengaruhi kesaksamaan terhadap *Athlet* yang membuat permohonan tersebut. Jika atas sebarang sebab, seorang anggota keberatan atau tidak dapat menilai permohonan *TUE Athlet*, *Orang* lain yang berkelayakan hendaklah dilantik sebagai anggota TUEC.

4.4.2.3 TUEC hendaklah segera menilai dan memutuskan permohonan mengikut peruntukan yang berkaitan dengan *Piawaian Antarabangsa* untuk *Pengecualian Penggunaan Terapeutik* dan biasanya (iaitu kecuali keadaan luar

biasa berlaku) dalam masa tidak lebih daripada dua puluh satu (21) hari setelah menerima permohonan yang lengkap. Jika permohonan dibuat dalam masa yang wajar sebelum *Acara*, TUEC mesti berusaha sedaya upaya untuk mengeluarkan keputusannya sebelum *Acara* dimulakan.

4.4.2.4 Keputusan TUEC adalah keputusan muktamad **BDADC** dan boleh membuat rayuan mengikut Perkara 4.4.6. Keputusan TUEC **BDADC** hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada *Atlet*, dan kepada *WADA* dan *Pertubuhan Anti-Doping* lain mengikut *Piawaian Antarabangsa* untuk *Pengecualian Penggunaan Terapeutik*. Ia juga hendaklah dilaporkan seberapa segera kepada *ADAMS*.²²

4.4.3 Permohonan *TUE* Retroaktif

Jika **BDADC** memilih untuk menguji *Atlet* yang bukan daripada *Peringkat Antarabangsa* atau *Atlet Peringkat Kebangsaan*, **BDADC** mesti membenarkan *Atlet* tersebut untuk memohon *TUE* retroaktif untuk sebarang *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* yang dia *Gunakan* atas alasan terapeutik.

4.4.4 Pengiktirafan *TUE*

TUE yang diberikan oleh **BDADC** adalah sah di sebarang peringkat kebangsaan di mana-mana negara dan tidak perlu dikenali secara rasmi oleh mana-mana *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* lain.

Walau bagaimanapun, ia tidak secara automatik sah jika *Atlet* berkenaan menjadi *Atlet Peringkat Antarabangsa* atau bertanding dalam *Acara Antarabangsa*, melainkan jika diiktiraf oleh *Persekutuan Antarabangsa* atau *Pertubuhan Acara Utama* berkaitan dengan mengikut *Piawaian Antarabangsa* untuk *Pengecualian Penggunaan Terapeutik* seperti berikut:

4.4.4.1 Jika *Atlet* tersebut sudah diberikan *TUE* oleh **BDADC** untuk bahan atau kaedah yang berkenaan, melainkan *TUE* mereka akan diiktiraf secara automatik oleh *Persekutuan Antarabangsa* atau *Pertubuhan Acara Besar*, *Atlet* tersebut hendaklah memohon kepada *Persekutuan Antarabangsa* atau kepada

Pertubuhan Acara Utama untuk mengiktiraf *TUE* tersebut. Jika *TUE* tersebut memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengecualian Penggunaan Terapeutik*, maka Persekutuan Antarabangsa atau *Pertubuhan Acara Utama* hendaklah mengiktirafnya.

Jika Persekutuan Antarabangsa atau *Pertubuhan Acara Utama* mempertimbangkan bahawa *TUE* yang diberikan oleh BDADC tidak memenuhi kriteria tersebut dan enggan mengiktirafnya, Persekutuan Antarabangsa hendaklah segera memaklumkan kepada *Athlet* dan BDADC dengan alasan. *Athlet* dan/atau BDADC hendaklah merujuk perkara tersebut kepada WADA dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemakluman tersebut untuk disemak semula mengikut Perkara 4.4.6.

Jika perkara tersebut dirujuk kepada WADA untuk disemak semula mengikut Perkara 4.4.6, *TUE* yang diberikan oleh BDADC kekal sah untuk *Ujian Pertandingan Peringkat Kebangsaan* dan *Di luar Pertandingan (tetapi tidak sah untuk Pertandingan Peringkat Antarabangsa)* sementara menunggu keputusan WADA.

Jika perkara ini tidak dirujuk kepada WADA untuk disemak semula dalam tempoh dua puluh satu (21) hari tersebut, BDADC hendaklah menentukan sama ada *TUE* asal yang telah diberikan hendaklah kekal sah untuk *Ujian Pertandingan Peringkat Kebangsaan* dan *Di luar Pertandingan* (dengan syarat *Athlet* itu tidak lagi menjadi *Athlet* peringkat antarabangsa dan tidak menyertai pertandingan peringkat antarabangsa). Sementara menunggu keputusan BDADC, *TUE* tersebut kekal sah untuk *Ujian Pertandingan Peringkat Kebangsaan* dan *Di luar Pertandingan* (tetapi tidak sah bagi *Pertandingan Peringkat Antarabangsa*).²³

- 4.4.4.2** Jika *Athlet* tersebut belum mempunyai *TUE* yang diberikan oleh BDADC untuk bahan atau kaedah berkenaan, *Athlet* mesti memohon terus kepada Persekutuan Antarabangsa untuk mendapatkan *TUE* mengikut proses yang dinyatakan dalam *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengecualian Penggunaan Terapeutik* sebaik sahaja diperlukan.

Jika Persekutuan Antarabangsa menolak permohonan *Atlet*, mereka hendaklah memaklumkan kepada *Atlet* dengan segera, berserta dengan alasan.

Jika Persekutuan Antarabangsa memberi kebenaran kepada *Atlet*, mereka hendaklah memaklumkan kepada *Atlet* dan BDADC. Jika BDADC mempertimbangkan bahawa *TUE* yang telah diberikan oleh Persekutuan Antarabangsa tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam *Piawaian Antarabangsa bagi Pengecualian Penggunaan Terapeutik*, mereka hendaklah merujuk perkara itu kepada WADA dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemakluman tersebut untuk disemak semula.

Jika BDADC merujuk perkara tersebut kepada WADA untuk disemak semula, *TUE* yang diberikan oleh Persekutuan Antarabangsa kekal sah *untuk Ujian Pertandingan Peringkat Antarabangsa dan Di luar Pertandingan* (tetapi tidak sah bagi Pertandingan Peringkat Kebangsaan) sementara menunggu keputusan daripada WADA.

Jika BDADC tidak merujuk perkara ini kepada WADA untuk disemak semula, *TUE* yang diberikan oleh Persekutuan Antarabangsa adalah sah untuk Pertandingan Peringkat Kebangsaan begitu juga apabila tempoh semakan semula selama dua puluh satu (21) hari telah tamat.²⁴

4.4.5 Tamat Tempoh, Penarikan balik atau pembalikan *TUE*

- 4.4.5.1** *TUE* yang diberikan menurut Peraturan Anti-Doping: (a) akan tamat secara automatik pada akhir sebarang penggal yang diberikan, tanpa memerlukan sebarang notis lanjut atau formaliti yang lain; (b) akan ditarik balik jika *Atlet* tidak mematuhi sebarang keperluan atau syarat yang dikenakan oleh TUEC dengan sebaik sahaja diberikan *TUE* tersebut; (c) boleh ditarik balik oleh TUEC jika kemudiannya ditentukan bahawa kriteria pemberian *TUE* tidak dipenuhi; atau (d) boleh dibuat pembalikan mengikut semakan semula oleh WADA atau atas rayuan.

4.4.5.2 Dalam keadaan sedemikian, *Atlet* tersebut tidak boleh tertakluk kepada sebarang konsekuensi berdasarkan *Penggunaan* atau *Pemilikan* atau *Pemberian Bahan atau Kaedah yang Dilarang* yang berkenaan mengikut *TUE* sebelum tarikh tamat tempoh, penarikan balik, atau pembalikan *TUE* berkuat kuasa. Semakan semula menurut Perkara 5.1.1.1 mengenai *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan* bagi *Penemuan Analitik Buruk*, yang dilaporkan tidak lama selepas tamat tempoh, penarikan balik atau pembalikan *TUE*, hendaklah memasukkan pertimbangan sama ada penemuan sedemikian adalah selaras dengan *Penggunaan Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* sebelum tarikh tiada pelanggaran peraturan anti-doping ditegaskan.

4.4.6 *Semakan Semula dan Rayuan Keputusan TUE*

4.4.6.1 Jika BDADC menolak permohonan untuk *TUE*, *Atlet* tersebut boleh membuat rayuan secara eksklusif ke badan rayuan peringkat kebangsaan seperti yang telah dijelaskan dalam Artikel 13.2.2.

4.4.6.2 *WADA* hendaklah menyemak semula keputusan Persekutuan Antarabangsa yang tidak mengiktiraf *TUE* yang telah diberikan oleh BDADC yang dirujuk kepada *WADA* oleh *Atlet* tersebut atau BDADC. Di samping itu, *WADA* hendaklah menyemak semula keputusan Persekutuan Antarabangsa untuk memberikan *TUE* yang dirujuk kepada *WADA* oleh BDADC. *WADA* boleh menyemak semula sebarang keputusan *TUE* yang lain pada bila-bila masa sahaja, sama ada atas permintaan oleh mereka yang terlibat atau atas inisiatifnya sendiri. Jika keputusan *TUE* yang telah disemak semula itu memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengecualian Penggunaan Terapeutik*, *WADA* tidak akan campur tangan. Jika keputusan *TUE* tidak memenuhi kriteria tersebut, *WADA* akan membuat pembalikan.²⁵

4.4.6.3 Sebarang keputusan *TUE* yang dibuat oleh Persekutuan Antarabangsa (atau oleh BDADC yang bersetuju untuk mempertimbangkan permohonan tersebut bagi pihak Persekutuan Antarabangsa) yang tidak disemak semula oleh *WADA*, atau yang telah disemak semula oleh *WADA* tetapi tidak dibuat

pembalikan sebaik sahaja disemak semula, boleh dibuat rayuan oleh Atlet tersebut dan/atau BDADC, secara eksklusif kepada CAS.²⁶

4.4.6.4 Keputusan yang dibuat oleh WADA untuk pembalikan keputusan *TUE* boleh dibuat rayuan oleh *Atlet*, BDADC dan/atau Persekutuan Antarabangsa yang terbabit, secara eksklusif kepada CAS.

4.4.6.5 Kegagalan untuk membuat keputusan dalam jangka masa yang munasabah bagi permohonan yang dihadapkan secara wajar untuk pemberian/pengiktirafan *TUE* atau untuk semakan semula keputusan *TUE* adalah dianggap sebagai penafian bagi permohonan tersebut sekali gus mencetuskan hak permohonan untuk semakan semula/rayuan.

PERKARA 5 UJIAN DAN PENYIASATAN

5.1 Tujuan *Ujian* dan Penyiasatan²⁷

5.1.1 *Ujian* dan penyiasatan boleh dijalankan untuk sebarang tujuan anti-doping. Ia hendaklah dijalankan selaras dengan peruntukan *Piawaian Antarabangsa* untuk *Ujian* dan Penyiasatan.

5.1.2 *Ujian* hendaklah dijalankan untuk mendapatkan keterangan analitikal untuk memastikan sama ada *Atlet* tersebut telah melanggar Perkara 2.1 (Terdapatnya *Bahan Terlarang* atau *Metabolit* atau *Penanda* dalam sampel *Atlet*) atau Perkara 2.2 (*Penggunaan* atau *Cubaan Penggunaan Bahan* atau *Kaedah yang Dilarang* oleh *Atlet*).

5.2 Autoriti untuk *Ujian*

5.2.1 Tertakluk kepada had bagi *Ujian Acara* yang dinyatakan dalam perkara 5.3, BDADC hendaklah mempunyai autoriti *Ujian Semasa Pertandingan* dan Di luar *Pertandingan* ke atas semua *Atlet* yang telah dinyatakan dalam Pengenalan kepada Peraturan Anti-doping ini (Bahagian “Skop Peraturan Anti-Doping”).

- 5.2.2** BDADC boleh menghendaki mana-mana Atlet yang ia mempunyai autoriti untuk dilakukan Ujian (termasuklah mana-mana Atlet yang dalam tempoh ketidaklayakan) untuk memberikan satu sampel pada bila-bila masa dan dimana-mana sahaja.²⁸
- 5.2.3** WADA hendaklah mempunyai autoriti *Ujian Di dalam Pertandingan* dan *Di luar Pertandingan* seperti yang telah dinyatakan di dalam Kod Perkara 20.7.10.
- 5.2.4** Jika Persekutuan Antarabangsa atau delegasi Pertubuhan AcaraUtamaatau kontrak sebarang bahagian Ujian untuk BDADC secara langsung atau melalui Persekutuan Kebangsaan, BDADC boleh mendapatkan Sampel tambahan atau mengarahkan makmal untuk menjalankan beberapa jenis analisis tambahan dibawah tanggungan BDADC. Jika Sampel tambahan telah dikumpulkan atau beberapa jenis analisis tambahan dijalankan, Persekutuan Antarabangsa atau Pertubuhan Acara Utama hendaklah dimaklumkan.

5.3 Ujian Acara

- 5.3.1** Melainkan jika terjadi seperti berikut, hanya satu Pertubuhan yang mempunyai autoriti untuk menjalankan Ujian di Tempat Acara dalam Tempoh Acara. Pada Acara Antarabangsa yang diadakan di Brunei Darussalam, Pertubuhan Antarabangsa selaku badan yang berkuasa bagi Acara tersebut hendaklah mempunyai autoriti untuk menjalankan Ujian. Bagi Acara Kebangsaan yang diadakan di Brunei Darussalam, BDADC hendaklah mempunyai autoriti untuk menjalankan Ujian. Atas permintaan badan yang berkuasa bagi sesebuah Acara, sebarang ujian yang dijalankan semasa Tempoh Acara di luar dari Tempat Acara hendaklah diselaraskan dengan badan yang berkuasa bagi Acara tersebut.
- 5.3.2** Jika sesebuah Pertubuhan Anti-Doping, yang sebaliknya mempunyai autoriti Ujian tetapi tidak bertanggungjawab untuk memulakan dan mengarahkan Ujian dalam sesebuah Acara, berhasrat untuk menjalankan Ujian bagi *Atlet* di Tempat Acara semasa Tempoh Acara, Pertubuhan Anti-Doping tersebut hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada badan yang berkuasa bagi Acara tersebut untuk menjalankan dan menyelaraskan Ujian sedemikian. Jika Pertubuhan Anti-Doping tidak berpuas hati dengan respons daripada badan yang berkuasa bagi Acara tersebut, Pertubuhan Anti-Doping bolehlah, mengikut prosedur yang telah diterangkan dalam *Piawaian Antarabangsa bagi Ujian* dan *Penyiasatan*, memohon kebenaran daripada WADA untuk

menjalankan Ujian dan menentukan cara penyelarasan Ujian sedemikian. WADA tidak boleh memberikan kebenaran bagi Ujian sedemikian sebelum membuat perundingan dan memaklumkan kepada badan yang berkuasa bagi Acara tersebut. Keputusan WADA adalah muktamad dan tidak tertakluk pada rayuan. Kecuali sebaliknya diperuntukkan dalam kebenaran untuk menjalankan Ujian, Ujian sedemikian hendaklah menjadi tanggungjawab Pertubuhan Anti-Doping yang memulakan Ujian tersebut kecuali diperuntukkan sebaliknya dalam peraturan badan yang berkuasa bagi Acara tersebut.²⁹

5.4 Keperluan Ujian

- 5.4.1** BDADC hendaklah menjalankan perancangan pembahagian ujian dan Ujian seperti yang diperlukan oleh *Piawaian Antarabangsa bagi Ujian* dan *Penyiasatan*.
- 5.4.2** Sekiranya ia boleh dilaksanakan, Ujian hendaklah diselaraskan melalui *ADAMS* untuk memaksimumkan keberkesanan usaha Ujian gabungan dan untuk mengelak Ujian berulang yang tidak diperlukan.

5.5 Maklumat Keberadaan Atlet

- 5.5.1** BDADC boleh menubuhkan *Pengumpulan Ujian Berdaftar* bagi mana-mana Atlet yang dikehendaki untuk memberikan maklumat keberadaan dengan cara yang dinyatakan di dalam *Piawaian Antarabangsa* untuk Ujian dan *Penyiasatan* tertakluk kepada konsekuensi bagi pelanggaran perkara 2.4 seperti yang diperuntukkan dalam perkara 10.3.2. BDADC hendaklah menyelaraskan dengan Persekutuan Antarabangsa untuk mengenal pasti *Atlet* tersebut dan mengumpul maklumat keberadaan mereka.
- 5.5.2** BDADC hendaklah menyediakan senarai nama melalui *ADAMS* dengan mengenal pasti *Atlet* yang termasuk dalam *Senarai Pengumpulan Ujian Berdaftar*. BDADC hendaklah sentiasa menyemak dan mengemas kini mengikut kriteria yang diperlukan untuk memasukkan *Atlet* ke dalam *Senarai Pengumpulan Ujian Berdaftar*, dan hendaklah menyemak semula secara berkala (tetapi tidak kurang daripada suku tahun) senarai *Atlet* dalam *Senarai Pengumpulan Ujian Berdaftar* untuk memastikan setiap *Atlet* yang disenaraikan terus memenuhi kriteria yang berkaitan. *Atlet* hendaklah dimaklumkan sebelum mereka dimasukkan ke dalam *Senarai Pengumpulan Ujian Berdaftar* dan apabila mereka sudah dikeluarkan dari senarai pengumpulan tersebut. Makluman

tersebut juga hendaklah mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam *Piawaian Antarabangsa bagi Ujian dan Penyiasatan*.

- 5.5.3** Jika Atlet yang dimasukkan ke dalam *Senarai Pengumpulan Ujian Berdaftar Antarabangsa* oleh Persekutuan Antarabangsa dan *Senarai Pengumpulan Ujian Berdaftar* Kebangsaan oleh BDADC, BDADC dan Persekutuan Antarabangsa hendaklah membuat persetujuan sesama mereka pihak mana yang akan menerima fail Keberadaan Atlet; dalam apa jua keadaan, seseorang *Atlet* tidak dikehendaki membuat fail keberadaan mereka kepada lebih daripada satu pihak daripada mereka.
- 5.5.4** Mengikut *Piawaian Antarabangsa bagi Ujian dan Penyiasatan*, setiap *Atlet* yang terkandung dalam *senarai Pengumpulan Ujian Berdaftar* hendaklah membuat perkara yang berikut: (a) Memaklumkan kepada BDADC mengenai keberadaannya pada setiap suku tahun; (b) mengemas kini maklumat yang diperlukan agar ia kekal tepat dan lengkap pada setiap masa; dan (c) Sentiasa bersedia untuk *Ujian* di tempat keberadaan berkenaan.
- 5.5.5** Untuk tujuan Perkara 2.4, kegagalan seseorang *Atlet* untuk mematuhi keperluan *Piawaian Antarabangsa bagi Ujian dan Penyiasatan* hendaklah dianggap sebagai pemfailan kegagalan atau *Ujian Terlepas*, seperti yang dijelaskan dalam Lampiran B *Piawaian Antarabangsa bagi Pengurusan Keputusan*, yang syarat-syarat yang dinyatakan dalam lampiran B adalah dipenuhi.
- 5.5.6** Seseorang *Atlet* yang termasuk dalam *Senarai Pengumpulan Ujian Berdaftar* BDADC hendaklah sentiasa mematuhi keperluan Keberadaan yang ditetapkan dalam *Piawaian Antarabangsa bagi Ujian dan Penyiasatan* kecuali dan sehingga (a) *Atlet* tersebut memberikan notis bertulis kepada BDADC yang menyatakan bahawa dia sudah bersara atau (b) BDADC sudahpun memaklumkan kepadanya bahawa dia tidak lagi memenuhi kriteria untuk dimasukkan ke dalam *Senarai Pengumpulan Ujian Berdaftar* BDADC.
- 5.5.7** Maklumat Keberadaan yang diberikan oleh *Atlet* sewaktu tersenarai dalam *Pengumpulan Ujian Berdaftar* boleh diakses melalui ADAMS oleh WADA dan Pertubuhan Anti-Doping yang lain yang mempunyai autoriti untuk menguji *Atlet* tersebut seperti yang diperuntukkan di dalam Perkara 5.2. Maklumat Keberadaan hendaklah disenggara secara rahsia pada setiap masa; ia hendaklah digunakan secara eksklusif bagi tujuan

perancangan, penyelarasan atau pelaksanaan *Kawalan Doping*, penyediaan maklumat yang berkaitan dengan *Pasport Biologi Atlet* atau keputusan analisis yang lain, untuk menyokong penyiasatan potensi pelanggaran peraturan anti-doping, atau untuk menyokong prosiding dakwaan pelanggaran peraturan anti-doping; dan hendaklah dimusnahkan selepas tidak lagi ada kaitan dengan kegunaan ini menurut *Piawaian Antarabangsa* bagi Perlindungan Privasi dan Maklumat Peribadi.

5.5.8 BDADC boleh, selaras dengan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Ujian dan Penyiasatan*, mengumpulkan maklumat keberadaan daripada *Atlet* yang tidak termasuk dalam Senarai *Pengumpulan Ujian Berdaftar*. Jika ia memilih untuk berbuat demikian, kegagalan *Atlet* untuk memberikan maklumat keberadaan yang diminta pada atau sebelum tarikh yang dikehendaki oleh BDADC atau kegagalan *Atlet* untuk memberikan maklumat keberadaan yang betul akan menyebabkan BDADC memasukkan *Atlet* ke dalam Senarai *Pengumpulan Ujian Berdaftar* (jika diwujudkan). Jika BDADC memilih untuk berbuat demikian, ia boleh mengenakan konsekuensi Perkara 2.4 yang sesuai dan konsekuensi bukan berkadar kod.

5.6 Atlet yang bersara kembali ke Pertandingan

5.6.1 Jika seseorang *Atlet Peringkat Antarabangsa* atau *Atlet Peringkat Kebangsaan* dalam Senarai *Pengumpulan Ujian Berdaftar* telah bersara dan berkeinginan untuk kembali aktif bergiat dalam sukan, *Atlet* tersebut tidak boleh bertanding di dalam *Acara Antarabangsa* atau *Acara Kebangsaan* sehingga *Atlet* tersebut bersedia untuk menjalani Ujian, dengan memberikan enam (6) bulan notis bertulis kepada Persekutuan Antarabangsa dan BDADC.

WADA, dalam perundingan bersama BDADC dan *Persekutuan Antarabangsa Atlet*, boleh memberikan pengecualian bagi peraturan sehingga enam (6) bulan notis bertulis jika penganan tegas peraturan itu adalah tidak adil untuk *Atlet* tersebut. Keputusan ini boleh dirayu di bawah Perkara 13.

Sebarang keputusan pertandingan yang didapati melanggar perkara 5.6.1 ini akan dibatalkan melainkan jika *Atlet* itu dapat mengesahkan bahawa dia tidak mengetahui secara munasabah bahawa ia adalah *Acara Antarabangsa* atau *Acara Kebangsaan*.

5.6.2 Jika seseorang *Atlet* bersara daripada sukan semasa dalam tempoh *Ketidaklayakan*, *Atlet* tersebut hendaklah memaklumkan kepada *Pertubuhan Anti-Doping* yang mengenakan tempoh *Ketidaklayakan* secara bertulis berkenaan persaraan tersebut. Jika *Atlet* tersebut, kemudiannya, berkeinginan untuk kembali aktif menyertai pertandingan dalam sukan, *Atlet* tersebut tidak boleh bertanding dalam *Acara Antarabangsa* atau *Acara Kebangsaan* sehingga *Atlet* tersebut bersedia untuk *Ujian* dengan memberikan enam bulan notis bertulis (atau notis yang sama dengan baki tempoh *Ketidaklayakan* sama dengan tarikh persaraan atlet tersebut, jika tempoh tersebut melebihi enam bulan) kepada BDADC dan kepada Persekutuan Antarabangsa mereka.

5.7 Program Pemerhati Bebas

BDADC dan mana-mana jawatankuasa penyelenggara bagi Acara Kebangsaan di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, hendaklah memberikan kuasa dan kemudahan Program Pemerhati Bebas pada Acara berkenaan.

PERKARA 6 ANALISIS SAMPEL

Sampel hendaklah dianalisis mengikut prinsip yang berikut:

6.1 Penggunaan Makmal yang diiktiraf dan Makmal yang diluluskan dan Makmal lain.

6.1.1 Untuk tujuan pengesahan secara langsung bagi Penemuan Analitik Buruk di bawah Perkara 2.1, Sampel hendaklah dianalisis hanya di dalam makmal yang diiktiraf oleh WADA atau mana-mana makmal lain yang diluluskan oleh WADA. Pilihan bagi Makmal yang diiktiraf oleh WADA atau yang diluluskan oleh WADA yang digunakan untuk menganalisis Sampel hendaklah ditentukan secara eksklusif oleh BDADC.³⁰

6.1.2 Seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 3.2, fakta yang berkaitan dengan pelanggaran peraturan anti-doping boleh disahkan dengan cara yang boleh dipercayai. Ini termasuklah, sebagai contoh, makmal yang boleh dipercayai atau ujian forensik yang lain yang dilakukan di luar makmal yang diiktiraf atau diluluskan oleh WADA.

6.2 Tujuan Analisis Sampel dan Data

6.2.1 *Sampel* dan data analisis yang berkaitan atau maklumat *Kawalan Doping* hendaklah dianalisis untuk mengesan semua *Bahan Terlarang* dan *Kaedah yang Dilarang* yang dikenal pasti dalam Senarai yang Dilarang dan bahan-bahan lain yang telah diarahkan oleh WADA menurut program pemantauan yang dinyatakan dalam Perkara 4.5 daripada Kod ini, atau untuk membantu BDADC dalam pemprofilan parameter yang berkaitan dalam air kencing, darah atau matriks lain *Atlet*, termasuklah untuk DNA atau pemprofilan genom, atau untuk sebarang tujuan anti-doping lain yang sah.³¹

6.3 Penyelidikan *Sampel* dan Data

Sampel, data analisis yang berkaitan dan maklumat *Kawalan Doping* boleh digunakan bagi tujuan penyelidikan, walaupun tidak ada *Sampel* yang boleh digunakan untuk penyelidikan tanpa persetujuan bertulis *Atlet*. *Sampel* dan data analisis yang berkaitan atau maklumat *Kawalan Doping* yang digunakan untuk tujuan penyelidikan hendaklah diproses terlebih dahulu untuk mengelakkan *Sampel* dan data analisis yang berkaitan, atau maklumat *Kawalan Doping* tersebut dikesan kembali pada *Atlet* yang tertentu. Sebarang penyelidikan yang melibatkan *Sampel* dan data analisis yang berkaitan, atau maklumat *Kawalan Doping* hendaklah mematuhi prinsip yang dinyatakan dalam Perkara 19 Kod³² ini.

6.4 Piawaian untuk Analisis *Sampel* dan Pelaporan

Mengikut Perkara 6.4 dalam Kod ini, BDADC hendaklah meminta pihak makmal untuk menganalisis *Sampel* berdasarkan kesesuaian dengan *Piawaian Antarabangsa* bagi Makmal dan Perkara 4.7 daripada *Piawaian Antarabangsa* bagi *Ujian* dan *Penyiasatan*.

Pihak Makmal dengan inisiatif dan perbelanjaan mereka sendiri boleh menganalisis *Sampel* bagi *Bahan Terlarang* atau *Kaedah Yang Dilarang* yang tidak termasuk dalam menu analisis *Sampel* standard, atau seperti yang diminta oleh BDADC. Keputusan daripada sebarang analisis sedemikian hendaklah dilaporkan kepada BDADC dan mempunyai kesahan dan *Konsekuensi* yang sama seperti sebarang keputusan analisis lain.³³

6.5 Penganalisan Lebih Lanjut *Sampel* Sebelum atau Semasa Pengurusan Keputusan

Tidak ada had kuasa bagi sesebuah makmal untuk menjalankan analisis berulang kali atau tambahan terhadap sesuatu *Sampel* sebelum tiba masa BDADC memaklumkan *Atlet* bahawa *Sampel* tersebut adalah asas bagi tuduhan Perkara 2.1 pelanggaran peraturan *anti-doping*. Jika setelah pemakluman sedemikian,

BDADC berhasrat untuk menjalankan analisis tambahan terhadap *Sampel* tersebut, analisis boleh dilakukan dengan persetujuan Atlet tersebut atau kebenaran daripada badan perbicaraan.

6.6 Penganalisan Lebih Lanjut *Sampel* Setelah Dilaporkan sebagai Negatif atau Sebaliknya Tidak Mengakibatkan Tuduhan Pelanggaran Peraturan *Anti-Doping*.

Setelah makmal melaporkan suatu *Sampel* sebagai negatif, atau *Sampel* tersebut sebaliknya tidak mengakibatkan tuduhan pelanggaran Peraturan anti-doping, *Sampel* tersebut boleh disimpan dan dianalisis lebih lanjut untuk tujuan Perkara 6.2 pada bila-bila masa secara eksklusif atas arahan sama ada pihak *Pertubuhan Anti-Doping* yang memulakan dan mengarahkan pengambilan *Sampel* atau WADA. Mana-mana *Pertubuhan Anti-Doping* lain yang mempunyai autoriti untuk menguji *Atlet* tersebut yang berhasrat untuk menjalankan analisis lebih lanjut terhadap *Sampel* yang tersimpan, boleh melakukannya dengan kebenaran pihak *Pertubuhan Anti-Doping* yang memulakan dan mengarahkan pengambilan *Sampel* atau WADA, dan hendaklah bertanggungjawab terhadap sebarang tindakan susulan *Pengurusan Keputusan*. Sebarang penyimpanan *Sampel* atau analisis lebih lanjut yang dimulakan oleh WADA atau *Pertubuhan Anti-Doping* lain hendaklah atas perbelanjaan WADA atau pertubuhan tersebut. Penganalisan lebih lanjut *Sampel* hendaklah mematuhi keperluan *Piawaian Antarabangsa* bagi Makmal.

6.7 Pembahagian *Sampel* A atau B

Jika WADA, sesebuah *Pertubuhan Anti-Doping* yang mempunyai autoriti *Pengurusan Keputusan*, dan/atau makmal yang diiktiraf oleh WADA (dengan kebenaran daripada WADA atau *Pertubuhan Anti-Doping* yang mempunyai autoriti *Pengurusan Keputusan* tersebut) berhasrat untuk membahagikan *Sampel* A atau B bagi tujuan untuk menggunakan bahagian pertama *Sampel* bagi analisis *Sampel* A dan bahagian kedua *Sampel* tersebut untuk pengesahan, maka prosedur yang dinyatakan dalam *Piawaian Antarabangsa* bagi Makmal hendaklah dipatuhi.

6.8 Hak WADA untuk Mengambil alih Pemilikan *Sampel* dan Data.

WADA boleh, atas budi bicaranya pada bila-bila masa, dengan atau tanpa notis terlebih dahulu, mengambil alih pemilikan fizikal sebarang *Sampel* dan data analisis atau maklumat yang dimiliki oleh pihak makmal atau *Pertubuhan Anti-Doping*. Apabila diminta oleh WADA, makmal atau *Pertubuhan Anti-Doping* tersebut yang memiliki *Sampel* atau data berkenaan hendaklah memberi akses dan membolehkan WADA untuk

mengambil alih pemilikan fizikal *Sampel* atau data tersebut dengan segera. Jika WADA tidak memberikan notis awal pada pihak makmal atau *Pertubuhan Anti-Doping* sebelum mengambil alih pemilikan suatu *Sampel* atau data, maka hendaklah memberikan notis sedemikian pada pihak makmal dan setiap *Pertubuhan Anti-Doping* yang diambil *Sampel* atau data oleh WADA, iaitu dalam masa yang munasabah selepas mengambil alih pemilikan. Setelah penganalisan dan sebarang penyiasatan ke atas suatu *Sampel* atau data yang dirampas, WADA boleh mengarahkan *Pertubuhan Anti-Doping* lain yang mempunyai autoriti untuk menguji *Atlet* tersebut untuk menerima tanggungjawab *Pengurusan Keputusan* bagi *Sampel* atau data tersebut jika didapati potensi pelanggaran peraturan *anti-doping*.³⁴

PERKARA 7 PENGURUSAN KEPUTUSAN: TANGGUNGJAWAB, SEMAKAN AWAL, NOTIS DAN PENGGANTUNGAN SEMENTARA

Pengurusan Keputusan di bawah Peraturan *Anti-Doping* ini mewujudkan suatu proses yang dirancang untuk menyelesaikan hal-hal pelanggaran peraturan *Anti-Doping* dengan cara yang adil, cepat dan efisien.

7.1 Tanggungjawab untuk Menjalankan Pengurusan Keputusan

7.1.1 Kecuali jika tidak diperuntukkan dalam Perkara 6.6, 6.8 dan Perkara 7.1 daripada *Kod* ini, *Pengurusan Keputusan* hendaklah menjadi tanggungjawab, dan hendaklah dikawal oleh, peraturan berprosedur *Pertubuhan Anti-Doping* yang memulakan dan mengarahkan pengambilan *Sampel* (atau, jika tidak ada pengambilan *Sampel* yang terlibat, *Pertubuhan Anti-Doping* tersebut yang mula-mula memberikan notis kepada seseorang *Atlet* atau *Orang* lain yang berpotensi melakukan pelanggaran peraturan *anti-doping* dan berterusan melakukan pelanggaran peraturan *anti-doping* tersebut).

7.1.2 Dalam keadaan jika peraturan bagi *Pertubuhan Anti-Doping* Kebangsaan tidak memberikan *Pertubuhan Anti-Doping* Kebangsaan dengan autoriti ke atas seseorang *Atlet* atau *Orang* lain yang bukan warganegara, penduduk, pemegang lesen, atau ahli sesebuah pertubuhan sukan negara tersebut, atau *Pertubuhan Anti-Doping* Kebangsaan menolak untuk melaksanakan autoriti sedemikian, *Pengurusan Keputusan* hendaklah dijalankan oleh Persekutuan Antarabangsa yang berkenaan atau oleh pihak ketiga yang mempunyai autoriti ke atas *Atlet* atau *Orang* lain tersebut seperti yang diarahkan oleh peraturan Persekutuan Antarabangsa berkenaan.

- 7.1.3** *Pengurusan Keputusan* yang berhubung dengan potensi kegagalan keberadaan (kegagalan pemfailan atau ujian terlepas) hendaklah ditadbir oleh Persekutuan Antarabangsa atau BDADC yang *Atlet* berkenaan memfailkan maklumat keberadaan, seperti yang diperuntukkan dalam *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*. Jika BDADC menentukan kegagalan pemfailan atau ujian terlepas, ia hendaklah menyerahkan maklumat tersebut kepada WADA melalui ADAMS, yang nanti akan disediakan untuk *Pertubuhan Anti-Doping* berkaitan yang lain.
- 7.1.4** Dalam keadaan lain, iaitu yang pihak BDADC hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan *Pengurusan Keputusan* berkenaan dengan pelanggaran peraturan *anti-doping* yang melibatkan *Atlet* dan *Orang* lain di bawah autoritinya hendaklah ditentukan melalui rujukan dan mengikut Perkara 7 daripada *Kod* ini.
- 7.1.5** Pihak WADA boleh mengarahkan pihak BDADC untuk menjalankan *Pengurusan Keputusan* dalam keadaan yang tertentu. Jika pihak BDADC menolak untuk menjalankan *Pengurusan Keputusan* dalam suatu tempoh waktu munasabah yang ditetapkan oleh pihak WADA, penolakan sedemikian hendaklah dianggap sebagai tindakan ketidakpatuhan, dan pihak WADA boleh mengarahkan *Pertubuhan Anti-Doping* lain yang mempunyai autoriti ke atas *Atlet* atau *Orang* lain tersebut, yang sanggup melakukan sedemikian, untuk mengambil tanggungjawab *Pengurusan Keputusan* sebagai ganti pihak BDADC atau, jika tidak ada *Pertubuhan Anti-Doping* sedemikian, sebarang *Pertubuhan Anti-Doping* yang lain yang sanggup melakukan sedemikian. Dalam kes sedemikian, pihak BDADC hendaklah membayar balik kos dan fi peguam bagi menjalankan *Pengurusan Keputusan* kepada *Pertubuhan Anti-Doping* lain yang dilantik oleh WADA, dan kegagalan untuk membayar balik kos dan fi peguam hendaklah dianggap sebagai tindakan ketidakpatuhan.

7.2 Semakan Semula dan Pemakluman Mengenai Potensi Pelanggaran Peraturan Anti-Doping

Pihak BDADC hendaklah melaksanakan semakan semula dan pemakluman berhubung dengan sebarang potensi pelanggaran peraturan *anti-doping* mengikut *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*.

7.3 Pengenalpastian Sebelum *Pelanggaran Peraturan Anti-Doping*

Sebelum memberi notis kepada seorang *Atlet* atau *Orang* lain bagi potensi pelanggaran peraturan anti-doping seperti yang dinyatakan di atas, pihak BDADC hendaklah merujuk kepada *ADAMS* dan menghubungi *WADA* dan *Pertubuhan Anti-Doping* berkaitan yang lain untuk menentukan sama ada terdapat pelanggaran peraturan Anti-doping sebelumnya.

7.4 Penggantungan Sementara ³⁵

7.4.1 *Penggantungan Sementara* Mandatori selepas satu *Penemuan Analitik Buruk* atau *Penemuan Pasport Pembalikan*

Jika pihak BDADC menerima *Penemuan Analitik Buruk* atau *Penemuan Pasport Pembalikan* (sebaik sahaja selesai proses semakan semula *Penemuan Pasport Pembalikan*) bagi *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* yang bukan *Bahan Yang Ditetapkan* atau *Kaedah Yang Ditetapkan*, BDAD hendaklah mengenakan *Penggantungan Sementara* ke atas *Atlet* tersebut dengan segera sebaik sahaja atau selepas semakan semula dan pemakluman yang dikehendaki oleh Perkara 7.2.

Penggantungan Sementara mandatori boleh dihapuskan jika: (i) *Atlet* tersebut menunjukkan kepada Panel Perbicaraan *Anti-Doping* yang dilantik oleh pihak BDADC bahawa pelanggaran tersebut kemungkinan melibatkan *Produk Yang Tercemar*, atau (ii) pelanggaran tersebut melibatkan *Bahan Penyalahgunaan* dan *Atlet* tersebut membuktikan kelayakan untuk tempoh *ketidaklayakan* yang dikurangkan di bawah Perkara 10.2.4.1.

Keputusan *Panel Perbicaraan Anti-Doping* tidak akan menghapuskan *Penggantungan Sementara mandatori* kerana penegasan *Atlet* tersebut mengenai *Produk Yang Tercemar* tidak boleh dirayu.

7.4.2 Pilihan *Penggantungan Sementara* berdasarkan pada *Penemuan Analitik Buruk* bagi *Bahan Yang Ditetapkan*, *Kaedah Yang Ditetapkan*, *Produk Yang Tercemar*, atau Pelanggaran Peraturan *Anti-Doping*.

Pihak BDADC boleh mengenakan *Penggantungan Sementara* bagi pelanggaran peraturan *anti-doping* yang tidak terangkum dalam Perkara 7.4.1 sebelum analisis *Sampel B Atlet* atau perbicaraan akhir seperti yang diterangkan dalam Perkara 8.

Pilihan *Penggantungan Sementara* boleh ditarik balik atas budi bicara pihak BDADC pada bila-bila masa sebelum keputusan Panel Perbicaraan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC di bawah Perkara 8, melainkan jika diperuntukkan dalam *Piawaian Antarabangsa bagi Pengurusan Keputusan*.

7.4.3 Peluang Perbicaraan atau Rayuan

Walaupun Perkara 7.4.1 dan 7.4.2, *Penggantungan Sementara* boleh tidak dikenakan kecuali *Athlet* atau *Orang* lain tersebut diberi: (a) peluang untuk *Perbicaraan Sementara*, sama ada sebelum atau tepat pada masa selepas pengenaan *Penggantungan Sementara* tersebut; atau (b) satu peluang untuk perbicaraan yang dipercepatkan mengikut Perkara 8 tepat pada masa selepas pengenaan *Penggantungan Sementara*.

Pengenaan *Penggantungan Sementara*, atau keputusan untuk tidak mengenakan *Penggantungan Sementara*, boleh dirayu secara berproses yang dipercepatkan mengikut Perkara 13.2.

7.4.4 Penerimaan *Penggantungan Sementara* Secara Sukarela

Athlet dengan inisiatif mereka sendiri boleh menerima *Penggantungan Sementara* secara sukarela jika berbuat demikian sebelum akhir: (i) tamat tempoh sepuluh (10) hari dari laporan *Sampel B* (atau penepian bagi *Sampel B*) atau sepuluh (10) hari dari sebarang notis pelanggaran peraturan Anti-Doping yang lain, atau (ii) tarikh ketika *Athlet* tersebut mula bertanding selepas laporan atau notis tersebut.

Orang lain atas inisiatif mereka sendiri boleh menerima *Penggantungan Sementara* secara sukarela jika berbuat sedemikian dalam tempoh sepuluh (10) hari dari notis pelanggaran peraturan Anti-Doping.

Selepas penerimaan secara sukarela tersebut, *Penggantungan Sementara* hendaklah berkuat kuasa sepenuhnya dan diperlakukan dengan cara yang sama seperti jika *Penggantungan Sementara* tersebut dikenakan di bawah Perkara 7.4.1 atau 7.4.2; dengan syarat, pada bila-bila masa selepas menerima *Penggantungan Sementara* secara sukarela, *Athlet* atau *Orang* lain tersebut boleh menarik balik penerimaan sedemikian,

tetapi *Atlet* atau *Orang* lain tersebut tidak boleh menerima sebarang ganjaran bagi masa semasa *Penggantungan Sementara* tersebut.

7.4.5 Jika *Penggantungan Sementara* dikenakan berdasarkan *Penemuan Analitik Buruk Sampel A* dan seterusnya analisis *Sampel B* (jika diminta oleh *Atlet* atau pihak BDADC) tidak mengesahkan analisis *Sampel A*, maka *Atlet* tersebut tidak tertakluk pada sebarang *Penggantungan Sementara* selanjutnya atas sebab pelanggaran Perkara 2.1. Dalam keadaan jika *Atlet* (atau pasukan *Atlet* tersebut) telah dikeluarkan daripada *Acara* berdasarkan pelanggaran Perkara 2.1 dan seterusnya analisis *Sampel B* tidak mengesahkan penemuan *Sampel A* tersebut, jika, tanpa sebaliknya menjejaskan *Acara* tersebut, masih ada kemungkinan bagi *Atlet* atau pasukan tersebut dimasukkan kembali, *Atlet* atau pasukan tersebut boleh meneruskan untuk mengambil bahagian di dalam *Acara* tersebut.

7.5 Pemutusan Pengurusan Keputusan

Pemutusan *Pengurusan Keputusan* atau penghukuman yang dibuat oleh pihak BDADC mestilah tidak mempunyai maksud yang terhad kepada kawasan geografi atau sukan tertentu dan hendaklah menangani dan menentukan tanpa pengehadan terhadap isu yang berikut: (i) sama ada pelanggaran peraturan anti-doping dilakukan atau *Penggantungan Sementara* hendaklah dikenakan, asas fakta bagi penentuan sedemikian, dan Perkara yang tertentu daripada Peraturan Anti-Doping ini yang telah dilanggar, dan (ii) semua *Konsekuensi* yang berlaku daripada pelanggaran-pelanggaran peraturan anti-doping termasuk *Pembatalan* di bawah Perkara 9 dan 10.10, sebarang penarikan balik pingat atau hadiah, sebarang tempoh *ketidaklayakan* (dan tarikh ia mula dijalankan) dan sebarang *Konsekuensi Kewangan*.³⁶

7.6 Makluman Penetapan Pengurusan Keputusan

BDADC hendaklah memaklumkan *Atlet*, *Orang* lain, *Penandatangan* dan *WADA* mengenai penetapan *Pengurusan Keputusan* seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 14.2 dan dalam *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*.

7.7 Persaraan Daripada Sukan³⁷

Jika seorang *Atlet* atau *Orang* lain bersara sementara proses *Pengurusan Keputusan* BDADC sedang dijalankan, BDADC tetap mengekalkan autoriti untuk menyelesaikan proses *Pengurusan Keputusan* jika

seseorang *Atlet atau Orang* lain bersara sebelum sebarang proses *Pengurusan Keputusan* bermula, dan BDADC mempunyai autoriti *Pengurusan Keputusan* ke atas *Atlet atau Orang lain* tersebut pada masa *Atlet atau Orang lain* tersebut melakukan suatu pelanggaran peraturan anti-doping, BDADC mempunyai autoriti untuk menjalankan *Pengurusan Keputusan*.

PERKARA 8 *PENGURUSAN KEPUTUSAN, HAK UNTUK PERBICARAAN YANG ADIL DAN NOTIS PEMUTUSAN PERBICARAAN*

Bagi mana-mana *Orang* yang ditegaskan telah melakukan pelanggaran peraturan anti-doping, BDADC hendaklah memberikan perbicaraan yang adil dalam masa yang munasabah oleh Panel Perbicaraan Anti-Doping yang adil, tidak berat sebelah dan *Bebas Beroperasi* mengikut *Kod* ini dan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*.

8.1 Perbicaraan Adil

8.1.1 Panel Perbicaraan yang Adil, Tidak Berat Sebelah dan *Bebas Beroperasi*

8.1.1.1 BDADC hendaklah melantik Panel Perbicaraan Anti-Doping yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan menentukan sama ada *Atlet* atau *Orang* lain, tertakluk kepada Peraturan Anti-Doping ini, telah melakukan pelanggaran peraturan anti-doping dan, jika berkenaan, untuk mengenakan *Konsekuensi* yang relevan.

8.1.1.2 BDADC hendaklah memastikan yang Panel Perbicaraan Anti-Doping yang dilantik adalah bebas daripada konflik kepentingan dan komposisinya, pengalaman profesional, *Kebebasan Beroperasi* dan pembiayaan yang mencukupi mengikut keperluan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*.

8.1.1.3 Ahli lembaga, kakitangan, ahli suruhanjaya, pakar runding dan pegawai BDADC atau perbadanannya, begitu juga mana-mana *Orang* yang terlibat dalam penyiasatan dan prapenghukuman bagi perkara tersebut, tidak boleh dilantik sebagai ahli dan/atau kerani (sehinggakan kerani berkenaan terlibat dalam proses perbincangan dan/atau menggubal sebarang keputusan) bagi Panel Perbicaraan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC. Terutama, tiada ahli

yang mempertimbangkan permohonan sebarang *TUE*, keputusan *Pengurusan Keputusan*, atau rayuan dalam kes yang sama sebelum ini.

- 8.1.1.4** Panel Perbicaraan Anti-Doping hendaklah terdiri daripada tiga (3) orang ahli bebas.
- 8.1.1.5** Setiap ahli hendaklah dilantik dengan mempertimbangkan pengalaman anti-doping yang diperlukan termasuk kepakaran undang-undang, sukan, perubatan, dan/atau saintifik mereka.
- 8.1.1.6** Panel Perbicaraan *Anti-Doping* hendaklah dalam keadaan untuk menjalankan perbicaraan dan proses membuat keputusan tanpa campur tangan daripada BDADC atau mana-mana pihak ketiga.

8.1.2 Proses Perbicaraan

- 8.1.2.1** Apabila BDADC menghantar notis kepada seseorang *Athlet* atau *Orang* lain untuk memaklumkan kepada mereka tentang potensi pelanggaran peraturan anti-doping, dan *Athlet* atau *Orang* lain tersebut tidak mengetepikan perbicaraan mengikut Perkara 8.3.1 atau Perkara 8.3.2, maka kes tersebut hendaklah dirujuk kepada Panel Perbicaraan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC untuk perbicaraan dan penghukuman, yang akan dijalankan menurut prinsip yang diterangkan dalam Perkara 8 dan 9 mengenai *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*.
- 8.1.2.2** Apabila pelantikan sebagai seorang ahli Panel Perbicaraan Anti-Doping yang dilantik oleh ahli BDADC, setiap ahli mesti menandatangani suatu pengakuan yang disediakan oleh BDADC bahawa tidak ada fakta atau keadaan yang diketahui olehnya yang mungkin mempertikaikan sifat tidak berat sebelah mereka di mata mana-mana pihak, selain daripada keadaan yang dinyatakan dalam pengakuan tersebut.
- 8.1.2.3** Perbicaraan yang diadakan berkaitan dengan *Acara* berkenaan dengan *Athlet* dan *Orang* lain yang dikenakan Peraturan Anti-Doping ini boleh dijalankan

dengan proses yang dipercepatkan jika dibenarkan oleh Panel Perbicaraan Anti-Doping.³⁸

8.1.2.4 WADA, Persekutuan Antarabangsa, dan *Persekutuan Kebangsaan Atlet* atau *Orang* lain boleh menghadiri perbicaraan tersebut sebagai pemerhati. Dalam acara apapun, BDADC hendaklah memastikan mereka dimaklumkan sepenuhnya mengenai status kes yang belum selesai dan hasil keputusan semua perbicaraan.

8.2 Notis Keputusan

8.2.1 Pada akhir perbicaraan, atau segera selepas itu, Panel Perbicaraan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC hendaklah mengeluarkan keputusan secara bertulis yang mematuhi Perkara 9 *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan* yang termasuk alasan penuh bagi keputusan tersebut, tempoh masa *Ketidaklayakan* yang dikenakan, dan *Pembatalan* keputusan di bawah Perkara 10.10 dan, jika berkenaan, justifikasi bagi potensi *Konsekuensi* terbesar tidak dikenakan.

8.2.2 BDADC hendaklah memaklumkan keputusan tersebut kepada *Atlet* atau *Orang* lain dan kepada *Pertubuhan Anti-Doping* lain dengan hak untuk merayu di bawah Perkara 13.2.3 dan hendaklah melaporkan ke ADAMS dengan segera. Keputusan tersebut boleh dirayu seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 13.

8.3 Penepian Perbicaraan

8.3.1 Seseorang *Atlet* atau *Orang* lain yang ditegaskan melanggar Peraturan anti-doping boleh mengaku pelanggaran tersebut pada bila-bila masa, mengetepikan perbicaraan dan menerima *Konsekuensi* yang diusulkan oleh BDADC dan boleh, jika berkenaan, mendapat faedah daripada persetujuan *Pengurusan Keputusan* di bawah syarat yang dinyatakan dalam Perkara 10.8.

- 8.3.2** Walau bagaimanapun, jika *Atlet* atau *Orang* lain yang ditegaskan pelanggaran peraturan anti-doping gagal untuk mempertikaikan penegasan tersebut dalam masa dua puluh (20) hari atau sebaliknya tarikh akhir yang dinyatakan dalam notis yang dihantar oleh pihak BDADC yang menegaskan pelanggaran tersebut, maka mereka adalah dianggap telah mengakui pelanggaran tersebut, menyetepikan/mengabaikan perbicaraan, dan menerima *Konsekuensi* yang diusulkan.
- 8.3.3** Dalam kes-kes jika Perkara 8.3.1 atau 8.3.2 berlaku, suatu perbicaraan tidak akan diperlukan. Sebaliknya BDADC mengeluarkan keputusan bertulis dengan segera yang mematuhi Perkara 9 *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan* dan yang termasuk alasan penuh bagi keputusan tersebut, tempoh *Ketidaklayakan* yang dikenakan, *Pembatalan* keputusan di bawah Perkara 10.10 dan, jika berkenaan, justifikasi bagi potensi *Konsekuensi* terbesar tidak dikenakan.
- 8.3.4** BDADC hendaklah memaklumkan keputusan tersebut kepada *Atlet* atau *Orang* lain dan kepada *Pertubuhan Anti-Doping* lain dengan hak untuk membuat rayuan di bawah Perkara 13.2.3, dan hendaklah melaporkannya kepada *ADAMS* dengan segera. BDADC hendaklah *Mendedahkan* keputusan tersebut *Secara Terbuka* mengikut Perkara 14.3.2.

8.4 Perbicaraan Tunggal Di Hadapan CAS

Pelanggaran peraturan anti-doping yang ditegaskan terhadap *Atlet Peringkat Antarabangsa*, *Atlet Peringkat Kebangsaan* atau *Orang* lain boleh, dengan persetujuan *Atlet* atau *Orang* Lain tersebut, BDADC (yang mempunyai tanggungjawab *Pengurusan Keputusan* mengikut Perkara 7) dan *WADA*, didengar dalam perbicaraan tunggal secara langsung di CAS.³⁹

PERKARA 9 PEMBATALAN SECARA AUTOMATIK BAGI KEPUTUSAN INDIVIDU

Pelanggaran peraturan anti-doping dalam *Sukan Individu* yang berkaitan dengan ujian *Semasa Pertandingan* secara automatik membawa kepada *Pembatalan* bagi keputusan yang diperoleh dalam *Pertandingan* itu dengan semua *Konsekuensi*, termasuk penarikan balik sebarang pingat, mata dan hadiah.⁴⁰

PERKARA 10 SANKSI BAGI INDIVIDU

10.1 *Pembatalan Keputusan dalam Acara semasa berlakunya Pelanggaran Peraturan Anti-Doping*

10.1.1 Pelanggaran peraturan anti-doping yang berlaku semasa atau berkaitan dengan *Acara* boleh, dengan keputusan badan pemerintah *Acara*, menyebabkan *Pembatalan* semua keputusan individu *Atlet* yang diperoleh dalam *Acara* tersebut berserta semua *Konsekuensi* termasuk penarikan balik semua pingat, mata dan hadiah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 10.1.2.

Faktor-faktor yang perlu dimasukkan dalam mempertimbangkan sama ada untuk *Membatalkan* keputusan lain dalam *Acara* boleh termasuk, contohnya, keseriusan pelanggaran peraturan anti-doping *Atlet* dan sama ada *Atlet* diuji negatif dalam *Pertandingan*⁴¹ lain.

10.1.2 Jika *Atlet* membuktikan *Tiada Kesalahan* atau *Kecuaian* yang ditanggung bagi pelanggaran tersebut, keputusan individu *Atlet* dalam *Pertandingan* lain tidak boleh *Dibatalkan*, melainkan keputusan *Atlet* dalam *Pertandingan* selain daripada *Pertandingan* yang berlakunya pelanggaran peraturan anti-doping yang berkemungkinan terjejas oleh pelanggaran *Atlet* terhadap peraturan anti-doping.

10.2 *Ketidaklayakan bagi Kehadiran, Penggunaan atau Percubaan Penggunaan atau Pemilikan Bahan atau Kaedah Larangan*

Tempoh *Ketidaklayakan* bagi pelanggaran Perkara 2.1, 2.2 atau 2.6 adalah seperti berikut, tertakluk kepada penyingkiran, pengurangan atau penggantungan yang berpotensi menurut Perkara 10.5, 10.6 atau 10.7:

10.2.1 Tempoh *Ketidaklayakan*, tertakluk kepada Perkara 10.2.4, adalah empat (4) tahun jika:

10.2.1.1 Pelanggaran peraturan anti-doping tidak melibatkan *Bahan Tertentu* atau *Kaedah Tertentu*, melainkan *Atlet* atau *Orang* lain tersebut boleh membuktikan bahawa pelanggaran peraturan anti-doping tersebut adalah tidak disengajakan.⁴²

10.2.1.2 Pelanggaran peraturan anti-doping melibatkan *Bahan Tertentu* atau *Kaedah Tertentu* dan BDADC boleh membuktikan bahawa pelanggaran peraturan anti-doping tersebut adalah disengajakan.

10.2.2 Jika Perkara 10.2.1 tidak berkenaan, tertakluk kepada Perkara 10.2.4.1, tempoh *Ketidaklayakan* adalah dua (2) tahun.

10.2.3 Seperti yang digunakan dalam Perkara 10.2, istilah “disengajakan” bertujuan untuk mengenal pasti *Atlet* atau *Orang* lain yang terlibat dalam kelakuan yang mereka tahu merupakan pelanggaran peraturan anti-doping atau mengetahui bahawa terdapat risiko yang nyata bahawa kelakuan tersebut boleh merupakan atau menyebabkan pelanggaran peraturan anti-doping dan secara nyata mengabaikan risiko itu. Pelanggaran peraturan anti-doping yang disebabkan oleh *Penemuan Analitik Buruk* bagi bahan yang hanya dilarang *Semasa Pertandingan* adalah dianggap sebagai tidak “disengajakan” jika bahan tersebut adalah *Bahan Tertentu* dan *Atlet* boleh membuktikan bahawa *Bahan Terlarang* tersebut *Digunakan Di luar Pertandingan*. Pelanggaran peraturan anti-doping yang disebabkan oleh *Penemuan Analitik Buruk* bagi bahan yang hanya dilarang *Semasa Pertandingan* tidak boleh dianggap "disengajakan" jika bahan itu bukan *Bahan Tertentu* dan *Atlet* boleh membuktikan bahawa *Bahan Terlarang* tersebut *Digunakan Di luar Pertandingan* dalam konteks yang tidak berkaitan dengan prestasi sukan.⁴³

10.2.4 Walau apa-apa pun peruntukan lain dalam Perkara 10.2, jika pelanggaran peraturan anti-doping melibatkan *Bahan Penyalahgunaan*:

10.2.4.1 Jika *Atlet* boleh membuktikan bahawa sebarang pengingesan atau *Penggunaan* berlaku *Di luar Pertandingan* dan tidak berkaitan dengan prestasi sukan, maka tempoh *Ketidaklayakan* adalah tiga (3) bulan.

Di samping itu, tempoh *Ketidaklayakan* yang dikira di bawah Perkara 10.2.4.1 ini boleh dikurangkan menjadi satu (1) bulan jika *Atlet* atau *Orang* lain tersebut menjalani Program Rawatan *Penyalahgunaan Bahan* dengan baik yang diluluskan oleh BDADC. Tempoh *Ketidaklayakan* yang ditetapkan dalam Perkara 10.2.4.1 ini tidak tertakluk kepada sebarang pengurangan berdasarkan mana-mana peruntukan dalam Perkara 10.6.⁴⁴

10.2.4.2 Jika pengingesan, *Penggunaan* atau *Pemilikan* berlaku *Semasa Pertandingan*, dan *Atlet* boleh membuktikan konteks pengingesan, *Penggunaan* atau *Pemilikan* tersebut tidak berkaitan dengan prestasi sukan, maka pengingesan, *Penggunaan* atau *Pemilikan* tersebut adalah tidak dianggap disengajakan bagi tujuan Perkara 10.2.1 dan adalah tidak memberikan asas bagi penemuan *Keadaan Memudaratkan* di bawah Perkara 10.4.

10.3 Ketidaklayakan bagi Pelanggaran Peraturan Anti-Doping Lain

Tempoh *Ketidaklayakan* bagi pelanggaran peraturan anti-doping selain dari yang diberikan dalam Perkara 10.2 adalah seperti yang berikut, melainkan Perkara 10.6 atau 10.7 dapat dikenakan:

10.3.1 Bagi pelanggaran Perkara 2.3 atau 2.5, tempoh *Ketidaklayakan* adalah empat (4) tahun kecuali: (i) Dalam kes kegagalan untuk menyerahkan pengambilan *Sampel*, jika *Atlet* boleh membuktikan bahawa perbuatan melakukan pelanggaran peraturan anti-doping tidak disengajakan, tempoh *Ketidaklayakan* adalah dua (2) tahun; (ii) dalam semua kes yang lain, jika *Atlet* atau *Orang* lain boleh membuktikan keadaan luar biasa yang menjustifikasikan pengurangan tempoh *Ketidaklayakan*, tempoh *Ketidaklayakan* adalah dalam julat antara dua (2) tahun hingga empat (4) tahun bergantung kepada tahap *Kesalahan Atlet* atau *Orang* lain tersebut; atau (iii) dalam kes yang melibatkan *Orang Yang Dilindungi* atau *Atlet Rekreasi*, tempoh *Ketidaklayakan* adalah dalam julat antara maksimum dua (2) tahun dan, sekurang-kurangnya, teguran dan tiada tempoh *Ketidaklayakan*, bergantung kepada tahap *Kesalahan Orang Yang Dilindungi* atau *Atlet Rekreasi* tersebut.

10.3.2 Bagi pelanggaran Perkara 2.4, tempoh *Ketidaklayakan* adalah dua (2) tahun, tertakluk kepada pengurangan kepada minimum satu (1) tahun, bergantung kepada tahap *Kesalahan Atlet*. Kefleksibelan antara dua (2) tahun dan satu (1) tahun *Ketidaklayakan* dalam Perkara ini tidak tersedia kepada *Atlet* yang terdapat perubahan pada pola keberadaannya pada saat-saat akhir atau kelakuan lain yang menimbulkan syak wasangka serius bahawa *Atlet* cuba mengelakkan diri untuk menjalani *Ujian*.

10.3.3 Bagi pelanggaran Perkara 2.7 or 2.8, tempoh *Ketidaklayakan* adalah minimum empat (4) tahun hingga *Ketidaklayakan* seumur hidup, bergantung kepada keseriusan pelanggaran tersebut. Perkara 2.7 atau Perkara 2.8 yang melibatkan *Orang Yang*

Dilindungi adalah dianggap sebagai pelanggaran yang sangat serius dan, jika dilakukan oleh *Kakitangan Sokongan Atlet* bagi pelanggaran selain daripada *Bahan Tertentu*, akan mengakibatkan *Ketidaklayakan* seumur hidup bagi *Kakitangan Sokongan Atlet*. Di samping itu, pelanggaran yang nyata bagi Perkara 2.7 atau 2.8 yang juga boleh melanggar undang-undang dan peraturan bukan sukan, hendaklah dilaporkan kepada pihak pentadbiran yang kompeten, profesional atau pihak kehakiman yang berautoriti.⁴⁵

10.3.4 Bagi pelanggaran Perkara 2.9, tempoh *Ketidaklayakan* yang dikenakan adalah minimum dua (2) tahun, hingga *Ketidaklayakan* seumur hidup, bergantung kepada keseriusan pelanggaran.

10.3.5 Bagi pelanggaran Perkara 2.10, tempoh *Ketidaklayakan* adalah dua (2) tahun, tertakluk kepada pengurangan kepada satu (1) tahun, bergantung kepada tahap *Kesalahan Atlet* atau *Orang* lain dan keadaan lain bagi kes tersebut.⁴⁶

10.3.6 Bagi pelanggaran Perkara 2.11, tempoh *Ketidaklayakan* adalah minimum dua (2) tahun, hingga *Ketidaklayakan* seumur hidup, bergantung kepada keseriusan pelanggaran oleh *Atlet* atau *Orang* lain.⁴⁷

10.4 Keadaan Memudaratkan yang boleh Meningkatkan Tempoh *Ketidaklayakan*

Jika BDADC membuktikan kes individu yang melibatkan pelanggaran peraturan anti-doping selain dari pelanggaran di bawah Perkara 2.7 (*Pengedaran* atau *Cubaan Pengedaran*), 2.8 (*Pemberian* atau *Cubaan Pemberian*), 2.9 (*Keterlibatan*) atau 2.11 (*Tindakan Atlet* atau *Orang Lain* untuk Tidak Menggalakkan atau Membalas Terhadap Pelaporan) yang mewujudkan *Keadaan Memudaratkan* yang menjustifikasikan pengenaan tempoh *Ketidaklayakan* yang lebih teruk daripada sanksi yang standard, maka tempoh *Ketidaklayakan* yang sebaliknya dapat dikenakan hendaklah ditingkatkan dengan tempoh *Ketidaklayakan* tambahan hingga dua (2) tahun bergantung kepada keseriusan pelanggaran dan jenis *Keadaan Memudaratkan* tersebut, kecuali *Atlet* dan *Orang* lain tersebut boleh membuktikan yang dia melakukan pelanggaran peraturan anti-doping tanpa disedari olehnya.⁴⁸

10.5 Penyingkiran Tempoh *Ketidaklayakan* jika *Tiada Kesalahan* atau *Kecuaian*

Jika *Atlet* atau *Orang* lain membuktikan dalam kes individu bahawa *Tiada Kesalahan* atau *Kecuaian* yang ditanggung, maka sebaliknya, tempoh *Ketidaklayakan* hendaklah disingkirkan.⁴⁹

10.6 Pengurangan Tempoh *Ketidaklayakan* berdasarkan *Tiada Kesalahan atau Kecuaian Yang Nyata*

10.6.1 Pengurangan Sanksi dalam Keadaan Tertentu bagi Pelanggaran Perkara 2.1, 2.2 atau 2.6.

Semua pengurangan di bawah Perkara 10.6.1 adalah saling eksklusif dan bukan kumulatif.

10.6.1.1 *Bahan Tertentu* atau *Kaedah Tertentu*

Jika pelanggaran peraturan anti-doping melibatkan *Bahan Tertentu* (selain daripada *Bahan Penyalahgunaan*) atau *Kaedah Tertentu*, dan *Atlet* atau *Orang* lain boleh membuktikan *Tiada Kesalahan* atau *Kecuaian Yang Nyata*, maka tempoh *Ketidaklayakan* adalah, minimum, teguran dan tiada tempoh *Ketidaklayakan*, dan maksimum, dua (2) tahun *Ketidaklayakan*, bergantung kepada tahap *Kesalahan Atlet* atau *Orang* lain tersebut.

10.6.1.2 *Produk Tercemar*

Dalam kes jika *Atlet* atau *Orang* lain boleh membuktikan kedua-dua *Tiada Kesalahan* atau *Kecuaian Yang Nyata* dan *Bahan Terlarang* yang dikesan (selain daripada *Bahan Penyalahgunaan*) datangnya daripada *Produk Tercemar*, maka tempoh *Ketidaklayakan* adalah, minimum, teguran dan tiada tempoh *Ketidaklayakan*, dan maksimum, dua (2) tahun *Ketidaklayakan*, bergantung kepada tahap *Kesalahan Atlet* atau *Orang* lain tersebut.⁵⁰

10.6.1.3 *Orang Yang Dilindungi* atau *Atlet Rekreasi*

Jika pelanggaran peraturan anti-doping yang tidak melibatkan *Bahan Penyalahgunaan* dilakukan oleh *Orang Yang Dilindungi* atau *Atlet Rekreasi*, dan *Orang Yang Dilindungi* atau *Atlet Rekreasi* tersebut boleh membuktikan *Tiada Kesalahan* atau *Kecuaian Yang Nyata*, maka tempoh *Ketidaklayakan* adalah, minimum, cela dan tiada tempoh *Ketidaklayakan*, dan maksimum, dua (2) tahun *Ketidaklayakan*, bergantung kepada tahap *Kesalahan Orang Yang Dilindungi* atau *Atlet Rekreasi* tersebut.

10.6.2 Pengenaan *Tiada Kesalahan* atau *Kecuaian Yang Nyata* yang melampaui Pengenaan Perkara 10.6.1

Jika *Atlet* atau *Orang* lain membuktikan dalam kes individu yang Perkara 10.6.1 tidak dapat dikenakan, bahawa *Tiada Kesalahan* atau *Kecuaian Yang Nyata* yang ditanggung, maka, tertakluk kepada pengurangan selanjutnya atau penyingkiran seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 10.7, tempoh *Ketidaklayakan* yang sebaliknya dapat dikenakan boleh dikurangkan berdasarkan tahap *Kesalahan Atlet* dan *Orang* lain tersebut, akan tetapi pengurangan tempoh *Ketidaklayakan* tidak boleh kurang daripada separuh daripada tempoh *Ketidaklayakan* yang sebaliknya dapat dikenakan. Jika tempoh *Ketidaklayakan* yang sebaliknya dapat dikenakan adalah seumur hidup, pengurangan tempoh di bawah Perkara ini tidak boleh kurang dari lapan (8) tahun.⁵¹

10.7 Penyingkiran, Pengurangan, atau Penggantungan Tempoh *Ketidaklayakan* atau *Konsekuensi* lain bagi Alasan selain daripada *Kesalahan*

10.7.1 *Bantuan Penting* dalam Menemukan atau Membuktikan *Pelanggaran Kod*⁵²

10.7.1.1 BDADC boleh, sebelum keputusan rayuan di bawah Perkara 13 atau tamat tempoh masa untuk membuat rayuan, menggantung sebahagian daripada *Konsekuensi* (selain daripada *Pembatalan* atau *Pendedahan Awam* mandatori) yang dikenakan dalam kes individu jika *Atlet* atau *Orang* lain tersebut telah memberikan *Bantuan Penting* kepada *Pertubuhan Anti-Doping*, pihak berkuasa bagi jenayah atau badan tatatertib profesional yang mengakibatkan: (i) *Pertubuhan Anti-Doping* menemukan atau mengemukakan pelanggaran peraturan anti-doping oleh *Orang* lain; atau (ii) yang mengakibatkan badan jenayah atau tatatertib menemukan atau mengemukakan suatu kesalahan jenayah atau pelanggaran peraturan profesional yang dilakukan oleh *Orang* lain dan maklumat yang diberikan oleh *Orang* yang memberikan *Bantuan Penting* tersebut diberikan kepada BDADC atau *Pertubuhan Anti-Doping* lain yang bertanggungjawab bagi *Pengurusan Keputusan*; atau (iii) yang mengakibatkan WADA untuk memulakan prosiding terhadap *Penandatanganan*, makmal yang diiktiraf WADA, atau unit pengurusan pasport *Atlet* (seperti yang dijelaskan dalam *Makmal-Makmal Piawaian Antarabangsa*) kerana tidak mematuhi Kod ini, *Piawaian Antarabangsa* atau *Dokumen Teknikal*; atau (iv)

dengan persetujuan WADA, yang mengakibatkan badan jenayah atau tatatertib mengemukakan kesalahan jenayah atau pelanggaran peraturan profesional atau sukan yang timbul daripada pelanggaran integriti sukan selain daripada doping. Selepas keputusan rayuan di bawah Perkara 13 atau tamat tempoh masa untuk membuat rayuan, BDADC hanya boleh menggantung sebahagian daripada *Konsekuensi* yang sebaliknya dapat dikenakan dengan kelulusan WADA dan Persekutuan Antarabangsa yang berkenaan.

Sejauh mana tempoh *Ketidaklayakan* yang sebaliknya dapat dikenakan boleh digantung adalah berdasarkan keseriusan pelanggaran peraturan anti-doping yang dilakukan oleh *Atlet* atau *Orang* lain dan kepentingan *Bantuan Penting* yang diberikan oleh *Atlet* atau *Orang* lain tersebut dalam usaha untuk menghapuskan doping dalam sukan, ketidakpatuhan terhadap *Kod* ini dan/atau pelanggaran integriti sukan. Tidak lebih daripada tiga perempat daripada tempoh *Ketidaklayakan* yang sebaliknya dapat dikenakan boleh digantung. Jika tempoh *Ketidaklayakan* yang sebaliknya dapat dikenakan adalah seumur hidup, tempoh yang tidak digantung di bawah Perkara ini mestilah tidak kurang daripada lapan (8) tahun. Bagi tujuan perenggan ini, tempoh *Ketidaklayakan* yang sebaliknya dapat dikenakan adalah tidak termasuk sebarang tempoh *Ketidaklayakan* yang boleh ditambah di bawah Perkara 10.9.3.2 daripada Peraturan Anti-Doping ini.

Jika diminta, oleh *Atlet* atau *Orang* lain yang ingin memberikan *Bantuan Penting*, BDADC hendaklah membenarkan *Atlet* atau *Orang* lain tersebut untuk memberikan maklumat *Atlet* atau *Orang* lain tersebut yang tertakluk kepada Perjanjian Tanpa Memudaratkan.

Jika *Atlet* atau *Orang* lain tersebut gagal untuk terus bekerjasama dan memberikan *Bantuan Penting* yang lengkap dan boleh dipercayai selepas diberikan penggantungan *Konsekuensi*, BDADC hendaklah mengenakan semula *Konsekuensi* asal. Jika BDADC memutuskan untuk mengenakan semula *Konsekuensi* yang digantung atau memutuskan untuk tidak mengenakan semula *Konsekuensi* yang digantung tersebut, rayuan boleh dibuat terhadap

keputusan tersebut oleh mana-mana *Orang* yang berhak untuk membuat rayuan di bawah Perkara 13.

10.7.1.2 Untuk menggalakkan lebih lanjut *Atlet* dan *Orang* lain memberikan *Bantuan Penting* kepada Pertubuhan Anti-Doping, atas permintaan BDADC atau atas permintaan *Atlet* atau *Orang* lain yang telah melakukan, atau telah ditegaskan telah melakukan, pelanggaran peraturan anti-doping, atau pelanggaran lain daripada *Kod* ini, *WADA* boleh menyetujui pada sebarang peringkat proses *Pengurusan Keputusan*, termasuk selepas keputusan rayuan di bawah Perkara 13, untuk apa yang dianggap sebagai penggantungan yang sesuai bagi tempoh *Ketidaklayakan* dan *Konsekuensi* lain yang sebaliknya dapat dikenakan. Dalam keadaan luar biasa, *WADA* boleh menyetujui penggantungan bagi tempoh *Ketidaklayakan* dan *Konsekuensi* lain untuk *Bantuan Penting* yang lebih besar daripada yang diperuntukkan sebaliknya dalam Perkara ini, atau bahkan tiada tempoh *Ketidaklayakan*, tiada *Pendedahan Awam* mandatori dan/atau tiada pemulangan wang hadiah atau pembayaran denda atau kos. Kelulusan *WADA* adalah tertakluk kepada pengenaan semula *Konsekuensi*, sebagaimana yang diperuntukkan sebaliknya dalam Perkara ini. Walau apa-apa pun Perkara 13, keputusan *WADA* dalam konteks Perkara 10.7.1.2 ini tidak boleh dirayu.

10.7.1.3 Jika BDADC menggantung sebarang bahagian sanksi yang sebaliknya dapat dikenakan kerana *Bantuan Penting*, maka notis yang memberikan justifikasi bagi keputusan tersebut hendaklah diberikan kepada *Pertubuhan Anti-Doping* yang lain dengan hak untuk merayu di bawah Perkara 13.2.3 seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 14.2. Dalam keadaan unik, jika *WADA* menentukan bahawa demi kepentingan terbaik anti-doping, *WADA* boleh memberikan kuasa kepada BDADC untuk memeterai perjanjian kerahsiaan yang sesuai yang mengehendkan atau menangguhkan pendedahan perjanjian *Bantuan Penting* atau jenis *Bantuan Penting* yang diberikan.

10.7.2 Pengakuan Pelanggaran Peraturan Anti-Doping Tanpa Adanya Bukti Lain

Jika *Atlet* atau *Orang* Lain secara sukarela mengakui perbuatan melakukan pelanggaran peraturan anti-doping sebelum menerima notis bagi pengambilan *Sampel* yang boleh membuktikan pelanggaran peraturan anti-doping (atau, dalam kes pelanggaran peraturan anti-doping selain

Perkara 2.1, sebelum menerima notis pertama bagi pelanggaran yang diakui menurut Perkara 7) dan pengakuan tersebut adalah satu-satunya bukti yang boleh dipercayai bagi pelanggaran tersebut pada masa pengakuan, maka tempoh *Ketidaklayakan* tersebut boleh dikurangkan, tetapi tidak kurang daripada separuh dari tempoh *Ketidaklayakan* yang sebaliknya boleh dikenakan.⁵³

10.7.3 Permohonan Pelbagai Alasan bagi Pengurangan Sanksi

Jika *Atlet* atau *Orang* lain diberikan hak bagi pengurangan dalam sanksi lebih dari satu peruntukan dalam Perkara 10.5, 10.6 atau 10.7, sebelum memohon sebarang pengurangan atau penggantungan di bawah Perkara 10.7, tempoh permohonan *Ketidaklayakan* yang dikenakan hendaklah ditentukan menurut Perkara 10.2,10.3, 10.5 dan 10.6. Jika *Atlet* atau *Orang* lain diberikan hak bagi pengurangan atau penggantungan tempoh *Ketidaklayakan* di bawah Perkara 10.7, maka tempoh *Ketidaklayakan* boleh dikurangkan atau digantung, tetapi tidak kurang dari satu perempat daripada tempoh *Ketidaklayakan* yang ditetapkan sebaliknya.

10.8 Perjanjian Pengurusan Keputusan

10.8.1 Pengurangan Satu (1) Tahun bagi Pelanggaran Peraturan Anti-Doping yang Tertentu Berdasarkan pada Pengakuan Awal dan Penerimaan Sanksi

Jika *Atlet* atau *Orang* lain, setelah dimaklumkan oleh BDADC mengenai potensi pelanggaran peraturan anti-doping yang boleh membawa tempoh *Ketidaklayakan* empat (4) tahun yang ditegaskan atau lebih (termasuk sebarang tempoh *Ketidaklayakan* yang ditegaskan di bawah Perkara 10.4), mengakui pelanggaran tersebut dan menerima tempoh *Ketidaklayakan* yang ditegaskan tidak lewat dari dua puluh (20) hari setelah menerima notis bagi tuduhan pelanggaran peraturan anti-doping, *Atlet* atau *Orang* lain tersebut akan menerima satu (1) tahun pengurangan tempoh *Ketidaklayakan* yang ditegaskan oleh BDADC. Jika *Atlet* atau *Orang* lain tersebut menerima satu (1) tahun pengurangan dalam tempoh *Ketidaklayakan* yang ditegaskan di bawah Perkara 10.8.1, maka tiada pengurangan tambahan bagi tempoh *Ketidaklayakan* yang ditegaskan akan dibenarkan di bawah sebarang Perkara yang lain.⁵⁴

10.8.2 Persetujuan Resolusi Kes

Jika *Atlet* atau *Orang* lain mengakui pelanggaran peraturan anti-doping setelah berhadapan dengan pelanggaran peraturan anti-doping oleh BDADC dan bersetuju dengan *Konsekuensi* yang boleh diterima oleh BDADC dan WADA, atas budi bicara mereka, maka: (a) *Atlet* atau *Orang* lain boleh menerima pengurangan tempoh *Ketidaklayakan* berdasarkan penilaian yang dibuat oleh BDADC dan WADA daripada penganan Perkara 10.1 hingga 10.7 untuk pelanggaran peraturan anti-doping yang ditegaskan, keseriusan pelanggaran tersebut, tahap *Kesalahan Atlet* atau *Orang* lain dan seberapa segera *Atlet* atau *Orang* lain mengakui pelanggaran tersebut; dan (b) tempoh *Ketidaklayakan* boleh bermula seawal tarikh pengambilan *Sampel* atau tarikh pelanggaran peraturan anti-doping lain yang terakhir. Walau bagaimanapun, dalam setiap kes, jika Perkara ini dikenakan, *Atlet* atau *Orang* lain hendaklah menjalani sekurang-kurangnya separuh dari tempoh *Ketidaklayakan* yang dipersetujui bermula dari tarikh awal *Atlet* atau *Orang* lain menerima penganan sanksi atau *Penggantungan Sementara* yang kemudiannya diakuri oleh *Atlet* atau *Orang* lain. Keputusan WADA dan BDADC untuk mengikat atau tidak mengikat perjanjian suatu resolusi kes, dan jumlah pengurangan, dan tarikh bermulanya tempoh *Ketidaklayakan*, adalah hal-hal yang bukan ditentukan atau disemak semula oleh badan perbicaraan dan bukan tertakluk pada rayuan di bawah Perkara 13.

Sekiranya diminta oleh *Atlet* atau *Orang* lain yang ingin mengikat perjanjian suatu resolusi kes di bawah Perkara ini, BDADC hendaklah membenarkan *Atlet* atau *Orang* lain tersebut untuk membincangkan pengakuan pelanggaran peraturan anti-doping tersebut dengan pihak mereka tertakluk kepada *Perjanjian Tanpa Memudaratkan*.⁵⁵

10.9 Pelanggaran Berulang-kali

10.9.1 Pelanggaran Peraturan Anti-Doping Kedua atau Ketiga

10.9.1.1 Pelanggaran peraturan anti-doping kedua bagi *Atlet* atau *Orang* lain, tempoh *Ketidaklayakan* hendaklah melebihi:

(a) Enam (6) bulan tempoh *Ketidaklayakan*; atau

(b) Julat tempoh *Ketidaklayakan* antara:

(i) jumlah tempoh *Ketidaklayakan* yang dikenakan pada pelanggaran peraturan anti-doping yang pertama dan tempoh *Ketidaklayakan* yang ditetapkan bagi pelanggaran peraturan anti-doping yang kedua yang diperlakukan seolah-olah ia adalah pelanggaran pertama, dan

(ii) dua kali ganda tempoh *Ketidaklayakan* yang ditetapkan pada pelanggaran peraturan anti-doping yang kedua yang diperlakukan seolah-olah ia adalah pelanggaran pertama.

Tempoh *Ketidaklayakan* dalam julat ini akan ditentukan berdasarkan keseluruhan kes dan tahap *Kesalahan Atlet* atau *Orang* lain tersebut yang berkaitan dengan pelanggaran kedua.

10.9.1.2 Pelanggaran peraturan anti-doping yang ketiga lazimnya akan mengakibatkan tempoh *Ketidaklayakan* seumur hidup, kecuali jika pelanggaran ketiga memenuhi syarat bagi penyingkiran atau pengurangan tempoh *Ketidaklayakan* di bawah Perkara 10.5 atau 10.6, atau melibatkan pelanggaran Perkara 2.4. Dalam kes tertentu sebegini, tempoh *Ketidaklayakan* hendaklah dari lapan (8) tahun hingga *Ketidaklayakan* seumur hidup.

10.9.1.3 Tempoh *Ketidaklayakan* yang ditetapkan dalam Perkara 10.9.1.1 dan 10.9.1.2 boleh dikurangkan lagi dengan penganan Perkara 10.7.

10.9.2 Pelanggaran peraturan anti-doping bagi *Atlet* atau *Orang* lain yang telah ditetapkan *Tidak Salah* atau *Kecuaian* adalah tidak dikira pelanggaran bagi maksud Perkara 10.9 ini. Sebagai tambahan, pelanggaran peraturan anti-doping yang disanksi di bawah Perkara 10.2.4.1 hendaklah tidak dikira sebagai pelanggaran bagi maksud Perkara 10.9.

10.9.3 Peraturan Tambahan bagi Potensi Pelanggaran Tertentu yang Berulang-kali

10.9.3.1 Bagi maksud penganan sanksi di bawah Perkara 10.9, kecuali yang diperuntukkan dalam Perkara 10.9.3.2 dan 10.9.3.3, pelanggaran peraturan anti-doping hanya akan dikira pelanggaran kedua jika BDADC boleh mengesahkan bahawa *Atlet* atau *Orang* lain tersebut telah melakukan

pelanggaran peraturan tambahan anti-doping setelah *Atlet* atau *Orang* lain tersebut menerima notis menurut Perkara 7, atau setelah BDADC telah membuat usaha yang munasabah untuk memberi notis pelanggaran peraturan anti-doping yang pertama. Jika BDADC tidak boleh mengesahkannya, pelanggaran-pelanggaran tersebut akan dikira sama sebagai satu pelanggaran pertama, dan sanksi yang dikenakan hendaklah berdasarkan pelanggaran yang mengakibatkan sanksi yang lebih berat, termasuk penggunaan *Keadaan Memudaratkan*. Keputusan bagi semua *Pertandingan* yang wujud seawal pelanggaran peraturan anti-doping yang pertama akan *Dibatalkan* seperti yang diperuntukan dalam Perkara 10.10.⁵⁶

10.9.3.2 Jika BDADC menetapkan bahawa *Atlet* atau *Orang* lain telah melakukan pelanggaran peraturan tambahan anti-doping sebelum pemakluman, dan pelanggaran tambahan tersebut berlaku dua belas (12) bulan atau lebih sebelum atau selepas pelanggaran notis pertama, maka tempoh *Ketidaklayakan* bagi pelanggaran tambahan akan dikira seolah-olah pelanggaran tambahan tersebut adalah pelanggaran pertama yang berdiri dengan sendirinya dan tempoh *Ketidaklayakan* ini akan dijalankan secara berturut-turut, bukannya serentak, dengan tempoh *Ketidaklayakan* yang dikenakan bagi pelanggaran notis awal. Jika Perkara 10.9.3.2 ini dikenakan, pelanggaran tersebut yang dilakukan bersama-sama akan dijadikan sebagai pelanggaran tunggal bagi maksud Perkara 10.9.1.

10.9.3.3 Jika BDADC menetapkan bahawa *Atlet* atau *Orang* lain itu telah melakukan pelanggaran Perkara 2.5 berkaitan dengan proses *Kawalan Doping* bagi dasar pelanggaran peraturan anti-doping yang ditegaskan, pelanggaran Perkara 2.5 hendaklah diperlakukan sebagai pelanggaran pertama yang berdiri dengan sendiri dan tempoh *Ketidaklayakan* bagi pelanggaran sedemikian hendaklah dijalankan secara berturut-turut, bukan serentak, dengan tempoh *Ketidaklayakan*, jika ada, dikenakan bagi dasar pelanggaran peraturan anti-doping. Jika Perkara 10.9.3.3 ini dikenakan, pelanggaran yang dilakukan bersama-sama akan dijadikan sebagai pelanggaran tunggal bagi maksud Perkara 10.9.1.

10.9.3.4 Jika BDADC menetapkan *Orang* telah melakukan pelanggaran peraturan anti-doping yang kedua atau ketiga sewaktu tempoh *Ketidaklayakan*, maka tempoh *Ketidaklayakan* bagi pelanggaran berulang-kali hendaklah dijalankan secara berturut-turut, bukan serentak.

10.9.4 Pelanggaran Peraturan Anti-Doping Berulang-kali sewaktu Tempoh Sepuluh (10) Tahun

Bagi maksud perkara 10.9, setiap pelanggaran peraturan anti-doping hendaklah berlaku dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang sama agar dapat dikira sebagai pelanggaran berulang-kali.

10.10 Pembatalan Keputusan dalam *Pertandingan* selepas Pengambilan atau Penggunaan *Sampel* bagi Pelanggaran Peraturan Anti-Doping

Sebagai tambahan kepada *Pembatalan* secara automatik bagi keputusan dalam *Pertandingan* yang memberikan *Sampel* positif di bawah Perkara 9, kesemua keputusan pertandingan lain yang *Atlet* peroleh dari tarikh *Sampel* positif diambil (sama ada *Di dalam Pertandingan* atau *Di luar Pertandingan*), atau adanya pelanggaran peraturan anti-doping yang lain, sehingga bermulanya sebarang *Penggantungan Sementara* atau tempoh *Ketidaklayakan*, hendaklah, jika diperlukan untuk berlaku adil, *Dibatalkan* bersama-sama semua yang mengakibatkan *Konsekuensi* termasuk perampasan mana-mana pingat, mata dan hadiah.⁵⁷

10.11 Hadiah Wang yang Ditarik balik

Jika BDADC mendapatkan semula hadiah wang yang ditarik balik akibat daripada pelanggaran peraturan anti-doping, BDADC hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menguntukkan dan mengagihkan hadiah wang tersebut kepada *Atlet-Atlet* yang berhak ke atasnya walaupun *Atlet* yang kehilangannya tidak bertanding.⁵⁸

10.12 Konsekuensi Kewangan

10.12.1 Jika *Atlet* atau *Orang* lain melakukan pelanggaran peraturan anti-doping, BDADC akan mengikut budi bicara dan tertakluk kepada prinsip perkadaran, memilih untuk (a)

mendapatkan semula kos yang berkaitan dengan pelanggaran peraturan anti-doping daripada *Atlet* atau *Orang* lain tersebut, tidak mengira tempoh *Ketidaklayakan* yang dikenakan dan/atau (b) mendenda *Atlet* atau *Orang* lain tersebut pada jumlah sehingga \$500 Dollar A.S., hanya untuk kes-kes yang tempoh *Ketidaklayakan* yang maksimum telah dikenakan.

- 10.12.2** Pengenaan sanksi kewangan atau kos mendapatkan semula BDADC tidak akan dikira sebagai asas bagi pengurangan *Ketidaklayakan* atau sanksi lain yang akan dikenakan di bawah Peraturan Anti-Doping.

10.13 Permulaan Tempoh *Ketidaklayakan*

Jika *Atlet* sedang menjalani tempoh *Ketidaklayakan* bagi pelanggaran peraturan anti-doping, sebarang tempoh *Ketidaklayakan* yang baharu hendaklah bermula pada hari pertama selepas tempoh *Ketidaklayakan* semasa berakhir. Jika tidak, kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah, tempoh *Ketidaklayakan* hendaklah bermula dari tarikh keputusan perbicaraan terakhir yang memperuntukkan *Ketidaklayakan* atau, jika perbicaraan tersebut ditangguhkan atau tidak ada perbicaraan, pada tarikh *Ketidaklayakan* diterima atau dikenakan.

10.13.1 Kelewatan Bukan Disebabkan *Atlet* atau *Orang* lain

Jika terdapat kelewatan yang agak lama dalam proses perbicaraan atau aspek-aspek *Kawalan Doping* yang lain, dan *Atlet* atau *Orang* lain tersebut boleh mengesahkan bahawa kelewatan sedemikian bukan disebabkan *Atlet* atau *Orang* lain, BDADC atau Panel Perbicaraan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC, jika dikenakan, boleh memulakan tempoh *Ketidaklayakan* pada tarikh awal bermulanya tarikh pengambilan *Sampel* atau tarikh terakhir terjadinya pelanggaran peraturan anti-doping yang lain. Semua keputusan pertandingan yang diterima dalam tempoh *Ketidaklayakan*, termasuklah *Ketidaklayakan* yang diundur tarikhnya, hendaklah *Dibatalkan*.⁵⁹

10.13.2 Kredit bagi Menjalani *Penggantungan Sementara* atau Tempoh *Ketidaklayakan*

- 10.13.2.1** Jika *Penggantungan Sementara* diakuri oleh *Atlet* atau *Orang* lain, *Atlet* atau *Orang* lain tersebut maka mereka hendaklah menerima kredit bagi tempoh *Penggantungan Sementara* itu terhadap sebarang tempoh *Ketidaklayakan* yang akhirnya boleh dikenakan. Jika *Atlet* atau *Orang* lain tersebut tidak

mengakuri *Penggantungan Sementara*, maka *Atlet* atau *Orang* lain tersebut tidak akan menerima kredit bagi sebarang tempoh *Penggantungan Sementara* yang dijalankan. Jika tempoh *Ketidaklayakan* dijalankan menurut keputusan selepas rayuan, maka *Atlet* atau *Orang* lain tersebut akan menerima kredit bagi tempoh *Ketidaklayakan* itu yang dijalankan terhadap sebarang tempoh *Ketidaklayakan* yang akhirnya boleh dikenakan atas rayuan.

10.13.2.2 Jika *Atlet* atau *Orang* lain secara sukarela menerima *Penggantungan Sementara* secara bertulis daripada BDADC dan selepas itu mengakuri *Penggantungan Sementara* tersebut, maka *Atlet* atau *Orang* lain tersebut hendaklah menerima kredit bagi tempoh *Penggantungan Sementara* sukarela tersebut terhadap sebarang tempoh *Ketidaklayakan* yang akhirnya boleh dikenakan. Salinan penerimaan *Penggantungan Sementara* secara sukarela oleh *Atlet* atau *Orang* lain tersebut hendaklah disediakan seberapa segera untuk setiap pihak yang berhak untuk menerima notis pelanggaran peraturan anti-doping yang ditegaskan di bawah Perkara 14.1.⁶⁰

10.13.2.3 Tidak ada kredit terhadap tempoh *Ketidaklayakan* akan diberikan untuk sebarang tempoh masa sebelum tarikh kuat kuasa *Penggantungan Sementara* atau *Penggantungan Sementara* sukarela tersebut tidak mengira sama ada *Atlet* tersebut dipilih untuk tidak bertanding atau telah digantung oleh pasukan.

10.13.2.4 Dalam *Sukan Berkumpulan*, jika tempoh *Ketidaklayakan* dikenakan ke atas pasukan, melainkan keadilan diperlukan sebaliknya, tempoh *Ketidaklayakan* hendaklah bermula pada tarikh terakhir perbicaraan keputusan yang memperuntukkan *Ketidaklayakan* atau, jika perbicaraan ditangguhkan, pada tarikh *Ketidaklayakan* diterima atau dikenakan sebaliknya. Sebarang tempoh *Penggantungan Sementara* pasukan (sama ada dikenakan atau diterima secara sukarela) hendaklah dikreditkan dengan jumlah tempoh *Ketidaklayakan* yang dijalankan.

10.14 Status Sewaktu *Ketidaklayakan* atau *Penggantungan Sementara*

10.14.1 Larangan Terhadap Penyertaan Sewaktu *Ketidaklayakan* atau *Penggantungan Sementara*

Tidak ada *Atlet* atau *Orang* lain yang telah diisytiharkan *Tidak Layak* atau tertakluk kepada *Penggantungan Sementara* akan, sewaktu tempoh *Ketidaklayakan* atau *Penggantungan Sementara*, menyertai dalam sebarang kapasiti *Pertandingan* atau aktiviti (selain daripada program Pendidikan atau rehabilitasi anti-doping yang dibenarkan) yang dibenarkan atau dianjurkan oleh mana-mana *Penandatangan*, Pertubuhan ahli *Penandatangan*, atau kelab atau Pertubuhan ahli lain bagi Pertubuhan ahli *Penandatangan*, atau dalam *Pertandingan* yang dibenarkan atau dianjurkan oleh sebarang liga profesional atau mana-mana Pertubuhan *Acara* antarabangsa atau peringkat kebangsaan atau sebarang aktiviti kesukanan peringkat elit atau kebangsaan yang dibiayai oleh agensi kerajaan.

Atlet atau *Orang* lain tertakluk kepada tempoh *Ketidaklayakan* lebih dari empat (4) tahun akan, setelah menamatkan tempoh *ketidaklayakan* empat (4) tahun, menyertai sebagai *Atlet* dalam acara sukan tempatan yang tidak disanksi atau dibawah kuasa *Kod Penandatangan* atau ahli *Kod Penandatangan*, tetapi hanya selagi acara sukan tempatan tersebut bukan pada peringkat yang boleh melayakkan *Atlet* atau *Orang* lain tersebut secara langsung atau tidak untuk bertanding dalam (atau mengumpul mata ke arah) kejohanan kebangsaan atau *Acara Antarabangsa*, dan tidak melibatkan *Atlet* atau *Orang* lain tersebut berkerja dalam sebarang kapasiti dengan *Orang yang Dilindungi*.

Atlet atau *Orang* lain tertakluk kepada tempoh *Ketidaklayakan* hendaklah kekal tertakluk kepada *Percubaan* dan sebarang keperluan oleh BDADC untuk memberikan maklumat keberadaan.⁶¹

10.14.2 Kembali ke Latihan

Sebagai kekecualian bagi Perkara 10.14.1, *Atlet* boleh kembali berlatih dengan pasukan atau menggunakan kemudahan kelab atau Pertubuhan ahli BDADC yang lain atau Pertubuhan ahli *Penandatangan* yang lain dalam jangka masa: (1) dua bulan terakhir tempoh *Ketidaklayakan* *Atlet*, atau (2) suku terakhir tempoh *Ketidaklayakan* yang dikenakan.⁶²

10.14.3 Pelanggaran Larangan Penyertaan Sewaktu *Ketidaklayakan* atau *Penggantungan Sementara*

Jika *Atlet* atau *Orang* lain yang telah diisytiharkan *Tidak Layak* melanggar larangan terhadap penyertaan sewaktu *Ketidaklayakan* yang dinyatakan dalam Perkara 10.10.1, keputusan bagi penyertaan sedemikian hendaklah *Dibatalkan* dan tempoh *Ketidaklayakan* yang baharu yang mempunyai jangka masa dengan tempoh *Ketidaklayakan* yang asal hendaklah ditambah pada akhir tempoh *Ketidaklayakan* yang asal. Tempoh *Ketidaklayakan* yang baharu, termasuklah teguran dan tidak ada tempoh *Ketidaklayakan*, boleh disesuaikan berdasarkan tahap *Kesalahan Atlet* atau *Orang* lain dan hal-hal lain bagi kes tersebut. Penentuan sama ada *Atlet* atau *Orang* lain telah melanggar larangan terhadap penyertaan, dan sama ada penyesuaian adalah wajar, hendaklah dibuat oleh *Pertubuhan Anti-Doping* yang *Pengurusan Keputusan* menyebabkan pengenaan tempoh *Ketidaklayakan* yang awal. Keputusan ini boleh dirayu di bawah Perkara 13.

Atlet atau *Orang* lain yang melanggar larangan terhadap penyertaan sewaktu *Penggantungan Sementara* yang dinyatakan dalam Perkara 10.4.1 tidak akan menerima kredit bagi sebarang tempoh *Penggantungan Sementara* yang dijalankan dan keputusan bagi penyertaan tersebut hendaklah *Dibatalkan*.

Jika *Kakitangan Sokongan Atlet* atau *Orang* lain membantu *Orang* yang melanggar larangan terhadap penyertaan sewaktu *Ketidaklayakan* atau *Penggantungan Sementara*, BDADC akan mengenakan sanksi bagi pelanggaran Perkara 2.9 kerana bantuan tersebut.

10.14.4 Penahanan Bantuan Kewangan semasa *Ketidaklayakan*

Sebagai tambahan, bagi pelanggaran sebarang peraturan anti-doping yang tidak melibatkan sanksi yang dikurangkan seperti yang diterangkan dalam Perkara 10.5 atau 10.6, sesetengah atau semua bantuan kewangan yang berkaitan dengan sukan atau faedah lain yang berkaitan dengan sukan yang diterima oleh *Orang* tersebut akan ditahan oleh BDADC, Kerajaan NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan BRUNEI DARUSSALAM, Jawatankuasa Paralimpik Kebangsaan BRUNEI DARUSSALAM dan Persatuan Kebangsaan.

10.15 Pengumuman Sanksi secara Automatik

Bahagian mandatori bagi setiap sanksi hendaklah termasuk pengumuman automatik, seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 14.3.

PERKARA 11 KONSEKUENSI TERHADAP PASUKAN

11.1 Percubaan Sukan Berkumpulan

Jika lebih daripada seorang (1) ahli pasukan dalam *Sukan Berkumpulan* telah dimaklumkan mengenai pelanggaran peraturan anti-doping di bawah Perkara 7 berhubung dengan suatu *Acara*, badan keputusan bagi *Acara* tersebut hendaklah menjalankan *Percubaan Sasaran* yang sesuai terhadap pasukan sewaktu *Tempoh Acara*.

11.2 Konsekuensi bagi Sukan Berkumpulan

Jika lebih daripada dua (2) ahli pasukan dalam *Sukan Berkumpulan* didapati telah melakukan pelanggaran peraturan anti-doping sewaktu *Tempoh Acara*, badan keputusan *Acara* tersebut hendaklah mengenakan sanksi yang bersesuaian kepada pasukan tersebut (sebagai contoh., kehilangan mata, *Pembatalan* dari *Pertandingan* atau *Acara*, atau sanksi lain) sebagai tambahan kepada sebarang *Konsekuensi* yang dikenakan ke atas *Atlet* individu yang melakukan pelanggaran peraturan anti-doping.

11.3 Badan yang Berkuasa bagi Acara boleh Menentukan Konsekuensi yang Lebih Ketat untuk Sukan Berkumpulan

Badan yang berkuasa bagi *Acara* boleh memilih untuk menetapkan peraturan bagi *Acara* yang mengenakan *Konsekuensi* terhadap *Sukan Berkumpulan* lebih ketat daripada yang dinyatakan dalam Perkara 11.2 untuk tujuan *Acara*.⁶³

PERKARA 12 SANKSI OLEH BDADC TERHADAP BADAN SUKAN LAIN

Apabila BDADC menyedari bahawa *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM atau badan sukan lain di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM yang mempunyai autoriti gagal mematuhi, melaksanakan, menegakkan, dan menguatkuasakan Peraturan Anti-Doping ini dalam bidang kompetensi pertubuhan atau badan tersebut, BDADC boleh memilih untuk meminta *Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan* NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, Kerajaan NEGARA BRUNEI DARUSSALAM atau Persekutuan Antarabangsa untuk mengambil tindakan disiplin tambahan yang berikut, atau jika mempunyai autoriti, boleh mengambil sendiri tindakan disiplin tambahan yang berikut:

- 12.1** Mengecualikan semua, atau beberapa kumpulan, ahli pertubuhan atau badan itu daripada *Acara* pada masa hadapan yang ditentukan atau semua *Acara* yang dijalankan dalam jangka masa yang ditentukan.
- 12.2** Mengambil tindakan disiplin tambahan berkenaan dengan pengiktirafan pertubuhan atau badan itu, kelayakan ahli mereka untuk mengambil bahagian dalam aktiviti BDADC, dan/atau mendenda pertubuhan atau badan tersebut berdasarkan perkara yang berikut:
- 12.2.1** Empat (4) atau lebih pelanggaran Peraturan Anti-Doping ini (selain pelanggaran yang melibatkan Perkara 2.4) dilakukan oleh *Athlet* atau *Orang* lain yang bergabung dengan pertubuhan atau badan tersebut dalam tempoh dua belas (12) bulan. Sekiranya itu berlaku: (a) semua atau beberapa kumpulan ahli pertubuhan atau badan tersebut boleh dilarang mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti BDADC untuk tempoh masa sehingga dua (2) tahun dan/atau (b) pertubuhan atau badan tersebut boleh dikenakan denda sehingga \$1000 Dolar AS.
- 12.2.2** Empat (4) atau lebih pelanggaran Peraturan Anti-Doping ini (selain pelanggaran yang melibatkan Perkara 2.4) dilakukan sebagai tambahan kepada pelanggaran yang dijelaskan dalam Perkara 12.2.1 oleh *Athlet* atau *Orang* lain yang bergabung dengan pertubuhan atau badan tersebut semasa tempoh dua belas (12) bulan. Sekiranya itu berlaku, pertubuhan atau badan tersebut boleh digantung selama tempoh sehingga empat (4) tahun.
- 12.2.3** Lebih daripada seorang *Athlet* atau *Orang* lain yang bergabung dengan pertubuhan atau badan tersebut melakukan pelanggaran peraturan anti-doping semasa *Acara Antarabangsa*. Sekiranya itu berlaku, pertubuhan atau badan tersebut boleh dikenakan denda sehingga \$1000 Dolar AS.
- 12.2.4** Pertubuhan atau badan tersebut telah gagal melakukan usaha yang gigih untuk terus memaklumkan BDADC mengenai keberadaan *Athlet* setelah menerima permintaan untuk maklumat tersebut dari BDADC. Sekiranya itu berlaku, pertubuhan atau badan tersebut boleh dikenakan denda sehingga \$1000 Dolar AS bagi setiap *Athlet*, sebagai tambahan kepada pembayaran balik semua kos BDADC yang dikeluarkan untuk *Ujian* pertubuhan atau badan *Athlet* tersebut.

- 12.3** Menahan sebahagian atau keseluruhan pembiayaan atau sokongan kewangan dan bukan kewangan lain kepada pertubuhan atau badan tersebut.
- 12.4** Mewajibkan pertubuhan atau badan tersebut untuk membayar balik BDADC bagi semua kos (termasuk tetapi tidak terhad kepada fi makmal, perbelanjaan perbicaraan, dan perjalanan) yang berkaitan dengan pelanggaran Peraturan Anti-Doping ini yang dilakukan oleh *Atlet* atau *Orang* lain yang bergabung dengan pertubuhan atau badan tersebut.

PERKARA 13 PENGURUSAN KEPUTUSAN: RAYUAN ⁶⁴

13.1 Keputusan Tertakluk kepada Rayuan

Keputusan yang dibuat berdasarkan *Kod* atau Peraturan Anti-Doping ini boleh dirayu sebagaimana dinyatakan di bawah Perkara 13.2 hingga 13.7 atau sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan Anti-Doping ini, *Kod* atau Piawaian Antarabangsa. Keputusan tersebut hendaklah kekal berkuat kuasa semasa rayuan, dibuat kecuali jika badan rayuan menyerahkan sebaliknya.

13.1.1 Skop Semakan Semula Tidak Terhad

Skop semakan semula terhadap rayuan merangkumi semua isu yang berkaitan dengan hal tersebut dan secara jelas tidak terhad kepada isu atau skop semakan semula sebelum keputusan awal dibuat. Mana-mana pihak yang membuat rayuan boleh mengemukakan bukti, hujah undang-undang dan tuntutan yang tidak dikemukakan dalam perbicaraan pertama selagi perkara tersebut timbul daripada punca tindakan yang sama atau fakta umum atau keadaan yang sama yang dibangkitkan atau ditangani dalam perbicaraan pertama.⁶⁵

13.1.2 CAS Tidak Boleh Menyerahkan Penemuan yang Dirayu

Dalam membuat keputusannya, CAS tidak boleh menyerahkan budi bicara yang dilaksanakan oleh badan yang keputusannya dirayu.⁶⁶

13.1.3 WADA Tidak Perlu Membincangkan Remedi Dalaman secara terperinci

Jika *WADA* berhak untuk membuat rayuan di bawah Perkara 13 dan tidak ada pihak lain yang membuat rayuan ke atas keputusan muktamad yang dalam proses BDADC, *WADA* boleh membuat

rayuan ke atas keputusan tersebut secara langsung kepada CAS tanpa membincangkan remedi lain yang dalam proses BDADC secara terperinci.⁶⁷

13.2 Rayuan daripada Keputusan Mengenai Pelanggaran Peraturan Anti-Doping, *Konsekuensi*, *Penggantungan Sementara*, Pelaksanaan Keputusan dan Autoriti

Keputusan bahawa pelanggaran peraturan anti-doping telah dilakukan, keputusan yang mengenakan *Konsekuensi* atau tidak mengenakan *Konsekuensi* untuk pelanggaran peraturan anti-doping, atau keputusan bahawa tidak ada pelanggaran peraturan anti-doping yang dilakukan; keputusan bahawa prosiding pelanggaran peraturan anti-doping tidak dapat diteruskan dengan alasan prosedur (termasuk, misalnya, preskripsi); keputusan WADA untuk tidak memberikan pengecualian kepada keperluan notis enam (6) bulan bagi *Athlet* yang telah bersara untuk kembali ke pertandingan di bawah Perkara 5.6.1; keputusan WADA yang menetapkan *Pengurusan Keputusan* di bawah Perkara 7.1 daripada Kod ini; keputusan BDADC untuk tidak mengemukakan *Penemuan Analitik Buruk* atau *Penemuan Atipikal* sebagai pelanggaran peraturan anti-doping, atau keputusan untuk tidak meneruskan dengan pelanggaran peraturan anti-doping setelah penyiasatan mengikut *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*; keputusan untuk mengenakan atau mengangkat, *Penggantungan Sementara* hasil *Perbincangan Sementara*; Kegagalan BDADC untuk mematuhi Perkara 7.4; keputusan bahawa BDADC tidak mempunyai autoriti untuk memutuskan pelanggaran peraturan anti-doping atau *Konsekuensi*; keputusan untuk menggantung atau tidak menggantung, *Konsekuensi* atau mengenakan semula, atau tidak mengenakan semula, *Konsekuensi* di bawah Perkara 10.7.1; kegagalan mematuhi Perkara 7.1.4 dan 7.1.5 daripada *Kod* ini; kegagalan mematuhi Perkara 10.8.1; keputusan di bawah Perkara 10.14.3; keputusan oleh BDADC untuk tidak melaksanakan keputusan *Pertubuhan Anti-Doping* lain di bawah Perkara 15; dan keputusan di bawah Perkara 27.3 daripada *Kod* ini boleh merayu secara eksklusif sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 13.2 ini.

13.2.1 Rayuan yang Melibatkan *Athlet Antarabangsa* atau *Acara Peringkat Antarabangsa*

Dalam kes yang timbul daripada penyertaan dalam *Acara Antarabangsa* atau dalam kes yang melibatkan *Athlet Peringkat Antarabangsa*, keputusan tersebut boleh dirayu secara eksklusif kepada CAS.⁶⁸

13.2.2 Rayuan yang Melibatkan *Athlet* atau *Orang Lain*

Dalam kes jika Perkara 13.2.1 tidak boleh dikenakan, keputusan boleh dibuat rayuan kepada Panel Rayuan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC. Proses rayuan hendaklah dilakukan mengikut *Piawaian Antarabangsa bagi Pengurusan Keputusan*.

13.2.2.1 Perbicaraan di hadapan Panel Rayuan Anti-Doping

13.2.2.1.1 Panel Rayuan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC hendaklah dianggotai oleh tiga (3) anggota bebas.

13.2.2.1.2 Setiap ahli hendaklah dilantik dengan mempertimbangkan pengalaman anti-doping yang diperlukan, termasuk kepakaran dalam undang-undang, sukan, perubatan dan/atau saintifik ahli.

13.2.2.1.3 Ahli yang dilantik hendaklah *Bebas dari segi Operasi dan Institusi*. Ahli lembaga, staf, suruhanjaya, perunding dan pegawai BDADC atau gabungannya (seperti *Pihak Ketiga yang Diwakilkan*), serta mana-mana *Orang* yang terlibat dalam penyiasatan, prapenghukuman atau *Pengurusan Keputusan*, tidak boleh dilantik oleh BDADC sebagai ahli dan/atau kerani Panel Rayuan Anti-Doping. Khususnya, tidak ada ahli yang sebelumnya mempertimbangkan mana-mana permohonan *TUE*, keputusan *Pengurusan Keputusan*, perbicaraan pertama, atau rayuan dalam kes yang sama.

13.2.2.1.4 Panel Rayuan Anti-Doping hendaklah mempunyai kedudukan yang dapat menjalankan proses perbicaraan dan membuat keputusan tanpa campur tangan daripada BDADC atau mana-mana pihak ketiga.

13.2.2.1.5 Sekiranya ahli yang dilantik enggan atau berhalangan, bagi apapun alasan, mendengar kes itu, dia hendaklah diganti.

13.2.2.1.6 Panel Rayuan Anti-Doping mempunyai kuasa, mengikut budi bicara mutlak, untuk melantik pakar bagi membantu atau memberi nasihat kepada panel tersebut.

13.2.2.1.7 Persekutuan Antarabangsa, *Persekutuan Kebangsaan* yang berkenaan, *Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan*, jika bukan pihak (atau pihak-pihak) dalam prosiding, dan *WADA* masing-masing berhak menghadiri perbicaraan Panel Rayuan Anti-Doping sebagai pemerhati.

13.2.2.1.8 Perbicaraan menurut Perkara ini hendaklah diselesaikan dengan kadar segera. Perbicaraan yang diadakan berkaitan dengan *Acara* boleh dilakukan dengan cepat.

13.2.2.2 Prosiding Panel Rayuan Anti-Doping

13.2.2.2.1 Prosiding Panel Rayuan Anti-Doping hendaklah menghormati prinsip yang dijelaskan dalam Perkara 8, 9, dan 10 daripada *Piawaian Antarabangsa bagi Pengurusan Keputusan*.

13.2.2.2.2 Setelah dilantik sebagai ahli Panel Rayuan Anti-Doping oleh BDADC, setiap ahli mesti menandatangani pengakuan bahawa tidak ada fakta atau keadaan yang diketahui olehnya yang boleh menimbulkan keraguan mereka di mata mana-mana pihak, selain daripada keadaan yang dinyatakan dalam pengakuan tersebut.

13.2.2.2.3 Perayu hendaklah mengemukakan kesnya dan pihak respondennya juga hendaklah mengemukakan kes mereka sebagai jawapan.

13.2.2.2.4 Sekiranya mana-mana pihak atau wakilnya gagal menghadiri perbicaraan setelah pemakluman, perbicaraan masih boleh diteruskan.

13.2.2.2.5 Setiap pihak berhak untuk diwakili oleh peguam dalam perbicaraan dengan perbelanjaan pihak itu sendiri.

13.2.2.2.6 Setiap pihak berhak mendapat jurubahasa semasa perbicaraan dengan perbelanjaan pihak tersebut.

13.2.2.2.7 Setiap pihak dalam prosiding mempunyai hak untuk mengakses dan mengemukakan bukti yang relevan, mengemukakan pengujahan bertulis dan lisan, dan memanggil dan memeriksa saksi.

13.2.2.3 Keputusan Panel Rayuan Anti-Doping

13.2.2.3.1 Pada akhir perbicaraan atau segera selepas itu, Panel Rayuan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC hendaklah mengeluarkan keputusan secara bertulis, bertarikh dan ditandatangani yang mematuhi prinsip-prinsip Perkara 9 *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*.

13.2.2.3.2 Keputusan tersebut mestilah merangkumi alasan penuh bagi keputusan tersebut dan bagi sebarang tempoh *Ketidaklayakan* yang dikenakan, termasuk (jika berkenaan) suatu alasan bagi potensi sanksi maksimum tidak dikenakan.

13.2.2.3.3 BDADC hendaklah memaklumkan keputusan tersebut kepada *Athlet* atau *Orang* lain, kepada *Persekutuan Kebangsaan* dan Pertubuhan Anti-Doping dengan hak untuk membuat rayuan di bawah Perkara 13.2.3, dan hendaklah melaporkannya ke dalam ADAMS dengan segera.

13.2.2.3.4 Keputusan tersebut boleh dirayu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 13.2.3 dan dibuat *Pendedahan Awam* sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 14.3.

13.2.3 Orang Yang Berhak untuk Merayu

13.2.3.1 Rayuan yang *Melibatkan Atlet Peringkat Antarabangsa* atau *Acara Antarabangsa*

Dalam kes di bawah Perkara 13.2.1, pihak-pihak yang berikut berhak untuk mengajukan rayuan kepada CAS: (a) *Athlet* atau *Orang* lain yang menjadi subjek keputusan yang

dirayu; (b) pihak lain dalam kes tersebut yang keputusan itu dibuat; (c) Persekutuan Antarabangsa yang berkenaan; (d) BDADC dan (jika berlainan) *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* negara tempat tinggal Orang tersebut atau negara-negara yang Orang tersebut adalah warganegara atau pemegang lesen; (e) Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa atau Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa, sebagaimana yang berlaku, jika keputusan tersebut dapat memberi kesan berkaitan dengan Sukan Olimpik atau Sukan Paralimpik, termasuk keputusan yang melibatkan ketidaklayakan untuk Sukan Olimpik atau Sukan Paralimpik; dan (f) *WADA*.

13.2.3.2 Rayuan yang Melibatkan *Atlet* atau *Orang* Lain

Dalam kes di bawah Perkara 13.2.2, pihak-pihak yang berikut berhak untuk mengajukan rayuan kepada CAS: (a) *Atlet* atau *Orang* lain yang menjadi subjek keputusan yang dirayu; (b) pihak lain dalam kes tersebut yang keputusan itu dibuat; (c) Persekutuan Antarabangsa yang berkenaan; (d) BDADC dan (jika berlainan) *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* negara tempat tinggal *Orang* tersebut atau negara-negara yang *Orang* tersebut adalah warganegara atau pemegang lesen; (e) Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa atau Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa, sebagaimana yang berlaku, jika keputusan tersebut dapat memberi kesan berkaitan dengan Sukan Olimpik atau Sukan Paralimpik, termasuk keputusan yang melibatkan ketidaklayakan untuk Sukan Olimpik atau Sukan Paralimpik; dan (f) *WADA*.

Untuk kes di bawah Perkara 13.2.2, *WADA*, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa, Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa, dan Persekutuan Antarabangsa yang berkaitan juga berhak untuk membuat rayuan kepada CAS berhubung dengan keputusan Panel Rayuan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC.

Mana-mana pihak yang memfailkan rayuan berhak mendapat bantuan daripada CAS bagi mendapatkan semua maklumat yang berkaitan dari *Pertubuhan Anti-Doping* yang keputusannya sedang dirayu dan maklumat tersebut hendaklah diberikan jika CAS mengarahkannya.

13.2.3.3 Tugas Memaklumkan

Semua pihak yang membuat rayuan CAS mesti memastikan bahawa *WADA* dan semua pihak lain yang mempunyai hak untuk membuat rayuan telah diberi notis mengenai rayuan tersebut tepat pada masanya.

13.2.3.4 Rayuan daripada Pengenaan *Penggantungan Sementara*

Walau apapun sebarang peruntukan lain, satu-satunya *Orang* yang boleh membuat rayuan daripada pengenaan *Penggantungan Sementara* adalah *Athlet* atau *Orang* lain yang dikenakan *Penggantungan Sementara*.

13.2.3.5 Rayuan daripada Keputusan di bawah Perkara 12

Keputusan BDADC menurut Perkara 12 boleh dirayu secara eksklusif kepada CAS, oleh *Persekutuan Kebangsaan* atau badan lain.

13.2.4 Rayuan Silang dan Rayuan Susulan Lain yang Dibolehkan

Rayuan silang dan rayuan seterusnya oleh mana-mana responden yang disebut dalam kes yang dibawa ke CAS di bawah *Kod* adalah dibenarkan secara khusus. Mana-mana pihak yang berhak untuk membuat rayuan di bawah Perkara 13 ini mesti memfailkan rayuan silang atau rayuan susulan selewat-lewatnya dengan jawapan pihak berkenaan.⁶⁹

13.3 Gagal Memberi Keputusan Tepat Masa oleh BDADC

Jika, dalam kes tertentu, BDADC gagal membuat keputusan berkenaan dengan sama ada pelanggaran peraturan anti-doping dilakukan pada tarikh yang munasabah yang ditetapkan oleh *WADA*, *WADA* boleh memilih untuk membuat rayuan secara langsung kepada CAS seolah-olah BDADC telah memberikan keputusan yang mendapati tidak ada pelanggaran peraturan anti-doping. Sekiranya panel perbicaraan CAS menentukan bahawa pelanggaran peraturan anti-doping telah dilakukan dan *WADA* bertindak wajar memilih untuk mengemukakan rayuan secara langsung kepada CAS, maka kos dan fi peguam *WADA* dalam mengadili rayuan tersebut hendaklah dibayar kembali kepada *WADA* oleh BDADC.⁷⁰

13.4 Rayuan Berkaitan dengan *TUE*

Keputusan *TUE* boleh dirayu secara eksklusif sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 4.4.

13.5 Pemakluman Keputusan Rayuan

BDADC hendaklah memberikan keputusan rayuan kepada *Athlet* atau *Orang* lain dengan segera dan kepada *Pertubuhan Anti-Doping* lain yang berhak untuk mengajukan rayuan di bawah Perkara 13.2.3 seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 14.2.

13.6 Masa untuk Memfailkan Rayuan⁷¹

13.6.1 Rayuan kepada CAS

Masa untuk memfailkan rayuan kepada CAS adalah dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan keputusan oleh pihak yang membuat rayuan. Walau apapun perkara di atas, yang berikut hendaklah dikenakan sehubungan dengan rayuan yang difailkan oleh pihak yang berhak untuk membuat rayuan, tetapi bukan merupakan pihak dalam prosiding yang menyebabkan keputusan tersebut dibuat rayuan:

- (a) Dalam tempoh lima belas (15) hari dari notis keputusan, pihak/pihak-pihak tersebut berhak meminta salinan fail kes yang lengkap berkaitan dengan keputusan daripada *Pertubuhan Anti-Doping* yang mempunyai autoriti *Pengurusan Keputusan*;
- (b) Jika permintaan tersebut dibuat dalam tempoh lima belas (15) hari, maka pihak yang membuat permintaan tersebut hendaklah mempunyai tempoh dua puluh satu (21) hari dari penerimaan fail untuk membuat rayuan kepada CAS.

Walaupun yang dinyatakan di atas, tarikh akhir pemfailan bagi suatu rayuan yang difailkan oleh *WADA* hendaklah selewat-lewatnya:

- (a) Dua puluh satu (21) hari selepas hari terakhir bagi mana-mana pihak lain yang mempunyai hak untuk membuat rayuan boleh membuat rayuan, atau
- (b) Dua puluh satu (21) hari selepas *WADA* menerima fail lengkap mengenai keputusan tersebut.

13.6.2 Rayuan di Bawah Perkara 13.2.2

Masa untuk memfailkan suatu rayuan kepada Panel Rayuan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC hendaklah dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan keputusan tersebut oleh pihak yang membuat rayuan. Walau apapun yang dinyatakan di atas, perkara yang berikut hendaklah dikenakan berhubung dengan rayuan yang difailkan oleh suatu pihak yang berhak untuk membuat rayuan, tetapi bukan pihak dalam prosiding yang menyebabkan keputusan tersebut dapat dirayu:

- (a) Dalam masa lima belas (15) hari dari notis keputusan tersebut, pihak/pihak-pihak tersebut berhak untuk meminta salinan fail kes tersebut berkaitan dengan keputusan daripada *Pertubuhan Anti-Doping* yang mempunyai autoriti *Pengurusan Keputusan*;
- (b) Jika permintaan sedemikian dibuat dalam tempoh lima belas (15) hari tersebut, maka pihak yang membuat permintaan tersebut mempunyai hak dua puluh satu (21) hari dari penerimaan fail tersebut untuk memfailkan rayuan kepada Panel Rayuan Anti-Doping yang dilantik oleh BDADC.

Walaupun apa-apa pun yang dinyatakan di atas, tarikh akhir pemfailan rayuan untuk difailkan oleh pihak *WADA* hendaklah selewat-lewatnya:

- (a) Dua puluh satu (21) hari setelah hari terakhir bagi mana-mana pihak yang berhak untuk membuat rayuan, mengajukan rayuan, atau
- (b) Dua puluh satu (21) hari setelah *WADA* menerima fail lengkap yang berkaitan dengan keputusan tersebut.

PERKARA 14 PELAPORAN DAN KERAHASIAAN

14.1 Maklumat Mengenai *Penemuan Analitik Buruk, Penemuan Atipikal, dan Pelanggaran Peraturan Anti-Doping Lain yang Ditegaskan*

14.1.1 Notis Pelanggaran Peraturan Anti-Doping kepada *Athlet dan Orang lain*

Notis kepada *Athlet* atau *Orang lain* mengenai pelanggaran peraturan anti-doping yang ditegaskan kepada mereka hendaklah seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 7 dan 14.

Jika pada masa di antara *Pengurusan Keputusan* sehingga tuduhan pelanggaran peraturan anti-doping, BDADC memutuskan untuk tidak meneruskan sesuatu perkara, ia hendaklah memaklumkan kepada *Atlet* atau *Orang* lain (dengan syarat *Atlet* atau *Orang* lain tersebut sudah dimaklumkan mengenai *Pengurusan Keputusan* yang sedang berlangsung).

14.1.2 Notis Pelanggaran Peraturan Anti-Doping kepada *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan, Persekutuan Antarabangsa dan WADA*

Notis penegasan pelanggaran peraturan anti-doping kepada *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan Atlet* atau *Orang* lain, jika berlainan dari BDADC, Persekutuan Antarabangsa dan WADA hendaklah dilaksanakan seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 7 dan 14, serentak dengan notis kepada *Atlet* atau *Orang* lain tersebut.

Jika pada masa di antara *Pengurusan Keputusan* sehingga tuduhan pelanggaran peraturan anti-doping, BDADC memutuskan untuk tidak meneruskan sesuatu perkara, ia hendaklah memberikan notis (berserta alasan) kepada *Pertubuhan Anti-Doping* dengan hak untuk membuat rayuan di bawah Perkara 13.2.3.

14.1.3 Isi Kandungan Notis Pelanggaran Peraturan Anti-Doping

Pemakluman pelanggaran peraturan anti-doping hendaklah merangkumi: nama *Atlet* atau *Orang* lain, negara, sukan dan disiplin dalam sukan, peringkat pertandingan *Atlet*, sama ada ujian dibuat semasa *Di dalam Pertandingan* atau *Di luar Pertandingan*, tarikh pengambilan *Sampel*, keputusan analitik yang dilaporkan oleh makmal dan maklumat lain seperti yang dikehendaki oleh *Piawaian Antarabangsa bagi Ujian dan Penyiasatan* dan *Piawaian Antarabangsa bagi Pengurusan Keputusan*.

Pemakluman pelanggaran peraturan anti-doping selain daripada yang di bawah Perkara 2.1 hendaklah juga termasuk peraturan yang dilanggar dan asas bagi pelanggaran yang ditegaskan.

14.1.4 Laporan Status

Kecuali yang berkenaan dengan penyiasatan yang belum menyebabkan notis pelanggaran peraturan anti-doping menurut Perkara 14.1.1, *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan Atlet* atau *Orang* lain tersebut, jika berlainan daripada BDADC, Persekutuan Antarabangsa dan WADA

hendaklah sentiasa dimaklumkan mengenai status dan penemuan sebarang semakan semula atau prosiding yang dijalankan menurut Perkara 7, 8 atau 13 dan hendaklah diberikan penjelasan atau keputusan secara bertulis dengan segera yang menjelaskan penyelesaian bagi perkara tersebut.

14.1.5 Kerahsiaan

Pertubuhan penerima tidak boleh mendedahkan maklumat ini melebihi daripada *Orang* yang perlu mengetahui (yang termasuk pegawai yang berkenaan dalam Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan, Persekutuan Kebangsaan, dan pasukan dalam Sukan Berkumpulan) sehingga BDADC telah membuat *Pendedahan Awam* seperti yang dibenarkan dalam Perkara 14.3.

14.1.6 Perlindungan Kerahsiaan Maklumat oleh Pekerja atau Ejen BDADC

BDADC hendaklah memastikan bahawa maklumat mengenai *Penemuan Analitik Buruk, Penemuan Atipikal*, dan pelanggaran peraturan anti-doping lain yang ditegaskan tetap dirahsiakan sehingga maklumat tersebut dibuat *Pendedahan Awam* mengikut Perkara 14.3. BDADC hendaklah memastikan bahawa pekerjaanya (sama ada tetap atau sebaliknya), kontraktor, ejen, perunding, dan *Pihak Ketiga yang Diwakilkan* adalah tertakluk kepada tugas kerahsiaan kontraktual yang boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan prosedur yang boleh dikuatkuasakan sepenuhnya bagi penyiasatan dan tata tertib yang tidak wajar dan/atau pendedahan yang tidak dibenarkan bagi maklumat sulit tersebut.

14.2 Notis Pelanggaran Peraturan Anti-Doping atau pelanggaran *Ketidaklayakan* atau Keputusan *Penggantungan Sementara* dan Permintaan Fail

14.2.1 Keputusan pelanggaran peraturan Anti-Doping atau keputusan yang berkaitan dengan pelanggaran *Ketidaklayakan* atau *Penggantungan Sementara* yang diberikan menurut Perkara 7.6, 8.2, 10.5, 10.6, 10.7, 10.14.3 atau 13.5 hendaklah disertakan alasan penuh bagi keputusan tersebut, termasuk, jika berkaitan, justifikasi bagi alasan sanksi berpotensi maksimum tidak dikenakan. Sekiranya keputusan tidak dibuat dalam bahasa Inggeris atau Perancis, BDADC hendaklah memberikan ringkasan keputusan serta alasan-alasan sokongan tersebut ke dalam bahasa Inggeris atau Perancis.

14.2.2 Pertubuhan Anti-Doping yang berhak untuk mengajukan rayuan ke atas keputusan yang diterima menurut Perkara 14.2.1 boleh, dalam tempoh lima belas (15) hari dari hari

penerimaan, meminta salinan fail kes lengkap yang berkaitan dengan keputusan tersebut.

14.3 Pendedahan Awam

- 14.3.1** Setelah notis diberikan kepada *Atlet* atau *Orang* lain mengikut *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*, dan kepada *Pertubuhan Anti-Doping* yang berkenaan mengikut Perkara 14.1.2, identiti mana-mana *Atlet* atau *Orang* lain yang diberikan notis berpotensi terlibat dalam pelanggaran peraturan anti-doping, *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* dan jenis pelanggaran yang terlibat, dan sama ada *Atlet* atau *Orang* lain tersebut tertakluk kepada *Penggantungan Sementara* yang boleh dibuat *Pendedahan Awam* oleh BDADC.
- 14.3.2** Selewat-lewatnya dua puluh (20) hari setelah ditentukan dalam keputusan rayuan di bawah Perkara 13.2.1 atau 13.2.2, atau rayuan tersebut telah diketepikan, atau perbicaraan mengikut Perkara 8 telah diketepikan, atau penegasan pelanggaran peraturan anti-doping sebaliknya tidak dicabar tepat pada masanya, atau hal tersebut telah diselesaikan di bawah Perkara 10.8, atau tempoh baharu bagi Ketidaklayakan, atau teguran, telah dikenakan di bawah Perkara 10.14.3, BDADC hendaklah membuat *Pendedahan Awam* mengenai disposisi hal anti-doping tersebut termasuk sukan, peraturan anti-doping yang dilanggar, nama *Atlet* atau *Orang* lain yang melakukan pelanggaran, *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* yang terlibat (jika ada) dan Konsekuensi yang dikenakan. BDADC juga mesti membuat *Pendedahan Awam* dalam masa dua puluh (20) hari dari pemutusan keputusan rayuan mengenai pelanggaran peraturan anti-doping, termasuk maklumat yang dijelaskan di atas.⁷²
- 14.3.3** Setelah pelanggaran peraturan anti-doping ditentukan telah dilakukan dalam keputusan rayuan di bawah Perkara 13.2.1 atau 13.2.2 atau rayuan tersebut telah diketepikan, atau dalam perbicaraan mengikut Perkara 8 atau jika perbicaraan tersebut telah diketepikan, atau penegasan pelanggaran peraturan anti-doping sebaliknya tidak dicabar tepat pada masanya, atau hal tersebut telah diselesaikan di bawah Perkara 10.8, BDADC boleh mendedahkan penetapan atau keputusan tersebut dan mengulas mengenai hal tersebut secara terbuka.

- 14.3.4** Dalam sebarang kes yang ditentukan, setelah perbicaraan atau rayuan, bahawa *Atlet* atau *Orang* lain tersebut tidak melakukan pelanggaran peraturan anti-doping, fakta bahawa keputusan itu telah diajukan rayuan boleh dibuat *Pendedahan Awam*. Walau bagaimanapun, keputusan itu sendiri dan fakta-fakta yang mendasarinya tidak boleh dibuat *Pendedahan Awam* kecuali dengan persetujuan *Atlet* atau *Orang* lain yang menjadi subjek keputusan itu. BDADC hendaklah menggunakan usaha yang munasabah untuk mendapatkan persetujuan tersebut, dan jika persetujuan itu sudah diperoleh, keseluruhan keputusan hendaklah dibuat *Pendedahan Awam* atau dalam bentuk yang disusun semula sebagaimana yang telah disetujui oleh *Atlet* atau *Orang* lain tersebut.
- 14.3.5** Penerbitan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya dengan meletakkan maklumat yang diperlukan di laman sesawang BDADC dan membiarkan maklumat tersebut selama lebih daripada satu (1) bulan dari sebarang tempoh *Ketidaklayakan*. Penerbitan tersebut hendaklah dipadam dengan segera selepas tamat tempoh masa yang dinyatakan.
- 14.3.6** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 14.3.1 dan 14.3.3, tiada *Pertubuhan Anti-Doping*, *Persekutuan Kebangsaan* atau makmal yang diiktiraf oleh WADA, atau pegawai mana-mana badan, boleh secara terbuka memberikan pendapat mengenai fakta-fakta tertentu bagi sebarang kes yang belum selesai (sebagaimana bertentangan dengan keterangan umum mengenai proses dan sains) kecuali sebagai tindak balas terhadap komen orang awam yang dikaitkan dengan atau berdasarkan maklumat yang diberikan oleh, *Atlet*, *Orang* lain atau rombongan mereka atau wakil lain.
- 14.3.7** *Pendedahan Awam* mandatori yang dikehendaki dalam Perkara 14.3.2 tidak diperlukan jika *Atlet* atau *Orang* lain yang telah terbukti melakukan pelanggaran peraturan anti-doping adalah *Minor*, *Orang yang Dilindungi* atau *Atlet Rekreasi*. Sebarang *Pendedahan Awam* pilihan dalam kes yang melibatkan *Minor*, *Orang yang Dilindungi* atau *Atlet Rekreasi* hendaklah sebanding dengan fakta dan keadaan kes tersebut.

14.4 Pelaporan Statistik

BDADC hendaklah, sekurang-kurangnya setiap tahun, menerbitkan secara terbuka laporan statistik umum mengenai aktiviti *Kawalan Dopingnya*, dengan memberikan salinan kepada pihak WADA, BDADC juga boleh menerbitkan laporan yang menunjukkan nama setiap *Atlet* yang diuji dan tarikh setiap *Ujian*.

14.5 Pangkalan Data Maklumat *Kawalan Doping* dan Pemantauan Pematuhan

Untuk membolehkan WADA menjalankan peranannya bagi pemantauan kepatuhan dan untuk memastikan penggunaan sumber yang berkesan dan perkongsian maklumat *Kawalan Doping* dalam kalangan *Pertubuhan Anti-Doping*, BDADC hendaklah melaporkan kepada WADA melalui maklumat berkaitan *Kawalan Doping* ADAMS, termasuk, khususnya:

- (a) Data *Pasport Biologi Atlet* bagi *Atlet Peringkat Antarabangsa* dan *Atlet Peringkat Kebangsaan*,
- (b) Maklumat keberadaan bagi *Atlet* termasuk yang tersenarai dalam *Pengumpulan Ujian Berdaftar*,
- (c) Keputusan *TUE*, dan
- (d) Pemutusan Pengurusan Keputusan,

seperti yang dikehendaki di bawah Piawaian Antarabangsa yang berlaku.

14.5.1 Untuk memudahkan perancangan pengedaran ujian yang diselaraskan, elakkan pertindanan yang tidak perlu dalam *Ujian* yang dibuat oleh pelbagai *Pertubuhan Anti-Doping*, dan untuk memastikan bahawa profil *Pasport Biologi Atlet* dikemas kini, BDADC hendaklah melaporkan semua ujian *Di dalam Pertandingan* dan *Di luar Pertandingan* kepada WADA dengan memasukkan borang *Kawalan Doping* ke dalam ADAMS mengikut keperluan dan garis masa yang terkandung dalam *Piawaian Antarabangsa* bagi *Ujian* dan *Penyiasatan*.

14.5.2 Untuk memudahkan pengawasan dan hak rayuan WADA untuk *TUE*, BDADC hendaklah melaporkan semua permohonan, keputusan dan dokumen sokongan *TUE* dengan menggunakan ADAMS mengikut keperluan dan garis masa yang terkandung dalam *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengecualian Penggunaan Terapeutik*.

14.5.3 Untuk memudahkan pengawasan dan hak rayuan WADA bagi *Pengurusan Keputusan*, BDADC hendaklah melaporkan maklumat yang berikut ke dalam ADAMS mengikut keperluan dan garis masa yang digariskan dalam *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*: (a) pemakluman pelanggaran peraturan anti-doping dan keputusan yang berkaitan bagi *Penemuan Analitik Buruk*; (b) pemakluman dan

keputusan yang berkaitan bagi pelanggaran anti-doping lain yang tidak ada *Penemuan Analitik Buruk*; (c) kegagalan keberadaan; dan (d) sebarang keputusan yang mengenakan, mengangkat atau mengenakan semula *Penggantungan Sementara*.

14.5.4 Maklumat yang dijelaskan dalam Perkara ini akan dapat diakses, jika bersesuaian dan mengikut peraturan yang berlaku, kepada *Atlet*, *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* dan *Persekutuan Antarabangsa Atlet*, dan *Pertubuhan Anti-Doping* lain yang mempunyai autoriti untuk *Ujian* bagi *Atlet*.

14.6 Privasi Data

14.6.1 BDADC boleh mengumpulkan, menyimpan, memproses atau mendedahkan maklumat peribadi yang berkaitan dengan *Atlet* dan *Orang* lain jika perlu dan bersesuaian untuk menjalankan Kegiatan Anti-Dopingnya di bawah Kod ini, *Piawaian Antarabangsa* (termasuk secara khususnya *Piawaian Antarabangsa* bagi *Perlindungan Privasi* dan *Maklumat Peribadi*), *Peraturan Anti-Doping* ini, dan mengikut undang-undang yang berlaku.

14.6.2 Tanpa mengehendkan perkara di atas, BDADC hendaklah:

- (a) Hanya memproses maklumat peribadi mengikut landasan undang-undang yang sah;
- (b) Memaklumkan *Peserta* atau *Orang* yang tertakluk kepada *Peraturan Anti-Doping* ini, dengan cara dan bentuk mengikut undang-undang yang berlaku dan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Perlindungan Privasi* dan *Maklumat Peribadi*, bahawa maklumat peribadi mereka boleh diproses oleh BDADC dan *Orang* lain untuk tujuan pelaksanaan *Peraturan Anti-Doping* ini;
- (c) Memastikan bahawa mana-mana ejen pihak ketiga (termasuk mana-mana *Pihak Ketiga yang Diwakilkan*) yang dengannya BDADC berkongsi maklumat peribadi mana-mana *Peserta* atau *Orang* adalah tertakluk kepada kawalan kontraktual dan teknikal yang bersesuaian untuk melindungi kerahsiaan dan privasi maklumat tersebut.

PERKARA 15 PELAKSANAAN KEPUTUSAN

15.1 Kesan Keputusan Penandatanganan Pertubuhan Anti-Doping Mengikat Secara Automatik

15.1.1 Keputusan pelanggaran peraturan anti-doping yang dibuat oleh *Penandatanganan Pertubuhan Anti-Doping*, badan rayuan (Perkara 13.2.2 daripada Kod ini) atau CAS hendaklah, setelah pihak-pihak prosiding dimaklumkan, secara automatik mengikat melebihi pihak-pihak prosiding tersebut dengan BDADC dan mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, serta setiap *Penandatanganan* dalam setiap sukan dengan kesan yang dinyatakan di bawah:

15.1.1.1 Keputusan oleh mana-mana badan yang dijelaskan di atas yang mengenakan *Penggantungan Sementara* (setelah *Perbicaraan Sementara* berlaku atau *Athlet* atau *Orang* lain tersebut sama ada telah menerima *Penggantungan Sementara* atau telah mengetepikan hak untuk *Perbicaraan Sementara*, perbicaraan yang dipercepatkan atau rayuan yang dipercepatkan yang diberikan mengikut Perkara 7.4.3) secara automatik melarang *Athlet* atau *Orang* lain tersebut untuk ikut serta (seperti yang dijelaskan dalam Perkara 10.14.1) dalam semua sukan yang di bawah autoriti mana-mana *Penandatanganan* semasa *Penggantungan Sementara* tersebut.

15.1.1.2 Keputusan oleh mana-mana badan yang dijelaskan di atas yang mengenakan tempoh *Ketidaklayakan* (setelah perbicaraan berlaku atau diketepikan), secara automatik melarang *Athlet* atau *Orang* lain tersebut untuk ikut serta (seperti yang dijelaskan dalam Artikel 10.14.1) dalam semua sukan yang di bawah autoriti mana-mana *Penandatanganan* selama tempoh *Ketidaklayakan*.

15.1.1.3 Keputusan oleh mana-mana badan yang dinyatakan di atas yang menerima pelanggaran peraturan anti-doping, secara automatik mengikat semua *Penandatanganan*.

15.1.1.4 Keputusan oleh mana-mana badan yang dijelaskan di atas untuk *Membatalkan* keputusan berdasarkan Perkara 10.10 bagi tempoh yang tertentu, secara automatik *Membatalkan* semua keputusan yang diperolehi di

bawah autoriti mana-mana *Penandatanganan* selama tempoh tertentu tersebut.

- 15.1.2** BDADC dan mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM hendaklah mengiktiraf dan melaksanakan keputusan dan kesannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Perkara 15.1.1, tanpa tindakan lebih lanjut diperlukan, pada tarikh awal BDADC menerima notis sebenar mengenai keputusan tersebut atau pada tarikh keputusan itu dimasukkan ke dalam *ADAMS*.
- 15.1.3** Keputusan oleh *Pertubuhan Anti-Doping*, badan rayuan atau *CAS* untuk menggantung atau mengangkat, *Konsekuensi* hendaklah mengikat BDADC, dan mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, tanpa tindakan selanjutnya diperlukan, pada tarikh awal BDADC menerima notis sebenar keputusan tersebut atau tarikh keputusan tersebut dimasukkan ke dalam *ADAMS*.
- 15.1.4** Walau apa-apa pun peruntukan dalam Perkara 15.1.1, bagaimanapun, keputusan pelanggaran peraturan anti-doping oleh *Pertubuhan Acara Utama* yang dibuat dalam proses yang dipercepatkan semasa *Acara* berlangsung tidak akan mengikat dengan BDADC atau *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, kecuali peraturan *Pertubuhan Acara Utama* memberi peluang kepada *Atlet* atau *Orang* lain untuk membuat rayuan di bawah prosedur yang tidak dipercepatkan.⁷³

15.2 Pelaksanaan Keputusan Lain oleh Pertubuhan Anti-Doping

BDADC dan mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM boleh memutuskan untuk melaksanakan keputusan anti-doping lain yang diberikan oleh *Pertubuhan Anti-Doping* yang tidak dijelaskan dalam Perkara 15.1.1 di atas, seperti *Penggantungan Sementara* sebelum *Perbicaraan Sementara* atau diterima oleh *Atlet* atau *Orang* lain tersebut.⁷⁴

15.3 Pelaksanaan Keputusan oleh Badan yang bukan Penandatanganan

Keputusan anti-doping oleh badan yang bukan *Penandatanganan* bagi Kod ini hendaklah dilaksanakan oleh BDADC dan mana-mana *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, jika BDADC mendapati bahawa keputusan tersebut dianggap berada di bawah autoriti badan itu dan peraturan anti-doping badan tersebut adalah selaras dengan Kod ini.⁷⁵

PERKARA 16 STATUT PENGEHADAN

Tiada prosiding pelanggaran peraturan anti-doping terhadap *Atlet* atau *Orang* lain boleh dimulakan kecuali mereka telah dimaklumkan tentang pelanggaran aturan anti-doping tersebut seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 7, atau pemakluman telah dilakukan dengan wajar, dalam tempoh sepuluh (10) tahun dari tarikh pelanggaran tersebut ditegaskan telah berlaku.

PERKARA 17 PENDIDIKAN

BDADC hendaklah merancang, melaksanakan, menilai dan mempromosi *Pendidikan* sesuai dengan kehendak Perkara 18.2 daripada *Kod* ini dan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pendidikan*.

PERKARA 18 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN PERSEKUTUAN KEBANGSAAN

- 18.1** Semua *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dan ahlinya hendaklah mematuhi *Kod*, *Piawaian Antarabangsa*, dan *Peraturan Anti-Doping* ini. Semua *Persekutuan Kebangsaan* di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dan ahli lain hendaklah memasukkan dalam dasar mereka, peraturan dan program peruntukan diperlukan untuk mengiktiraf autoriti dan tanggungjawab BDADC, dalam melaksanakan Program *Anti-Doping Kebangsaan* NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dan menguatkuasakan *Peraturan Anti-Doping* ini (termasuk melaksanakan *Ujian*) secara langsung bagi *Atlet* dan *Orang* lain yang di bawah autoriti anti-doping mereka seperti yang dinyatakan dalam pengenalan *Peraturan Anti-Doping* ini (Bahagian "Skop Peraturan Anti-Doping ini").
- 18.2** Setiap *Persekutuan Kebangsaan* NEGARA BRUNEI DARUSSALAM hendaklah menerima dan mematuhi semangat dan istilah Program Anti-Doping Kebangsaan NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dan Peraturan Anti-Doping ini sebagai syarat untuk menerima bantuan kewangan dan/atau bantuan lain daripada Kerajaan NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dan/atau *Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan* NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.⁷⁶
- 18.3** Setiap *Persekutuan Kebangsaan* NEGARA BRUNEI DARUSSALAM hendaklah memasukkan *Peraturan Anti-Doping* ini, sama ada secara langsung atau dengan merujuk kepada dokumen, perlembagaan dan/atau peraturan yang mengawalinya sebagai sebahagian daripada peraturan

sukan yang mengikat ahlinya supaya *Persekutuan Kebangsaan* dapat menguatkuasakannya sendiri secara langsung berkenaan *Atlet* dan *Orang* lain yang di bawah autoriti anti-dopingnya.

18.4 Dengan mengguna pakai Peraturan Anti-Doping ini, dan memasukkannya ke dalam dokumen dan peraturan sukan mereka, *Persekutuan Kebangsaan* hendaklah bekerjasama dan menyokong BDADC dalam fungsi tersebut. Mereka juga hendaklah mengiktiraf, mematuhi dan melaksanakan keputusan yang dibuat menurut *Peraturan Anti-Doping* ini, termasuk keputusan mengenakan sanksi ke atas *Orang* yang di bawah autoriti mereka.

18.5 Semua *Persekutuan Kebangsaan* NEGARA BRUNEI DARUSSALAM hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menguatkuasakan pematuhan terhadap *Kod*, *Piawaian Antarabangsa*, dan *Peraturan Anti-Doping* ini dengan antara lain:

(i) menjalankan *Ujian* hanya di bawah autoriti yang didokumentasikan oleh *Persekutuan Antarabangsa* mereka dan menggunakan BDADC atau autoriti pengumpulan *Sampel* lain untuk mengambil *Sampel* menurut *Piawaian Antarabangsa* bagi *Ujian* dan Penyiasatan;

(ii) mengiktiraf kuasa BDADC mengikut Perkara 5.2.1 *Kod* ini, dan membantu dengan sewajarnya pelaksanaan BDADC bagi program *Ujian* kebangsaan untuk sukan mereka;

(iii) menganalisis semua *Sampel* yang dikumpulkan dimakmal yang diiktiraf oleh *WADA* atau makmal yang diluluskan oleh *WADA* mengikut Perkara 6.1; dan

(iv) memastikan bahawa sebarang kes pelanggaran peraturan anti-doping peringkat kebangsaan yang ditemui oleh *Persekutuan Kebangsaan* akan dihakimkan oleh panel perbicaraan *Bebas Beroperasi* mengikut Perkara 8.1 dan *Piawaian Antarabangsa* untuk *Pengurusan Keputusan*.

18.6 Semua *Persekutuan Kebangsaan* hendaklah menetapkan peraturan yang memerlukan semua *Atlet* yang membuat persediaan untuk menyertai *Pertandingan* atau aktiviti yang dibenarkan atau yang dianjurkan oleh *Persekutuan Kebangsaan* atau salah satu pertubuhan ahlinya dan semua *Kakitangan Sokongan Atlet* yang berkaitan dengan *Atlet* tersebut bersetuju untuk terikat dengan Peraturan Anti-Doping ini dan untuk menyerahkan kepada *Autoriti Pengurusan Keputusan Pertubuhan Anti-Doping* sesuai keakuran terhadap *Kod* sebagai syarat penyertaan tersebut.

- 18.7** Semua *Persekutuan Kebangsaan* hendaklah melaporkan sebarang cadangan maklumat atau yang berkaitan dengan pelanggaran peraturan antidoping kepada BDADC dan kepada *Persekutuan Kebangsaan* mereka dan hendaklah bekerjasama dengan siasatan yang dikendalikan oleh sebarang *Pertubuhan Anti-Doping* yang diberi kuasa untuk mengendalikan siasatan tersebut.
- 18.8** Semua *Persekutuan Kebangsaan* hendaklah mempunyai peraturan disiplin bagi mencegah *Kakitangan Sokongan Atlet Menggunakan Bahan Terlarang atau Kaedah yang Dilarang* tanpa justifikasi yang sah daripada memberi sokongan kepada *Atlet-atlet* di bawah bidang kuasa BDADC atau *Persekutuan Kebangsaan*.
- 18.9** Semua *Persekutuan Kebangsaan* hendaklah mengendalikan *Pendidikan* anti-doping di bawah penyelarasan BDADC.

PERKARA 19 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN BDADC

- 19.1** Sebagai tambahan kepada peraturan dan tanggungjawab yang dinyatakan dalam Perkara 20.5 *Kod* untuk *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* ini, BDADC hendaklah melaporkan kepada *WADA* mengenai pematuhan *Kod* dan *Piawaian Antarabangsa* mengikut Perkara 24.1.2 *Kod* ini.
- 19.2** Tertakluk kepada undang-undang yang dikenakan, dan mengikut Perkara 10.5.10 *Kod* ini, semua ahli Lembaga BDADC, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan *Delegasi Pihak Ketiga* yang dilantik yang terikat dalam sebarang aspek *Kawalan Doping*, mesti menandatangani borang yang disediakan oleh BDADC, bersetuju akan terikat dengan Peraturan Anti-Doping ini sebagai *Orang* yang mematuhi *Kod* bagi salah laku langsung dan dengan niat.
- 19.3** Tertakluk kepada undang-undang yang diguna pakai, dan mengikut Perkara 10.5.11 *Kod* ini, mana-mana pekerja BDADC yang terlibat dalam *Kawalan Doping* (selain daripada *Pendidikan* anti-doping atau Program Pemulihan yang dibenarkan) mestilah menandatangani pernyataan yang disediakan oleh BDADC untuk mengesahkan bahawa mereka tidak *DiGantung Sementara* atau menjalani tempoh *Ketidaklayakan* dan tidak terikat secara langsung atau sengaja dalam kelakuan selama enam (6) tahun yang boleh mengakibatkan pelanggaran peraturan anti-doping jika peraturan Aduan-kod telah dikenakan ke atas mereka.

PERKARA 20 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN ATLET

- 20.1** Mengetahui dan mematuhi Peraturan Anti-Doping ini.
- 20.2** Bersedia bagi pengumpulan *Sampel* pada setiap masa.⁷⁷
- 20.3** Bertanggungjawab, dalam konteks anti-doping, bagi apa-apa yang mereka makan dan Gunakan.
- 20.4** Memaklumkan kakitangan perubatan mengenai kewajipan mereka untuk tidak *Menggunakan Bahan Terlarang* dan *Kaedah yang Dilarang* dan bertanggungjawab dalam memastikan bahawa sebarang rawatan perubatan yang diterima tidak melanggar Peraturan Anti-Doping ini.
- 20.5** Mendedahkan kepada BDADC dan Persekutuan Antarabangsa Atlet tersebut sebarang keputusan penemuan oleh bukan *Penandatanganan* bahawa *Atlet* tersebut telah melakukan pelanggaran peraturan anti-doping dalam tempoh sepuluh (10) tahun sebelumnya.
- 20.6** Bekerjasama dengan *Pertubuhan Anti-Doping* untuk menyiasat pelanggaran peraturan anti-doping.
- 20.7** Mendedahkan identiti *Kakitangan Sokongan Atlet* mereka apabila diminta oleh BDADC atau *Persekutuan Kebangsaan*, atau *Pertubuhan Anti-Doping* lain yang mempunyai kuasa terhadap *Atlet*.

PERKARA 21 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN KAKITANGAN SOKONGAN ATLET

- 21.1** Mengetahui dan mematuhi Peraturan Anti-Doping ini.
- 21.2** Bekerjasama dengan Program *Ujian Atlet*.
- 21.3** Menggunakan pengaruh mereka terhadap nilai dan kelakuan *Atlet* untuk memupuk sikap anti-doping.

- 21.4** Mendedahkan kepada BDADC dan Persekutuan Antarabangsa mereka sebarang keputusan penemuan oleh bukan *Penandatanganan* bahawa mereka telah melakukan pelanggaran peraturan anti-doping dalam tempoh sepuluh (10) tahun sebelumnya.
- 21.5** Bekerjasama dengan *Pertubuhan Anti-Doping* untuk menyasat pelanggaran peraturan anti-doping.
- 21.6** *Kakitangan Sokongan Atlet* hendaklah tidak *Menggunakan* atau *Memiliki* sebarang *Bahan Terlarang* dan *Kaedah yang Dilarang* tanpa justifikasi yang sah.

PERKARA 22 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN ORANG LAIN TERTAKLUK PADA PERATURAN ANTI-DOPING INI

- 22.1** Mengetahui dan mematuhi Peraturan Anti-Doping ini.
- 22.2** Mendedahkan kepada BDADC dan Persekutuan Antarabangsa mereka sebarang keputusan penemuan oleh bukan *Penandatanganan* bahawa mereka telah melakukan pelanggaran peraturan anti-doping dalam tempoh sepuluh (10) tahun sebelumnya.
- 22.3** Bekerjasama dengan *Pertubuhan Anti-Doping* menyasat pelanggaran peraturan anti-doping.
- 22.4** Hendaklah tidak *Menggunakan* atau *Memiliki* sebarang *Bahan Terlarang* dan *Kaedah yang Dilarang* tanpa justifikasi yang sah.

PERKARA 23 TAFSIRAN KOD

- 23.1** Teks rasmi *Kod* ini hendaklah dikekalkan oleh *WADA* dan diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan Perancis. Jika berlaku sebarang perselisihan antara versi Inggeris dan Perancis, versi Inggeris akan diguna pakai.
- 23.2** Ulasan yang menerangkan pelbagai peruntukan *Kod* hendaklah digunakan untuk mentafsirkan *Kod* tersebut.
- 23.3** *Kod* hendaklah ditafsirkan sebagai teks bebas dan berautonomi dan bukan merujuk kepada undang-undang atau statut *Penandatanganan* atau kerajaan yang sedia ada.

- 23.4** Tajuk yang digunakan dalam pelbagai Bahagian dan Perkara *Kod* ini adalah untuk kemudahan sahaja dan tidak boleh dianggap sebahagian daripada kandungan *Kod* atau mempengaruhi sebarang cara bahasa peruntukan yang mereka rujuk.
- 23.5** Bagi istilah “hari’ yang digunakan dalam *Kod* atau *Piawaian Antarabangsa*, ialah hari dalam kalendar melainkan jika ditentukan.
- 23.6** *Kod* hendaklah tidak dikenakan secara retroaktif pada perkara yang belum selesai sebelum tarikh *Kod* diterima oleh *Penandatanganan* dan dilaksanakan peraturannya. Walau bagaimanapun, pelanggaran peraturan *PraKod* anti-doping akan dikira sebagai “Pelanggaran Pertama” atau “Pelanggaran Kedua” bagi tujuan menentukan sanksi di bawah Perkara 10 bagi pelanggaran post-*Kod* seterusnya.
- 23.7** Tujuan, Skop dan Pertubuhan Program Anti-Doping Dunia dan *Kod* dan Lampiran 1, Definisi, dan Lampiran 2, contoh-contoh Pengenaan Perkara 10, akan dianggap sebagai bahagian integral *Kod* ini.

PERKARA 24 PERUNTUKAN AKHIR

- 24.1** Bagi istilah “hari’ yang digunakan dalam *Kod* atau *Piawaian Antarabangsa*, ialah hari dalam kalendar melainkan jika ditentukan.
- 24.2** Peraturan Anti-Doping ini hendaklah ditafsirkan sebagai teks bebas dan berautonomi dan bukannya merujuk kepada undang-undang atau statut yang sedia ada.
- 24.3** Peraturan Anti-Doping ini telah diguna pakai menurut peruntukan *Kod* dan *Piawaian Antarabangsa* yang sesuai dan hendaklah ditafsirkan dengan cara yang selaras dengan peruntukan *Kod* dan *Piawaian Antarabangsa* yang bersesuaian. *Kod* dan *Piawaian Antarabangsa* ini hendaklah dianggap sebagai bahagian integral dari Peraturan Anti-Doping ini dan akan diguna pakai jika terjadi konflik.

- 24.4** Pengenalan dan Lampiran 1 hendaklah dianggap bahagian integral Peraturan Anti-Doping ini.
- 24.5** Ulasan yang menerangkan pelbagai peruntukan Peraturan Anti-Doping ini hendaklah digunakan untuk mentafsirkan Peraturan Anti-Doping ini.
- 24.6** Peraturan Anti-Doping ini hendaklah berkuat kuasa pada 1 Januari 2021 (tarikh ‘berkuat kuasa’). Tarikh ini akan memansuhkan sebarang versi Peraturan Anti-Doping BDADC yang sebelumnya dikuatkuasakan.
- 24.7** Peraturan Anti-Doping ini tidak diguna pakai secara retroaktif terhadap perkara-perkara yang belum selesai sebelum tarikh berkuat kuasa. Walau bagaimanapun:
- 24.7.1** Pelanggaran peraturan Anti-Doping yang berlaku sebelum Tarikh Kuat Kuasa dianggap sebagai “Pelanggaran Pertama” atau “Pelanggaran Kedua” bagi tujuan menentukan sanksi di bawah Perkara 10 bagi pelanggaran yang berlaku selepas Tarikh Kuat Kuasa.
- 24.7.2** Sebarang kes pelanggaran peraturan anti-doping yang belum selesai pada Tarikh Kuat Kuasa dan sebarang kes pelanggaran peraturan anti-doping yang dihadapi selepas Tarikh Kuat Kuasa berdasarkan pada pelanggaran anti-doping yang berlaku sebelum Tarikh Berkuat Kuasa hendaklah dikawal oleh peraturan anti-doping substantive yang berlaku pada saat tuduhan pelanggaran peraturan anti-doping berlaku, dan bukan dengan peraturan anti-doping substantive yang ditetapkan dalam Peraturan Anti-Doping ini, melainkan panel perbicaraan kes tersebut menentukan prinsip “*lex mitior*” yang sesuai dikenakan dalam keadaan kes sebagai tujuan pelanggaran berulang kali di bawah Perkara 10.9.4 dan had statut yang ditetapkan dalam Perkara 16 adalah peraturan prosedur, bukannya peraturan substantive, dan hendaklah dikenakan secara retroaktif bersama dengan semua peraturan prosedur lain dalam Peraturan Anti-Doping ini (dengan syarat, walau bagaimanapun, Perkara 16 hanya akan dikenakan secara retroaktif jika tempoh had statut mencecah Tarikh Kuat Kuasa).
- 24.7.3** Sebarang Perkara 24 yang gagal (sama ada gagal memfailkan atau terlepas ujian, istilah tersebut ditakrifkan dalam *Piawaian Antarabangsa bagi Pengurusan Keputusan*) sebelum Tarikh Kuat Kuasa hendaklah layak dihadapkan ke hadapan dan boleh dipercayai, sebelum mansuh, mengikut *Piawaian Antarabangsa bagi Pengurusan*

Keputusan, tetapi akan dianggap mansuh selepas dua belas (12) bulan daripada berlayaknya perkara tersebut.

- 24.7.4** Berkenaan dengan kes-kes mengenai penemuan keputusan muktamad pelanggaran peraturan anti-doping yang telah diberikan sebelum Tarikh Kuat Kuasa, tetapi *Atlet* atau *Orang* tersebut masih menjalani tempoh *Ketidaklayakan* pada Tarikh Kuat Kuasa, *Atlet* atau *Orang* lain itu boleh memohon ke BDADC atau *Pertubuhan Anti-Doping* lain yang mempunyai tanggungjawab *Pengurusan Keputusan* bagi pelanggaran peraturan anti-doping untuk mempertimbangkan pengurangan tempoh *Ketidaklayakan* bagi meringankan Peraturan Anti-Doping ini. Permohonan sedemikian mesti dibuat sebelum tempoh *Ketidaklayakan* mansuh. Keputusan yang diberikan bolehlah dirayu menurut Perkara 13.2. Peraturan Anti-Doping ini tidak dikenakan terhadap sebarang kes jika penemuan keputusan muktamad pelanggaran peraturan anti-doping yang telah diberikan dan tempoh *Ketidaklayakan* telah mansuh.
- 24.7.5** Bagi tujuan menilai tempoh *Ketidaklayakan* bagi pelanggaran kedua di bawah Perkara 10.9.1, jika sanksi bagi pelanggaran pertama ditentukan berdasarkan peraturan yang dikenakan sebelum Tarikh Kuat Kuasa, tempoh *Ketidaklayakan* yang telah dinilai bagi pelanggaran pertama jika penganan Peraturan Anti-Doping ini berlaku, hendaklah dikenakan.⁷⁸
- 24.7.6** Perubahan kepada *Senarai yang Dilarang* dan *Dokumen Teknikal* berkaitan bahan atau kaedah dalam *Senarai yang Dilarang* tidak akan, melainkan jika ia diberikan sebaliknya, maka akan dikenakan secara retroaktif. Sebagai pengecualian, jika *Bahan Terlarang* atau Kaedah yang Dilarang telah dikeluarkan daripada *Senarai yang Dilarang*, *Atlet* atau *Orang* lain yang sedang menjalani tempoh *Ketidaklayakan* bagi *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* sebelum ini boleh memohon kepada BDADC atau *Pertubuhan Anti-Doping* lain yang bertanggungjawab terhadap *Pengurusan Keputusan* bagi pelanggaran peraturan anti-doping untuk mempertimbangkan pengurangan tempoh *Ketidaklayakan* dalam meringankan penyingkiran bahan atau kaedah daripada *Senarai yang Dilarang*.

LAMPIRAN 1 TAKRIF ⁷⁹

ADAMS (Anti-Doping Administration and Management System): Sistem Pengurusan dan Pentadbiran Anti-Doping adalah alat pengurusan pengkalan data berasaskan Sesawang untuk entri data, storan, perkongsian, dan pelaporan yang dilantik untuk membantu pihak berkepentingan dan WADA dalam operasi anti-doping mereka bersempena dengan perundangan perlindungan data.

Pemberian: Menyediakan, membekalkan, menyelia, memudahkan, atau terlibat dalam *Penggunaan* atau *Percubaan Penggunaan Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* oleh Orang lain. Walau bagaimanapun, definisi ini tidaklah termasuk tindakan bona fide kakitangan perubatan yang menggunakan *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* yang Digunakan bagi tujuan terapeutik sebenar dan sah atau justifikasi lain yang boleh terima dan tidak termasuk tindakan yang menggunakan *Bahan Terlarang* yang tidak dilarang dalam *Ujian Luar Pertandingan* melainkan dalam keadaan secara keseluruhan menunjukkan bahawa Bahan

Terlarang sedemikian tidak dimaksudkan untuk tujuan tetapi yang sebenar dan sah atau bertujuan untuk meningkatkan prestasi kesukanan.

Penemuan Analitik Buruk: Laporan daripada makmal beriktiraf WADA atau makmal yang diluluskan oleh WADA lain yang selaras dengan *Piawaian Antarabangsa* untuk makmal, yang menyatakan terdapat kehadiran *Bahan Terlarang* atau *Metabolit* atau bukti *Penggunaan Kaedah yang Dilarang* dalam *Sampel*.

Penemuan Pasport Pembalikan: Laporan yang dikenal pasti sebagai *Penemuan Pasport Pembalikan* seperti yang diterangkan dalam *Piawaian Antarabangsa* yang dikenakan.

Keadaan Buruk: Keadaan yang melibatkan, atau tindakan, seorang *Atlet* atau *Orang* lain yang boleh dijadikan sebagai dasar pengenaan tempoh *Ketidaklayakan* yang lebih panjang daripada sanksi standard. Keadaan dan tindakan sedemikian termasuk, tetapi tidak terhad kepada: *Atlet* atau *Orang* lain yang terlibat dalam penggunaan atau *Pemilikan Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang*. *Penggunaan* atau *Pemilikan Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* di beberapa acara atau telah melakukan beberapa pelanggaran berulang kali peraturan anti-doping lain; individu yang normal mungkin akan merasa kesan peningkatan prestasi daripada pelanggaran peraturan anti-doping melebihi tempoh *Ketidaklayakan* yang dikenakan; *Atlet* atau *Orang* yang terlibat dalam kelakuan menipu atau menghalang untuk mengelakkan pengesanan atau penghukuman pelanggaran peraturan anti-doping; atau *Atlet* atau *Orang* yang terlibat dalam mengubah semasa *Pengurusan Keputusan*. Untuk mengelakkan keraguan, seperti keadaan dan kelakuan yang diterangkan di dalam ini adalah tidak eksklusif dan keadaan atau kelakuan serupa yang lain juga boleh dijadikan sebagai dasar *Ketidaklayakan* yang lebih panjang.

Aktiviti Anti-Doping: Maklumat dan *Pendidikan* Anti-Doping, perancangan pengagihan ujian, penyelenggaraan *Pengumpulan Ujian Berdaftar*, mengurus *Pasport Biologi Atlet*, mengendalikan *Ujian*, mengurus analisis *Sampel*, mengumpulkan risikan dan menjalankan penyiasatan, memproses permohonan *TUE*, *Pengurusan Keputusan*, memantau dan menguatkuasakan pematuhan sebarang *Konsekuensi* yang dikenakan, dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan anti-doping yang akan dijalankan oleh atau wakil *Pertubuhan Anti-Doping*, seperti yang dinyatakan dalam *Kod* dan/atau *Piawaian Antarabangsa*.

Pertubuhan Anti-Doping: WADA atau Penandatanganan yang bertanggungjawab untuk menyesuaikan peraturan bagi memulakan, mengimplementasikan atau menguatkuasakan sebarang bahagian proses Kawalan Doping. Ini termasuk, sebagai contoh, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa, Jawatankuasa Pralimpik Antarabangsa, Pertubuhan AcaraUtamayang mengendalikan *Ujian di Acara* mereka, Persekutuan Antarabangsa, dan *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan*.

Atlet: Mana-mana Orang yang bertanding dalam sukan di peringkat antarabangsa (seperti yang ditentukan oleh *Persekutuan Antarabangsa*) atau peringkat kebangsaan (seperti yang ditentukan oleh setiap *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan*). *Pertubuhan Anti-Doping* atas pertimbangan boleh mengenakan peraturan anti-doping ke atas *Atlet* yang bukan *Atlet Peringkat Antarabangsa* atau *Atlet Peringkat Kebangsaan*, dan menjadikan mereka tergolong dalam definisi “*Atlet*”. Berkaitan dengan *Atlet* yang bukan *Atlet Peringkat Antarabangsa* atau *Atlet Peringkat Antarabangsa Pertubuhan Anti-Doping* boleh memilih untuk; menjalankan *Ujian* terhad atau tiada *Ujian* sama sekali; menganalisis *Sampel* yang kurang daripada menu penuh *Bahan Terlarang*, memerlukan maklumat keberadaan yang terhad atau tidak; atau tidak memerlukan *TUE* pendahuluan. Walau bagaimanapun, jika pelanggaran peraturan anti-doping Perkara 2.1, 2.3 atau 2.5 dilakukan oleh mana-mana *Atlet* yang telah dipilih oleh *Pertubuhan Anti-Doping* untuk menjalankan kuasanya untuk ujian dan bertanding di bawah peringkat kebangsaan atau antarabangsa, maka *Konsekuensi* yang ditetapkan dalam *Kod* ini hendaklah dikenakan. Bagi tujuan Perkara 2.8 dan Perkara 2.9 dan bagi tujuan *Pendidikan* dan maklumat anti-doping, mana-mana *Orang* yang bertanding dalam sukan di bawah kuasa mana-mana *Penandatanganan*, kerajaan, atau pertubuhan sukan lain hendaklah menerima *Kod* ini sebagai seorang *Atlet*.⁸⁰

Pasport Biologi Atlet: Program dan kaedah mengumpul dan menyusun data seperti yang diterangkan dalam *Piawaian Antarabangsa* untuk *Ujian* dan penyiasatan dan *Piawaian Antarabangsa untuk Makmal*.

Kakitangan Sokongan Atlet: Mana-mana Jurulatih, pelatih, pengurus, ejen, staf pasukan, pegawai, perubatan, kakitangan paramedik, ibu bapa atau mana-mana *Orang* lain bekerja dengan, merawat atau membantu *Atlet* yang menyertai dalam atau bersedia untuk *Pertandingan* sukan.

Percubaan: Dengan sengaja melakukan tingkah laku yang merupakan langkah penting dalam tindakan yang dirancang sehingga berlakunya pelanggaran peraturan anti-doping. Dengan syarat, bagaimanapun, tidak akan ada pelanggaran peraturan anti-doping yang berdasarkan ada percubaan untuk melakukan pelanggaran jika *Orang* tersebut melepaskan *Percubaan* sebelum ditemui oleh pihak ketiga yang tidak terlibat dalam *Percubaan*.

Penemuan Atipikal: Laporan daripada makmal yang diiktiraf oleh *WADA* atau makmal yang diluluskan oleh *WADA* yang menghendaki penyiasatan lanjut seperti yang diperuntukkan dalam *Piawaian Antarabangsa* untuk makmal atau *Dokumen Teknikal* yang berkaitan sebelum ditentukan oleh *Penemuan Analitik Buruk*.

Penemuan Pasport Atipikal: Laporan yang dinyatakan sebagai *Penemuan Pasport Atipikal* seperti yang diterangkan dalam *Piawaian Antarabangsa* yang dikenakan.

CAS: Mahkamah Timbang Tara untuk Sukan.

Kod: Kod Anti-Doping Dunia.

Pertandingan: Perlumbaan, pertandingan, permainan atau peraduan sukan yang tunggal. Sebagai contoh, permainan bola keranjang atau peringkat akhir larian 100 meter Olimpik dalam olahraga. Bagi perlumbaan berperingkat dan peraduan sukan lain yang diberi hadiah setiap hari atau interim lain perbezaan antara *Pertandingan* dan *Acara* seperti yang diperuntukkan dalam peraturan Persekutuan Antarabangsa yang dikenakan.

Konsekuensi dari Pelanggaran Peraturan Anti-Doping: Pelanggaran peraturan anti-doping *Atlet* atau *Orang* lain boleh mengakibatkan satu atau lebih daripada yang berikut: (a) Pembatalan bermakna keputusan termasuk *Atlet* dalam satu *Pertandingan* adalah tidak sah, semua *Konsekuensi* keputusan termasuk pelucutan sebarang pingat, mata dan hadiah; (b) Ketidaklayakan bermakna *Atlet* atau *Orang* lain disekat kerana pelanggaran peraturan anti-doping dalam tempoh masa yang ditentukan daripada menyertai sebarang *Pertandingan* atau aktiviti lain atau pembiayaan seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 10.14; (c) Penggantungan Sementara bermakna *Atlet* atau *Orang* lain disekat sementara daripada menyertai sebarang *Pertandingan* atau aktiviti sebelum keputusan muktamad perbicaraan didengarkan yang dijalankan di bawah Perkara 8; (d) Konsekuensi Kewangan bermakna sanksi kewangan yang dikenakan bagi pelanggaran peraturan anti-doping atau untuk mendapatkan semula kos berkaitan dengan pelanggaran peraturan anti-doping; dan (e) Pendedahan Awam bermakna penyebaran atau pemberitahuan maklumat kepada awam atau *Orang* selain orang yang berhak diberi pemberitahuan awal mengikut Perkara 14. Pasukan dalam *Sukan Berkumpulan* juga tertakluk kepada *Konsekuensi* seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 11.

Produk Tercemar: Produk yang mengandungi *Bahan Terlarang* yang tidak didedahkan pada label produk atau maklumat yang ada dalam carian internet yang munasabah.

Had Keputusan: Nilai keputusan bagi bahan ambang dalam *Sampel*, dan *Penemuan Analitik Buruk* hendaklah dilaporkan, seperti yang ditakrifkan dalam *Piawaian Antarabangsa* untuk Makmal.

Pihak Ketiga yang Diwakilkan: Mana-mana *Orang* yang diwakilkan oleh BDADC bagi sebarang aspek *Kawalan Doping* atau program *Pendidikan* anti-doping termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pihak ketiga atau *Pertubuhan Anti-Doping* yang lain yang mengendalikan pengumpulan *Sampel* atau perkhidmatan *Kawalan Doping* yang lain atau program *Pendidikan* anti-doping untuk BDADC, atau individu yang

berkhidmat sebagai kontraktor bebas yang melaksanakan perkhidmatan *Kawalan Doping* untuk BDADC (contoh, *Kawalan Doping* pegawai atau pendamping, bukan pekerja). Takrif ini tidak termasuk CAS.

Pembatalan: Lihat *Konsekuensi Pelanggaran Peraturan Anti-Doping* di atas.

Kawalan Doping: Semua langkah dan proses daripada rancangan pembahagian ujian hingga ke penghakiman terakhir sebarang rayuan dan penguatkuasaan *Konsekuensi*, termasuk semua langkah dan proses, termasuk tetapi tidak terhad kepada, *Ujian*, penyiasatan, keberadaan, *TUE*, pengumpulan dan pengendalian *Sampel*, analisis makmal, *Pengurusan Keputusan*, perbicaraan dan rayuan, dan penyiasatan atau prosiding berkaitan dengan pelanggaran Perkara 10.14 (Semasa status *Ketidaklayakan* atau *Penggantungan Sementara*).

Pendidikan: Proses pembelajaran untuk menanam nilai dan memupuk tingkah laku bagi melindungi semangat kesukanan, dan untuk mencegah doping secara sengaja dan yang tidak disengajakan.

Acara: Satu sisi *Pertandingan* individu yang dijalankan bersama di bawah satu badan pentadbir (contoh, Sukan Olimpik, Kejuaaran Dunia Persekutuan Antarabangsa, atau Permainan Pan Amerika).

Tempoh Acara: Tempoh masa dari mula hingga tamat suatu *Acara*, seperti yang ditetapkan oleh badan pentadbir *Acara*.

Tempat Acara: Tempat-tempat ditetapkan oleh badan berkuasa *Acara* itu.

Kesalahan: *Kesalahan* adalah sebarang pelanggaran tugas atau kekurangan penjagaan yang sesuai dengan keadaan tertentu. Fakta yang perlu diambil kira untuk menilai tahap kesalahan *Atlet* atau *Orang* lain termasuk, sebagai contoh, pengalaman *Atlet* atau *Orang* lain, sama ada *Atlet* atau *Orang* lain itu *orang yang dilindungi*, pertimbangan khas seperti kemerosotan, tahap risiko yang sepatutnya dialami oleh *Atlet* dan tahap penjagaan dan penyiasatan yang dijalankan kepada *Atlet* berhubung dengan apa yang sepatutnya dialami pada tahap risiko. Dalam menilai tahap kesalahan *Atlet* atau *Orang* lain, situasinya mestilah spesifik dan relevan bagi menerangkan punca *Atlet* atau *Orang* lain tersebut terkeluar daripada piawaian kelakuan yang diharapkan. Dengan demikian, sebagai contoh, hakikatnya bahawa *Atlet* akan kehilangan peluang untuk memperoleh sejumlah wang yang besar dalam tempoh *Ketidaklayakan*, atau hanya mempunyai masa yang singkat dalam kerjayanya, atau masa takwim sukan, tidak akan menjadi faktor yang relevan untuk dipertimbangkan dalam pengurangan tempoh *Ketidaklayakan* di bawah Perkara 10.6.1 atau 10.6.2.⁸¹

Konsekuensi Kewangan: Lihat *Konsekuensi Pelanggaran Peraturan Anti-Doping* di atas.

Di dalam Pertandingan: Tempoh bermula dari 11.59 p.m. pada hari sebelum *Pertandingan* yang *Atlet* dijadualkan untuk bertanding hingga akhir *Pertandingan* dan proses pengumpulan *Sampel* yang berkaitan dengan *Pertandingan* tersebut. Dengan syarat, walau bagaimanapun, *WADA* boleh meluluskan, bagi sukan tertentu, takrif alternatif jika Persekutuan Antarabangsa memberi perwajaran yang menyokong takrif lain yang berguna untuk sukannya; setelah diluluskan oleh *WADA*, takrif alternatif hendaklah diikuti oleh *Pertubuhan AcaraUtama* bagi sukan tersebut.⁸²

Program Pemerhati Bebas: Pasukan pemerhati dan/atau juruaudit, di bawah penyeliaan *WADA*, yang memerhati dan memberi bimbingan pada proses *Kawalan Doping* sebelum atau semasa *Acara* tertentu dan laporan pemerhatian mereka sebagai sebahagian daripada program pemantauan pematuhan *WADA*.

Sukan Individu: Sebarang sukan yang bukan *Sukan Berkumpulan*.

Ketidaklayakan: Lihat *Konsekuensi Pelanggaran Peraturan Anti-Doping* di atas.

Kebebasan Institusi: Panel Perbicaraan rayuan hendaklah berinstitusi bebas sepenuhnya daripada *Pertubuhan Anti-Doping* yang bertanggungjawab bagi *Pengurusan Keputusan*. Oleh itu, mereka mestilah tidak boleh dengan cara apa-apa-pun ditadbir oleh, dikaitkan atau tertakluk kepada tanggungjawab *Pertubuhan Anti-Doping* bagi *Pengurusan Keputusan*.

Acara Antarabangsa: Suatu *Acara* atau *Pertandingan* yang Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa, Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa, *Pertubuhan Antarabangsa*, *Pertubuhan Acara Utama*, atau pertubuhan sukan antarabangsa yang lain adalah badan pemerintah bagi *Acara* atau melantik pegawai teknik yang dilantik bagi *Acara* tersebut.

Atlet Peringkat Antarabangsa: Atlet yang bertanding dalam sukan di peringkat antarabangsa, seperti yang ditakrifkan oleh setiap Persekutuan Antarabangsa, selaras dengan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Ujian* dan *Penyiasatan*.⁸³

Piawaian Antarabangsa: Satu *Piawaian* yang diterima pakai oleh *WADA* dalam menyokong *Kod* ini. Pematuhan terhadap *Piawaian Antarabangsa* (berbanding dengan piawaian, amalan atau prosedur alternatif lain) hendaklah mencukupi bagi mengakhiri prosedur yang dikemukakan oleh *Piawaian Antarabangsa* yang dilakukan dengan betul. *Piawaian Antarabangsa* termasuk sebarang *Dokumen Teknikal* yang dikeluarkan menurut *Piawaian Antarabangsa*.

Pertubuhan Acara Utama: Persatuan Benua *Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan* dan pertubuhan pelbagai sukan antarabangsa lain yang berfungsi sebagai badan pemerintah bagi mana-mana *Acara Antarabangsa*, benua atau serantau yang lain.

Penanda: Kompaun, kumpulan kompaun atau biologi yang boleh berubah yang menunjukkan *Penggunaan Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang*.

Metabolit: Sebarang bahan yang dihasilkan oleh proses biotransformasi.

Tahap Pelaporan Minimum: Anggaran kepekatan *Bahan Terlarang* atau *Metabolit* atau Penanda dalam *Sampel* mengikut penanda makmal yang diiktiraf oleh WADA hendaklah tidak boleh melaporkan Sampel itu sebagai *Penemuan Analitik Buruk*.

Di Bawah Umur: Orang biasa yang belum mencapai usia lapan belas (18) tahun.

Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan: Entiti yang dilantik oleh setiap negara sebagai memiliki autoriti utama dan bertanggungjawab untuk menerima pakai dan melaksanakan peraturan anti-doping, memberi arahan untuk pengambilan *Sampel*, pengurusan keputusan ujian, dan mengendalikan perbicaraan peringkat kebangsaan. Jika pelantikan ini belum dibuat oleh autoriti awam yang kompeten, maka entiti tersebut hendaklah *Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan* negara berkenaan atau orang yang dilantik. Di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* adalah BDADC.

Acara Kebangsaan: Acara atau Pertandingan sukan yang melibatkan penyertaan *Atlet Peringkat Kebangsaan* atau *Antarabangsa* selagi ia bukan *Acara Antarabangsa*.

Persekutuan Kebangsaan: Entiti kebangsaan atau serantau di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM yang ahli atau diiktiraf oleh Persekutuan Antarabangsa sebagai entiti pemerintah sukan Persekutuan Antarabangsa dalam negeri atau setantau di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Atlet Peringkat Kebangsaan: *Atlet* yang betanding dalam sukan di peringkat kebangsaan, seperti yang ditakrifkan oleh setiap *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan*, selaras dengan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Ujian* dan *Penyiasatan*. Di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, *Atlet Peringkat Kebangsaan* ditakrifkan seperti yang dinyatakan dalam bahagian Pengenalan *Peraturan Anti-Doping* ini. (seksyen “Skop Peraturan Anti-Doping ini”).

Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan: Pertubuhan yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa. Istilah *Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan* hendaklah termasuk Gabungan Sukan Kebangsaan di negara-negara tertentu yang menyandang tanggungjawab tipikal *Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan* dalam bidang anti-doping. Di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, *Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan* adalah nama bagi *Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan*.

Tiada Kesalahan atau Kecuaian: *Atlet* atau *Orang* lain membuktikan bahawa dia tidak mengetahui atau mengesyaki, dan tidak mengetahui atau mengesyaki secara munasabah walaupun dengan berwaspada, yang dia atau mereka menggunakan atau telah diberi oleh *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* atau sebaliknya telah melanggar peraturan anti-doping. Melainkan dalam kes *Orang yang diLindungi* atau *Atlet rekreasi*, bagi sebarang pelanggaran Perkara 2.1, *Atlet* juga mesti membuktikan punca *Bahan Terlarang* tersebut memasuki badan *Atlet*.

Tiada Kesalahan Nyata atau Kecuaian: *Atlet* atau *Orang* lain membuktikan bahawa sebarang *kesalahan* atau *Kecuaian*, apabila dilihat pada keseluruhan keadaan dan mempertimbangkan kriteria *Tiada kesalahan* atau *Kecuaian*, itu tidak nyata dalam hubungannya dengan pelanggaran peraturan anti-doping. Kecuali dalam kes *Orang yang diLindungi* atau *Atlet Rekreasi*, bagi sebarang pelanggaran Perkara 2.1, *Atlet* juga mesti membuktikan punca *Bahan Terlarang* tersebut memasuki badan *Atlet*.

Kebebasan Operasi: Ini adalah (1) ahli lembaga, ahli staf, ahli komisen, perunding dan pegawai *Pertubuhan Anti-Doping* yang bertanggungjawab terhadap *Pengurusan Keputusan* atau gabungannya (contoh, ahli persekutuan atau gabungan) serta mana-mana orang yang terlibat dalam penyiasatan dan prahukuman perkara tersebut tidak boleh dilantik sebagai ahli dan/atau kerani (setakat kerani tersebut terlibat dalam proses perbincangan dan/atau mendraf sebarang keputusan) panel perbicaraan *Pertubuhan Anti-Doping* yang bertanggungjawab terhadap *Pengurusan Keputusan* dan (2) panel perbicaraan akan berada dalam posisi untuk mengendalikan perbicaraan dan proses membuat keputusan tanpa campur tangan daripada *Pertubuhan Anti-Doping* atau mana-mana pihak ketiga. Objektifnya adalah untuk memastikan yang ahli-ahli panel perbicaraan atau individu yang terlibat dalam keputusan panel perbicaraan, adalah tidak terlibat dalam penyiasatan, atau keputusan untuk meneruskan kes.

Di luar Pertandingan: Sebarang tempoh yang bukan *Di dalam Pertandingan*.

Peserta: Mana-mana *Atlet* atau *Kakitangan Sokongan Atlet*.

Orang: *Orang* atau sebuah pertubuhan atau entiti lain.

Pemilikan: *Pemilikan* fizikal sebenar, atau *Pemilikan* konstruktif (yang hanya boleh didapati jika *Orang* itu mempunyai kawalan eksklusif atau bertujuan untuk mempunyai kawalan ke atas *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* atau premis yang ada *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang*); dengan syarat, walau bagaimanapun, jika *Orang* itu tidak mempunyai kawalan eksklusif ke atas *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* atau premis yang ada *Bahan Terlarang* atau *Kaedah Dilarang*. *Pemilikan* konstruktif hanya akan didapati jika *Orang* itu tahu tentang kehadiran *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* dan bertujuan untuk mempunyai kawalan ke atasnya. Dengan syarat, walau bagaimanapun, tidak ada pelanggaran peraturan anti-doping berdasarkan semata-mata pada *Pemilikan* jika, sebelum ini telah menerima sebarang jenis makluman yang mengatakan bahawa *Orang* tersebut telah melakukan pelanggaran peraturan anti-doping, *Orang* tersebut telah mengambil tindakan kukuh menunjukkan bahawa yang *Orang* tersebut tidak pernah mempunyai *Pemilikan* dan telah melepaskan *Pemilikan* dengan menyatakan secara eksplisit kepada *Pertubuhan Anti-Doping*. Walau apa-apa pun yang bertentangan dalam takrif ini, pembelian (termasuk secara elektronik atau dengan cara lain) *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* merupakan Kepemilikan oleh *Orang* yang membuat pembelian.⁸⁴

Senarai yang Dilarang: Senarai yang mengenal pasti *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang*.

Kaedah yang Dilarang: Mana-mana kaedah seperti yang diterangkan dalam *Senarai yang Dilarang*.

Bahan Terlarang: Sebarang bahan, atau kelas bahan-bahan, seperti yang diterangkan dalam *Senarai yang Dilarang*.

Orang yang Dilindungi: *Atlet* atau *Orang* lain yang pada ketika pelanggaran anti-doping berlaku: (i) belum mencapai usia enam belas (16) tahun; (ii) belum mencapai usia lapan belas (18) tahun dan tidak termasuk dalam sebarang pengumpulan *Ujian Berdaftar* dan tidak pernah bertanding dalam sebarang *Acara Antarabangsa* dalam kategori terbuka; atau (iii) alasan selain dari usia telah ditentukan di bawah kapasiti undang-undang di bawah perundangan negara yang dikenakan.⁸⁵

Perbicaraan Sementara: Untuk tujuan Perkara 7.4.3, perbicaraan ringkas yang dipercepatkan dijalankan sebelum perbicaraan di bawah Perkara 8 yang memperuntukan *Atlet* dengan notis dan peluang untuk dibicarakan sama ada secara bertulis atau lisan.⁸⁶

Penggantungan Sementara: Lihat *Konsekuensi Pelanggaran Peraturan Anti-Doping* di atas.

Pendedahan Awam: Lihat *Konsekuensi Pelanggaran Peraturan Anti-Doping* di atas.

Atlet Rekreasi: Orang biasa yang ditakrifkan oleh *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* yang relevan, dengan syarat, walau bagaimanapun, tidak termasuk mana-mana *Orang* yang dalam tempoh lima (5) tahun sebelumnya melakukan sebarang pelanggaran peraturan anti-doping, pernah menjadi *Atlet Peringkat Antarabangsa* (seperti yang ditakrifkan oleh setiap Persekutuan Antarabangsa, selaras dengan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Ujian* dan *Penyiasatan*) atau *Atlet Peringkat Kebangsaan* (seperti yang ditakrifkan oleh setiap *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan*, selaras dengan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Ujian* dan *Penyiasatan*), telah mewakili mana-mana negara dalam *Acara Antarabangsa* dalam kategori terbuka atau pernah dimasukkan dalam sebarang *Pengumpulan Ujian Berdaftar* atau maklumat keberadaan pengumpulan yang diselenggarakan oleh mana-mana Persekutuan Antarabangsa atau *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan*. Di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, *Atlet rekreasi* ditakrifkan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian Pengenal Peraturan Anti-Doping ini (Seksyen “Skop Peraturan Anti-Doping ini”).⁸⁷

Pertubuhan Anti-Doping Serantau: Entiti serantau yang dilantik oleh negara-negara ahli untuk menyelaras dan mengurus program anti-doping kebangsaan di kawasan perwakilan, termasuk yang pengenaan dan pelaksanaan peraturan anti-doping, perancangan dan pengumpulan *Sampel*, pengurusan keputusan, menyemak semula *TUE*, mengendalikan perbicaraan, dan mengendalikan program *Pendidikan* di peringkat serantau.

Pengumpulan Ujian Berdaftar: Pengumpulan *Atlet* yang berkepentingan utama ditentukan secara berasingan di peringkat antarabangsa oleh Persekutuan Antarabangsa dan di peringkat kebangsaan oleh *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan*, yang tertumpu pada *Ujian Di dalam Pertandingan* dan *Di luar Pertandingan* sebagai sebahagian daripada rancangan pembahagian ujian Persekutuan Antarabangsa atau *Pertubuhan Anti-Doping Kebangsaan* dan oleh itu diperlukan untuk memberi maklumat keberadaan seperti yang diperuntukkan di dalam Perkara 5.5 Kod ini dan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Ujian* dan *Penyiasatan*.

Pengurusan Keputusan: Proses meliputi jangka waktu antara pemakluman mengikut Perkara 5 *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*, atau dalam kes-kes tertentu (contoh, *Penemuan Atipikal*, *Pasport Biologi Atlet*, *kegagalan keberadaan*), langkah-langkah pra pemakluman sedemikian seperti yang diterangkan dalam Perkara 5 *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengurusan Keputusan*, melalui caj sehingga penyelesaian muktamad termasuk selesainya proses perbicaraan pertama atau membuat rayuan (jika rayuan dihadapkan).

Sampel atau Spesimen: Sebarang bahan biologi yang dikumpulkan bagi tujuan *Kawalan Doping*.⁸⁸

Penandatanganan: Entiti yang menerima *Kod* ini dan bersetuju untuk melaksanakannya, seperti yang diperuntukan dalam Perkara 23.

Kaedah Spesifik: Lihat Perkara 4.2.2.

Bahan Spesifik: Lihat Perkara 4.2.2.

Liabiliti Ketat: Peraturan yang diperuntukkan di bawah Perkara 2.1 dan Perkara 2.2, tujuan kesalahan, kecuaiian, atau penggunaan *Atlet* tidak perlu ditunjukkan oleh *Pertubuhan Anti-Doping* demi untuk membuktikan pelanggaran peraturan anti-doping.

Penyalahgunaan Bahan: Lihat Perkara 4.2.3.

Bantuan Penting: Bagi tujuan Perkara 10.7.1, *Orang* yang memberi *Bantuan Penting* mestilah; (1) mendedahkan sepenuhnya dalam pernyataan bertulis bertandatangan atau wawancara yang dirakam, semua maklumat yang dia/mereka miliki berkaitan dengan pelanggaran peraturan anti-doping atau prosiding lain yang diterangkan dalam Perkara 10.7.1.1, dan (2) memberikan kerjasama sepenuhnya pada penyiasatan dan pengadilan sebarang kes atau perkara berkaitan dengan maklumat tersebut, termasuk, sebagai contoh, memberikan testimoni yang ketika perbicaraan jika diminta berbuat demikian oleh *Pertubuhan Anti-Doping* atau panel perbicaraan. Selanjutnya, maklumat yang diberi mestilah boleh dipercayai dan mestilah mempunyai bahagian penting dalam sebarang kes atau prosiding yang dimulakan atau, jika tidak ada kes atau prosiding yang dimulakan, mestilah mempunyai dasar yang mencukupi pada kes atau prosiding yang dikemukakan.

Mengubah: Tingkah laku yang disengajakan untuk merosakkan proses *Kawalan Doping* tetapi tidak akan termasuk dalam takrif *Kaedah yang Dilarang*. *Mengubah* termasuk, tanpa had, memberi atau menerima rasuah untuk melaksanakan atau gagal melaksanakan proses, menghalang pengumpulan *Sampel*, menjejaskan atau mempengaruhi analisis *Sampel*, memalsukan dokumen yang dihadapkan kepada *Pertubuhan Anti-Doping* atau jawatankuasa *TUE* atau panel perbicaraan, mendapatkan testimoni palsu daripada saksi-saksi, melakukan sebarang tindakan fraud lain ke atas *Pertubuhan Anti-Doping* atau badan perbicaraan untuk mempengaruhi *Pengurusan Keputusan* atau pengenaan *Konsekuensi*, dan sebarang tindakan perubahan yang serupa dan disengajakan atau *Percubaan* mengubah sebarang aspek *Kawalan Doping*.⁸⁹

Ujian Sasaran: Pemilihan *Atlet* tertentu untuk menjalani *Ujian* berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam *Piawaian Antarabangsa* untuk *Ujian* dan penyiasatan.

Sukan Berkumpulan: Sukan yang membenarkan penggantian pemain semasa *Pertandingan*.

Dokumen Teknikal: Dokumen yang diterima pakai dan diterbitkan oleh *WADA* dari semasa ke semasa yang mengandungi keperluan teknikal secara mandatori pada topik anti-doping tertentu seperti yang ditetapkan dalam *Piawaian Antarabangsa*.

Ujian: Bahagian Proses *Kawalan Doping* yang melibatkan rancangan pengagihan ujian, pengumpulan *Sampel*, menangani *Sampel*, dan pengangkutan *Sampel* ke makmal.

Pengecualian Penggunaan Terapeutik (TUE): *Pengecualian Penggunaan Terapeutik* membenarkan *Atlet* yang ada penyakit untuk menggunakan *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang*, tetapi hanya jika keadaan yang ditetapkan dalam Perkara 4.4 dan *Piawaian Antarabangsa* bagi *Pengecualian Penggunaan Terapeutik* dipenuhi.

Perdagangan Haram: Menjual, memberi, mengangkut, menghantar atau mengedar (atau Memiliki untuk sebarang tujuan) *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* (sama ada secara fizikal atau elektronik atau cara lain) oleh *Atlet*, *Kakitangan Sokongan Atlet* atau mana-mana *Orang* lain tertakluk kepada kuasa *Pertubuhan Anti-Doping* kepada mana-mana pihak ketiga, dengan syarat, walau bagaimanapun, takrif ini tidak termasuk tindakan bona-fide kakitangan perubatan yang melibatkan penggunaan *Bahan Terlarang* bagi tujuan terapeutik sebenar dan sah atau justifikasi yang boleh diterima, dan tidak termasuk tindakan yang melibatkan *Bahan Terlarang* yang tidak dilarang dalam *Ujian Di luar Pertandingan* melainkan keadaan keseluruhannya menunjukkan yang *Bahan Terlarang* tersebut tidak dimaksudkan untuk tujuan terapeutik sebenar dan sah atau bertujuan untuk meningkatkan prestasi sukan.

Konvensyen UNESCO: Konvensyen Antarabangsa menentang Doping dalam Sukan diterima pakai oleh *Persidangan Am UNESCO* sesi ke 33 pada 19 Oktober 2005, termasuk sebarang dan semua pindaan yang diterima pakai oleh *Parti Negara Konvensyen* dan *Persidangan Parti Konvensyen Antarabangsa* menentang Doping dalam Sukan.

Menggunakan: Penggunaan, pengenaaan, memakan, suntikan atau dengan apa-apa cara pengambilan sebarang *Bahan Terlarang* atau *Kaedah yang Dilarang* sekalipun.

WADA: Agensi Anti-Doping Dunia.

Persetujuan Tanpa Memudaratkan: Untuk tujuan Perkara 10.7.1.1 dan 10.8.2, persetujuan secara bertulis antara *Pertubuhan Anti-Doping* dan *Atlet* atau *Orang* lain yang membenarkan *Atlet* atau *Orang* lain untuk memberi maklumat kepada *Pertubuhan Anti-Doping* dalam takrif had waktu yang ditetapkan dengan memahami bahawa, jika perjanjian untuk *Bantuan Penting*; atau perjanjian resolusi kes belum dicapai, maklumat yang diberikan oleh *Atlet* atau *Orang* lain yang disebut dalam kenyataan ini tidak dipakai oleh *Pertubuhan Anti-Doping* terhadap *Atlet* atau *Orang* lain dalam sebarang prosiding *Pengurusan Keputusan* dalam *Kod* ini. Perjanjian sedemikian tidak menghalang *Pertubuhan Anti-Doping*, *Atlet* atau *Orang* lain daripada menggunakan sebarang maklumat atau keterangan yang dikumpulkan dari sebarang sumber lain semasa had waktu yang ditetapkan seperti yang diterangkan dalam perjanjian tersebut